

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**2025**

**HARI SELASA : 4 FEBRUARI 2025**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB**

**LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN**

**( SOALAN NO. 2, NO. 10 HINGGA NO. 89 )**

**[SOALAN NO. 2 DIJAWAB BERSEKALI DENGAN SOALAN NO. 30]**

**NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**NO SOALAN: 2**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SERI HAMZAH BIN ZAINUDIN [LARUT]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB DATO' SERI HAMZAH BIN ZAINUDIN [LARUT]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan bagaimana selaku Pengerusi ASEAN Malaysia akan mengimbangi hubungan ASEAN bersama BRICS dengan mengambil kira ancaman ekonomi oleh Amerika Syarikat di bawah kepimpinan Presiden Trump.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Larut** atas pertanyaan yang dikemukakan. Izinkan saya menjawab pertanyaan Yang Berhormat Larut bersekali dengan pertanyaan yang dikemukakan oleh **Yang Berhormat Simpang Renggam** kerana pertanyaan tersebut menyentuh isu yang sama.

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Saya baharu sahaja mempengerusikan Sesi Pemukiman Menteri-Menteri Luar Negeri ASEAN yang berlangsung pada 18-19 Januari 2025 di Langkawi. Sesi Pemukiman menyaksikan kesungguhan dan komitmen negara-negara anggota untuk bekerjasama dalam menghadapi cabaran-cabaran yang dihadapi. Negara-negara Anggota ASEAN telah sebulat suara menegaskan keperluan memperkuuh Kepusatuan ASEAN dan meningkatkan daya tahan ekonomi serantau dalam menangani ketidaktentuan geopolitik dan geoekonomi, dengan merancakkan lagi kerjasama strategik dalam bidang keselamatan, ekonomi, dan politik.
2. Presiden Donald Trump mengamalkan dasar, dengan izin, "*America First*," yang berpotensi membawa perubahan dalam pendekatan Amerika Syarikat terhadap hubungan dengan ASEAN, BRICS, serta kedudukan Malaysia di peringkat serantau dan antarabangsa.
3. Malaysia mengamalkan dasar luar yang berkecuali dan berbaik-baik dengan semua negara, kecuali negara yang mengamalkan dasar yang terang-terang melanggar hak asasi manusia dan undang-undang antarabangsa. Ini selaras dengan dasar luar kita yang bebas, berprinsip dan pragmatik di mana kita sentiasa komited dalam usaha mengukuhkan hubungan dan kerjasama dengan negara-negara asing, demi manfaat bersama.

## **NO SOALAN: 2**

4. Justeru itu, Kerajaan akan terus mempertahankan kedudukan Malaysia sebagai Negara yang mempunyai ekonomi terbuka dan bergantung kepada perdagangan antarabangsa. Langkah-langkah strategik akan diambil untuk mengimbangi kepentingan Negara dengan pendekatan pentadbiran baharu Amerika Syarikat, sambil memanfaatkan peluang untuk memperkuuh hubungan dua hala dan kerjasama sedia ada dengan Amerika Syarikat.

**Tuan Yang di-Pertua,**

5. Dasar luar kita juga turut mendukung kepentingan pelbagai hala, atau dengan izin, *multilateralism*, bagi membolehkan Malaysia dan masyarakat antarabangsa sama-sama menangani pelbagai cabaran global yang mendesak.
6. Ini terbukti menerusi penglibatan dan peranan aktif yang dimainkan oleh Malaysia dalam pelbagai organisasi antarabangsa di peringkat serantau dan pelbagai hala, termasuk ASEAN, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM), Kumpulan 77 (G-77) dan BRICS.
7. Di samping itu, Malaysia turut menganggotai dan melibatkan diri secara aktif dan konsisten melalui platform-platform Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC), Perjanjian Kerjasama Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP), Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Trans-Pasifik (CPTPP) dan Rangka Kerja Ekonomi Indo-Pasifik (IPEF).
8. Malaysia kekal komited untuk menjalin hubungan dan kerjasama yang erat dengan semua negara, termasuk negara-negara bukan anggota BRICS seperti negara-negara Kesatuan Eropah dan Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD). Untuk tujuan ini, Malaysia akan menggandakan usaha untuk meningkatkan kerjasama dalam bidang ekonomi dan bidang-bidang berkepentingan lain bagi memastikan kepentingan ekonomi dan perdagangan Negara kekal utuh di persada antarabangsa.

**NO SOALAN: 2**

9. Di peringkat ASEAN, selaras dengan prinsip keterangkuman di bawah tema Kepengerusian ASEAN-Malaysia, usaha akan diteruskan dalam memperkasa hubungan ASEAN dengan semua rakan-rakan dialog dan lain-lain rakan luarnya menerusi dialog dan kerjasama yang membina.

**Tuan Yang di-Pertua,**

10. Secara kumulatif, Amerika Syarikat adalah merupakan negara sumber pelaburan langsung asing, atau dengan izin, *Foreign Direct Investment* (FDI), yang terbesar di Malaysia. Maka itu, Malaysia akan terus mengeratkan hubungan kerjasama dengan Amerika Syarikat untuk meneroka peluang-peluang baharu dalam meningkatkan lagi perdagangan dan pelaburan dua hala untuk manfaat bersama, dengan mengambil kira perdagangan dan pelaburan dengan semua negara, demi melindungi kepentingan ekonomi Negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN PRABAKARAN A/L M  
PARAMESWARAN [BATU]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN [BATU]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Jabatan Wilayah Persekutuan untuk memperbaiki pengurusan sampah dan mengatasi masalah pembuangan sampah haram di kawasan-kawasan tumpuan pelancong dan pusat bandar termasuk kawasan perparitan.

**JAWAPAN**

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**  
**(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. **Untuk makluman Ahli Yang Berhormat**, Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) telah melaksanakan program *Bersih Setiap Tempat* (BeST) di semua kawasan Parlimen dalam Wilayah Persekutuan. Kempen BeST ini bertujuan meningkatkan tahap kebersihan, kesedaran sivik, serta rasa tanggungjawab bersama dalam kalangan warga Wilayah Persekutuan.
2. **Kempen ini telah dilancarkan pada 19 Januari 2025 (Ahad) di Pavilion, Bukit Bintang**, dan turut dilaksanakan serentak di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan. Inisiatif ini selari dengan visi *Bandar CHASE*, di mana kebersihan menjadi salah satu komponen utama dalam membentuk sebuah *Clean City* dan akan dipanjangkan untuk dilaksanakan sendiri oleh mereka yang berminat termasuk komuniti, Majlis Perwakilan Penduduk, NGO, persatuan penjaja dan lain-lain.
3. Disamping itu juga, JWP sedang dalam perbincangan dengan SWCorp untuk mendaya-upayakan golongan gelandangan yang selama ini menjadi ‘masalah (*problem*)’ dalam penghasilan sampah kepada ‘sumber penyelesaian (*solution*)’ pembersihan sampah di Wilayah Persekutuan.

**NO SOALAN: 10**

4. Dalam masa yang sama, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya (PPJ), dan Perbadanan Labuan (PL) memperkasakan inisiatif *Waste to Wealth* dan *Zero Waste* bagi meningkatkan pengurusan sisa serta kelestarian alam sekitar di Wilayah Persekutuan. Antaranya, program 1 *Komuniti 1 Kitar Semula* (1C1R), yang membolehkan komuniti menukar barang kitar semula kepada keperluan harian melalui sistem barter atau pembayaran sewa rumah bagi penduduk PPR/PA. Mereka juga boleh menjana pendapatan dengan pertukaran minyak masak terpakai (*Circular Economy*).
5. Beberapa langkah turut diambil dalam memperbaiki pengurusan sampah dan mengatasi masalah pembuangan sampah haram seperti berikut:
  - i. SWCorp dan Alam Flora meningkatkan kutipan sampah di pusat bandar, sementara Zon Bebas Sampah diperkenalkan dengan kompaun maksimum (RM500) bagi kesalahan membuang sampah serta menambah frekuensi sehingga 3 kali pembersihan dalam tempoh 24 jam;
  - ii. Pemasangan 2,000 CCTV berteknologi AI di WP Kuala Lumpur bagi mengesan aktiviti pembuangan sampah haram. Ops Penguatkuasaan *Anti-litter* dikuatkuasakan, dengan 2,457 kompaun dikeluarkan pada 2024 di bawah Akta 133 (Akta Jalan, Parit dan Bangunan);
  - iii. Di Putrajaya, pemantauan kebersihan dilakukan sekurang-kurangnya 24 kali setahun, sementara di WP Labuan, kutipan sisa domestik dijadualkan tiga kali seminggu di luar bandar dan setiap hari di kawasan bandar; dan

**NO SOALAN: 10**

- iv. Labuan menambah 14 tong Roro (jumlah kini 35), membina enam tapak Roro, lima rumah sampah, dan 104 tapak sampah di kawasan *hot spot*. Sebanyak 83 *Communal Bin* dibeli dengan kapasiti 1,100 liter (18 unit), 240 liter (25 unit), dan 120 liter (40 unit). Rondaan ditingkatkan di kawasan aduan pembuangan sampah haram dan keperluan pemasangan CCTV sedang dinilai.
- v. Terkini, DBKL akan melancarkan Pelan Hala Tuju Kuala Lumpur Ke Arah Sifar Sisa 2040 yang mensasarkan 60% pengurangan sisa menjelang 2040 ke tapak pelupusan. Ini membuktikan komitmen berterusan JWP serta agensi di bawahnya dalam memastikan pengurusan sampah sentiasa berada pada tahap yang terbaik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN HAJI AHMAD FADHLI BIN  
SHAARI [PASIR MAS]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB TUAN HAJI AHMAD FADHLI BIN SHAARI [PASIR MAS]** minta MENTERI DIGITAL menyatakan perkembangan terkini tujuh keberhasilan utama Pejabat Kecerdasan Buatan Kebangsaan (NAIO) seperti Pelan Tindakan Teknologi AI, Kod Etika AI dan sebagainya.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. NAIO telah dilancarkan secara rasmi oleh YAB Perdana Menteri pada 12 Disember 2024. Keputusan penubuhan NAIO adalah tepat dengan perkembangan baharu dunia AI bagi memastikan Malaysia kekal berdaya saing dalam ekosistem kecerdasan buatan (AI) yang berkembang pesat di peringkat global. NAIO berperanan memperkuuh pembangunan dan penerimangunaan AI secara beretika serta mampan di Malaysia. Kementerian Digital, melalui Pejabat Kecerdasan Buatan Kebangsaan (NAIO), akan membangunkan Pelan Tindakan Teknologi AI 2026–2030 sebagai kesinambungan kepada AI-Rmap 2021–2025. Pelan ini akan mengambil kira penemuan, pencapaian serta pengalaman daripada pelaksanaan pelan terdahulu bagi memastikan strategi yang lebih mampan, inklusif, dan inovatif dalam merealisasikan Malaysia sebagai hab kecemerlangan AI.
2. Bagi memastikan Malaysia bukan sekadar pengguna tetapi turut menjadi pencipta teknologi AI, NAIO memainkan peranan penting dalam membangunkan ekosistem AI yang kukuh melalui inisiatif berikut:
  - a. Memperkuuh Pelaburan dalam Infrastruktur ekosistem AI
  - b. Memacu Inovasi dan Penyelidikan AI
  - c. Memperkuuh Kerjasama dengan Pihak Berkepentingan
  - d. Memantapkan Tadbir Urus dan Polisi AI
  - e. Memastikan Keselamatan dan Ketelusan AI
3. Bagi memperkuuh pelaburan dalam infrastruktur ekosistem AI, NAIO menyokong usaha menarik pelaburan tempatan dan antarabangsa serta menyalurkan sumber kewangan bagi pembangunan teknologi dan infrastruktur AI.

## **NO SOALAN: 11**

4. Dalam usaha memacu inovasi dan penyelidikan AI, NAIO memberi keutamaan kepada bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi menggalakkan penciptaan, adaptasi serta aplikasi AI yang mampu menangani cabaran semasa dan masa hadapan.
5. Bagi memperkuuh kerjasama dengan pihak berkepentingan, NAIO memacu kolaborasi antara Kerajaan, industri, akademia, dan komuniti bagi memperkasa perkongsian pengetahuan, peningkatan penggunaan AI dalam sektor utama serta pembangunan modal insan yang mampan dalam ekosistem AI negara.
6. Seterusnya, bagi memantapkan tadbir urus dan polisi AI, Kerajaan telah membangunkan beberapa dasar dan perundangan berkaitan seperti Akta Keselamatan Siber (Pindaan) 2024, Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709) (Pindaan) 2024 dan Rang Undang-Undang Perkongsian Data 2024. Dalam hal ini, NAIO akan terus memperkuuh struktur tadbir urus AI bagi memastikan penerapan teknologi ini selari dengan piawaian nasional dan antarabangsa, menghormati nilai dan norma tempatan serta tidak mengekang daya cipta.
7. Dari aspek keselamatan dan ketelusan AI, NAIO akan terus memperkuuh kerjasama serantau dalam keselamatan AI bagi memastikan teknologi ini berkembang secara bertanggungjawab dan sejajar dengan kepentingan negara.
8. NAIO juga telah memberi tumpuan kepada beberapa sektor tertentu khususnya bidang Pengangkutan, Kesihatan, Pertanian, Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) serta Perkhidmatan Digital Kerajaan. Bagi tujuan ini, NAIO sedang bekerjasama dengan Kementerian berkaitan dan memperkenalkan solusi-solusi AI dalam suku kedua tahun 2025.
9. Kerajaan komited dalam menjadikan AI sebagai pemacu utama transformasi digital negara. Dengan penubuhan NAIO, Malaysia berupaya mengukuhkan daya saing dalam ekonomi digital serta memastikan pembangunan AI yang mampan, beretika dan berpaksikan kepentingan rakyat serta negara secara keseluruhan.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 12**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN CHONG ZHEMIN [KAMPAR]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB TUAN CHONG ZHEMIN [KAMPAR] minta MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menarik lebih banyak pelancong yang berbelanja tinggi ke Malaysia.**

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Dalam meningkatkan perbelanjaan pelancong asing ke Malaysia, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya melalui agensinya Tourism Malaysia telah mengambil inisiatif dengan mempromosikan produk pelancongan minat khas dengan penawaran pengalaman pelancongan khusus dan berbeza seperti membeli-belah, bermain golf, aktiviti memburung, perubatan dan sebagainya.
2. Antara langkah yang diambil untuk mengalakkan lebih ramai pelancong untuk berbelanja di Malaysia adalah melalui penganjuran Kempen Jualan Nasional sebanyak 3 kali setahun iaitu pada bulan Mac, Jun dan Disember.
3. Penganjuran Kempen Jualan Nasional ini berteraskan kepada konsep *Experiential Shopping* dengan mensasarkan pelancong yang berbelanja tinggi apabila melancong dan pasaran sasaran utama adalah negara jiran yang bersempadan dengan Malaysia iaitu Singapura, Brunei, Indonesia & Selatan Thailand. Salah satu dari inisiatif baharu yang telah diperkenalkan ialah program Jualan Tengah Malam bagi menggalakkan pelawat harian dari negara jiran untuk berbelanja dan seterusnya bermalam di Malaysia. Kempen ‘Midnight Sales’ yang diadakan di Johor selama 2 hari telah berjaya menjana pendapatan berjumlah RM1.4 juta.
4. Hasil dari aktiviti membeli belah ini dapat memberi limpahan ekonomi kepada sektor-sektor seperti perhotelan, peruncitan, *F&B*, pengangkutan dan lain-lain yang berkaitan.
5. Kempen ini mendapat kerjasama sepenuhnya dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Persatuan Pengurusan Kompleks Malaysia (PPKM), Persatuan Peruncit Malaysia (MRA), Persatuan Peruncit Rantai Malaysia (MRCA), Persatuan Hotel Malaysia (MAH) serta pengiat industri pelancongan negara yang lain.

## **NO SOALAN: 12**

6. Malaysia adalah destinasi yang ideal untuk peminat golf dengan pelbagai padang golf yang menarik dan kemudahan bertaraf dunia. Tourism Malaysia melalui Bahagian Pembangunan Pakej telah bekerjasama dengan agensi pelancongan yang berdaftar di bawah MOTAC bagi mempromosikan risalah khas yang bertajuk *Unimaginable Golf Packages 2024* untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi peminat sukan berprestij ini.

7. Di samping itu, *Malaysia Golf Directory* telah diterbitkan khusus bagi memperkenalkan padang golf yang terbuka kepada orang awam. Dengan penerbitan direktori golf ini, kita dapat menarik lebih ramai pelancong segmen minat khas ini untuk berbelanja dan bermain golf di Malaysia, sekaligus memperkuatkan industri pelancongan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' KHLIR BIN MOHD NOR [KETEREH]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB DATO' KHLIR BIN MOHD NOR [KETEREH]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan inisiatif Kementerian Pertahanan untuk memperkasakan Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) supaya dapat memudahkan penyaluran bantuan kepada warga veteran ATM.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dalam memastikan perkhidmatan Jabatan Hal Ehwal Veteran Angkatan Tentera Malaysia (JHEV ATM), terutamanya dalam aspek penyaluran bantuan-bantuan kebajikan dan program peningkatan sosioekonomi dapat disampaikan dengan berkesan kepada veteran, Kementerian menyokong usaha pemerkasaan JHEV ATM berdasarkan kerangka yang dikenali sebagai ‘FIRST’.
2. Kerangka FIRST ini merujuk kepada sumber kewangan yang mencukupi untuk Jabatan melaksanakan fungsinya (*Funding*), kemudahan infrastruktur yang sesuai, mencukupi dan berkualiti (*Infrastructure*), pemantapan Peraturan dan Pembuatan Dasar (*Rules & Policy*), sumber manusia yang mencukupi dan kompeten (*Skills & Talents*) dan kemajuan teknologi yang mesra pengguna, pantas dan berkesan (*Technology*).
3. Dalam aspek peruntukan misalnya, Kerajaan sentiasa memberikan kenaikan peruntukan bagi memastikan kelancaran dan keberkesaan JHEV dalam menyantuni para veteran. Pada tahun **2023**, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM50.1 juta bagi pelaksanaan **Bantuan Sara Hidup kepada 41,970 Veteran Tidak Berpencen**. Bagi tahun **2024**, bantuan ini menerima peruntukan tambahan sebanyak **RM139.2 juta** dan meningkat kepada **RM243.3 juta** dengan **perbezaan sebanyak RM104.1 juta** atau 42.7%. Manakala bagi tahun **2025**, kerajaan memperuntukkan sebanyak **RM173.8 juta** bagi Bantuan Sara Hidup.

**NO SOALAN: 13**

4. Proses pemerkasaan ini sentiasa berjalan dan akan dipastikan berupaya untuk terus memperkasa JHEV. Walaubagaimanapun, saya akui bahawa usaha pemerkasaan Jabatan ini sudah pastilah akan mengambil sedikit masa dan melibatkan sumber-sumber yang diperlukan dalam tempoh tertentu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK SERI PANGLIMA MADIUS BIN  
TANGAU [TUARAN]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB DATUK SERI PANGLIMA MADIUS BIN TANGAU [TUARAN]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan status pembinaan Stesen Satelit Bumi yang telah diluluskan pada tahun 2016 dengan peruntukan RM27.5 juta untuk dibina di kawasan Kampung Laya-Laya Tuaran. Bilakah akan dilaksanakan, mengapa kelewatan pelaksanaannya berlaku dan bilakah ia dijangka siap.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) sentiasa berusaha dan komited untuk membangunkan landskap ekosistem teknologi angkasa di Malaysia seiring dengan matlamat Dasar Angkasa Negara 2030 (DAN2030) untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara berteknologi tinggi dan menguasai bidang teknologi angkasa seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi, penjanaan ilmu, pembangunan lestari, kedaulatan dan kesejahteraan negara.

Bagi memastikan Malaysia berpeluang untuk meneroka dan memanfaatkan teknologi maju angkasa, Program RazakSAT-2 telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 5 Disember 2012 dengan skop pelaksanaan yang melibatkan pembangunan dan pelancaran satelit, pembinaan stesen satelit bumi serta peningkatan kepakaran dan modal insan.

Pembinaan Stesen Satelit Bumi di Kampung Laya-Laya, Tuaran telah dikenalpasti sebagai keperluan untuk membangunkan stesen bumi bagi tujuan meningkatkan kecekapan penjejakan, pengawalan dan telemetri satelit RazakSat-2.

Namun begitu memandangkan program RazakSAT-2 telah ditamatkan dan digantikan dengan Program Pembangunan Satelit Penderiaan Jauh Negara (PSPJN), kesemua skop dan aktiviti di bawah program ini termasuk pembangunan stesen bumi baharu juga ditamatkan. Selain itu, pengoperasian dua stesen penerima data satelit sedia ada di Temerloh, Pahang dan Banting, Selangor adalah mencukupi bagi memenuhi keperluan negara.

Program Pembangunan Satelit Penderiaan Jauh Negara (PSPJN) dijangka dapat mencapai matlamat dan keperluan pengoperasian semasa dan akan datang terutamanya dalam aspek perolehan data bagi keperluan strategik negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN MOHD AZIZI BIN ABU NAIM [GUA MUSANG]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB TUAN MOHD AZIZI BIN ABU NAIM [GUA MUSANG]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah mekanisme Kementerian dalam menangani kes ketidakhadiran lebih 10,000 calon peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia 2024 dan kesan jika pindaan Akta Pendidikan 1996 bagi mewajibkan pendidikan sehingga peringkat sekolah menengah diluluskan tahun ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) amat serius dalam menangani isu ketidakhadiran calon peperiksaan SPM dan meletakkannya sebagai *non-negotiable* selari dengan aspirasi kepimpinan Pendidikan MADANI diterapkan oleh KPM yang berpaksikan keutamaan akses, ekuiti dan kualiti pendidikan untuk semua murid.

KPM sentiasa memandang serius akan isu ketidakhadiran calon peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Saya ingin menyatakan komitmen KPM untuk menangani isu ini secara efektif dan komprehensif.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui pelbagai intervensi, inisiatif dan usaha berterusan yang dilaksanakan oleh KPM, jumlah ketidakhadiran calon dalam peperiksaan SPM 2024 telah mencatatkan suatu penurunan.

Terdapat enam kategori calon berdaftar SPM, iaitu calon sekolah KPM, calon sekolah di bawah agensi kerajaan, calon sekolah menengah agama negeri, calon sekolah menengah agama rakyat, calon sekolah swasta dan calon persendirian.

Bagi peperiksaan SPM Tahun 2024, seramai 386,739 orang calon baharu telah mendaftar sekurang-kurangnya enam mata pelajaran. Daripada jumlah tersebut, seramai 345,129 orang merupakan calon sekolah KPM. Berdasarkan analisis sehingga 22 Januari 2025, seramai 8,164 orang calon peperiksaan SPM Tahun 2024 dilaporkan tidak hadir berbanding 10,160 orang calon bagi tahun 2023. Ini menunjukkan penurunan sebanyak 1,996 orang iaitu 19.6 peratus.

Bagi kategori calon sekolah KPM sahaja, analisis menunjukkan seramai 6,290 orang calon tidak hadir menduduki peperiksaan SPM Tahun 2024 berbanding 8,676 orang bagi tahun 2023. Ini bermakna terdapat penurunan sebanyak 2,386 orang iaitu 27.5 peratus.

## NO SOALAN: 15

Berdasarkan kepada analisis daripada Aplikasi Pengurusan Ketidakhadiran ke Sekolah Semasa Peperiksaan, antara sebab utama ketidakhadiran calon ketika peperiksaan SPM Tahun 2024 adalah termasuk bekerja, masalah keluarga, masalah kesihatan, meninggal dunia dan berpindah ke luar negara.

Bagi menangani isu ketidakhadiran calon menduduki peperiksaan SPM, KPM telah melaksanakan intervensi antaranya seperti berikut:

- i. memantau kehadiran murid ke sekolah secara harian melalui Sistem Kehadiran Murid (eKehadiran) dalam Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM) agar memudahkan pihak sekolah melaksanakan intervensi;
- ii. mengaktifkan Task Force Intervensi Murid Berisiko Cicir SPM pada semua peringkat dan memantau status murid berisiko cicir melalui papan pemuka (dashboard) bertujuan untuk memastikan kehadiran calon dalam peperiksaan SPM dan mengoptimumkan tindakan intervensi yang bersesuaian;
- iii. mengadakan Dialog Prestasi Nasional bagi membincangkan isu berkaitan kehadiran calon SPM dan melaporkan intervensi secara berfokus yang telah dilaksanakan pada peringkat jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan sekolah. Usaha ini memberi impak peningkatan kehadiran calon SPM yang lebih baik;
- iv. melaksanakan aktiviti berfokus seperti Program Ziarah Cakna, sesi konsultasi ibu bapa, permuafakatan Persatuan Ibu Bapa Guru serta Pelibatan Ibu Bapa, Komuniti dan Swasta. Kebersamaan dalam melaksanakan tindakan ini menunjukkan usaha yang optimum daripada semua pihak;
- v. memberi peringatan kepada JPN, PPD dan sekolah untuk memantau kehadiran murid ke sekolah dan peperiksaan SPM; dan

- vi. bekerjasama erat dengan Agensi Pengurusan Bencana Negara, Angkatan Tentera Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Jabatan Meteorologi Malaysia, Jabatan Kebajikan Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia dan jabatan pendidikan negeri bagi memastikan kelancaran pengendalian peperiksaan awam semasa musim tengkujuh atau bencana banjir.

Selain itu, KPM turut melaksanakan pengesanan awal murid berisiko cicir dalam kalangan murid Tingkatan 4 bagi memastikan mereka akan hadir menduduki peperiksaan SPM 2025. Pengesanan awal ini juga membolehkan pihak sekolah membuat perancangan bagi melaksanakan intervensi yang bersesuaian.

Program SPM 2025 akan diteruskan dengan memberi fokus kepada murid yang berisiko cicir bagi meningkatkan pencapaian dalam mata pelajaran wajib lulus SPM (Bahasa Melayu dan Sejarah). Di samping itu, seramai 22,000 orang calon SPM 2025 yang terpilih di bawah Program Anak Kita akan menerima bantuan kit peranti atau tablet. Pemberian tablet ini bertujuan menyokong inisiatif KPM untuk memastikan tiada murid berdepan masalah keciciran pembelajaran dan seterusnya menangani isu ketidakhadiran calon dalam peperiksaan SPM. Program ini turut mendapat kerjasama daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Universiti Sains Malaysia sebagai rakan strategik.

KPM kini sedang melaksanakan pelbagai inisiatif penting bagi mereformasikan pendidikan negara merangkumi merangkumi pelbagai fokus termasuklah menangani keciciran pembelajaran. Cadangan pindaan Rang Undang-Undang (RUU) Pendidikan: Pelanjutan Dasar Pendidikan Wajib dari Pendidikan Rendah hingga Pendidikan Menengah merupakan satu langkah penting yang diambil KPM dalam usaha meningkatkan akses pendidikan di Malaysia. Rang Undang-Undang (RUU) Pendidikan (Pindaan) yang dicadangkan bertujuan memastikan pendidikan wajib tidak hanya terhad kepada peringkat rendah tetapi diperluaskan hingga ke pendidikan menengah, sejajar dengan keperluan pembangunan negara dan aspirasi untuk menangani isu keciciran pelajar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan tersebut telah dibentang dan dipersetujui secara dasarnya dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada bulan Jun 2024. Pelanjutan Dasar Pendidikan Wajib ini akan melibatkan pindaan kepada Akta 550. Rang Undang-Undang (RUU) Pendidikan (Pindaan) berkaitan pelanjutan Dasar Pendidikan Wajib dari pendidikan rendah hingga pendidikan menengah ini akan dibentangkan di Parlimen setelah semua proses selesai termasuk diluluskan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri.

Cadangan pindaan ini bertujuan mewajibkan pendidikan menengah bagi kanak-kanak warganegara Malaysia. Cadangan ini memberi kesamarataan peluang pendidikan untuk mengembangkan potensi diri murid. Selain itu, cadangan ini juga merupakan salah satu usaha untuk memastikan Malaysia mencapai kadar enrolmen sejagat pada peringkat pendidikan menengah dan membuka lebih peluang untuk murid melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi atau memasuki alam pekerjaan.

Pindaan ini juga selari dengan agenda reformasi pendidikan oleh KPM yang memgutamakan akses, kualiti, ekuiti dan keberkesanan sistem pendidikan. Pindaan kepada Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] untuk melanjutkan Dasar Pendidikan Wajib hingga ke pendidikan menengah adalah langkah penting dalam memastikan akses pendidikan lebih meluas, meningkatkan kualiti modal insan, dan mengurangkan keciciran pelajar. KPM percaya reformasi ini berpotensi membawa impak besar terhadap generasi Malaysia serta masa depan pendidikan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK SERI SARAVANAN A/L  
MURUGAN [TAPAH]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB DATUK SERI SARAVANAN A/L MURUGAN [TAPAH]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini Memorandum Persefahaman (MoU) pada 25 November 2010, Bandaraya Berkembar Kuala Lumpur-Chennai dengan hasrat untuk memperkuatkan hubungan dan meningkatkan kerjasama di antara dua bandar raya tersebut. Kerajaan Malaysia diwakili oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Kerajaan India diwakili oleh Corporation of Chennai.

**JAWAPAN**

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Memorandum Persefahaman (MoU) Bandar Raya Berkembar antara Kuala Lumpur dan Chennai ditandatangani pada 25 November 2010, bahawa MoU tersebut bertujuan untuk memperkuatkan hubungan dan meningkatkan kerjasama strategik antara kedua-dua bandar raya. Melalui MoU ini, beberapa bidang telah dikenal pasti sebagai fokus kerjasama, termasuk:
  - i. Pertukaran kepakaran dalam pengurusan bandar raya;
  - ii. Perkongsian maklumat, pengalaman, dan pengetahuan melalui program latihan, seminar, dan lawatan kerja;
  - iii. Pelaksanaan projek bersama dalam bidang pembangunan bandar dan kemampanan; dan
  - iv. Penganjuran dialog dan mesyuarat berkala untuk membincangkan isu-isu yang memberi manfaat kepada kedua-dua pihak.

**NO SOALAN: 16**

2. Tempoh MoU adalah lima tahun iaitu 2010 hingga 2015 dan dilanjut secara automatik untuk 5 tahun seterusnya iaitu 2016 hingga 2020 sahaja. Walau bagaimanapun, Kuala Lumpur sentiasa mengalu-alukan peluang kolaborasi untuk menjalankan pelbagai inisiatif ke arah pembangunan bandar raya yang lebih inklusif, mampan dan berdaya tahan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DR. AHMAD FAKHRUDDIN BIN  
FAKHRURAZI [KUALA KEDAH]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB DR. AHMAD FAKHRUDDIN BIN FAKHRURAZI [KUALA KEDAH]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan impak pertumbuhan ekonomi yang dijangkakan akan diperoleh selepas pelancaran Tahun Melawat Malaysia 2026 bagi suku tahun pertama 2025.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pelancaran Kempen Melawat Malaysia 2026 (VM2026) dijangka memberikan impak positif kepada pertumbuhan ekonomi negara, khususnya dalam sektor pelancongan. Namun demikian, impak sebenar terhadap pertumbuhan ekonomi mungkin belum dapat diukur sepenuhnya sehingga data lengkap bagi akhir suku pertama dan kedua 2025 diperolehi. Pada masa ini, MOTAC masih dalam proses menjalankan kajian dan analisis terperinci untuk menilai kesan ekonomi secara holistik. Aktiviti persediaan dan kempen promosi yang berterusan diharap mampu meletakkan asas kukuh bagi pertumbuhan lebih besar menjelang Kempen Melawat Malaysia 2026.

Kepengerusian ASEAN oleh Malaysia tahun ini memberikan impak yang positif dan turut menyumbang kepada mempromosikan kempen VM2026. Sepanjang tahun 2025, Malaysia akan menjadi tuan rumah kepada kira-kira 323 mesyuarat ASEAN di pelbagai peringkat. Limpahan manfaat kepada rakyat terutamanya pada sektor perhotelan, pelancongan dan industri tempatan.

Kempen Melawat Malaysia 2026 turut diharap menjadi pemangkin kemakmuran komuniti, memperkasa budaya tempatan, serta memacu pertumbuhan dalam pelbagai sektor termasuk hospitaliti, pengangkutan, peruncitan, dan industri makanan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN WONG SHU QI [KLUANG]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB PUAN WONG SHU QI [KLUANG]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan perancangan Kementerian untuk bekerjasama dengan platform dalam talian seperti Airbnb, Agoda dan Booking.com bagi mempromosikan Malaysia di peringkat antarabangsa sempena Tahun Melawat Malaysia 2026.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Antara perancangan bagi promosi atas talian adalah seperti pengisian digital (*digital content*) media sosial yang lebih menarik untuk menarik minat pelancong dan bekerjasama dengan platform tertentu bagi meningkatkan permintaan terhadap perkhidmatan pelancongan atas talian serta penerbitan panduan perjalanan khusus untuk destinasi Malaysia secara digital di laman sesawang platform tersebut bagi memudahkan perjalanan pelancong dan kecapaian maklumat mengenai destinasi tertentu.

Salah satu strategi berimpak tinggi dan pantas untuk mempromosikan Kempen Melawat Malaysia 2026 adalah melalui promosi atas talian seperti platform di peringkat global atau antarabangsa contohnya seperti AGODA. Sebagai permulaan, AGODA mempromosikan video Kempen Melawat Malaysia 2026 kepada Menteri-Menteri ASEAN semasa Majlis Makan Tengahari AGODA pada persidangan ASEAN Tourism Forum 2025 di Johor Bahru pada 20 Januari 2025 yang lalu.

Seterusnya program pada tahun 2025 adalah seperti Galakan Rakan Penginapan Pelancongan Mampan melalui kempen Tawaran Eko AGODA dan menerbitkan panduan perjalanan khusus untuk destinasi Malaysia sekaligus membantu meningkatkan kehadiran pelancong antarabangsa ke Malaysia. Bagi tahun 2026 pula, Agoda akan mempromosikan Kempen Melawat Malaysia 2026 melalui pengiklanan di laman sesawang global AGODA serta bersetuju untuk pemberian diskaun bagi tempahan penginapan hotel yang berdaftar di semua platform AGODA sempena Kempen Melawat Malaysia 2026.

Kementerian komited terhadap penggunaan digitalisasi di dalam sektor pelancongan negara dan bersedia bekerjasama dengan mana-mana platform atas talian yang bersesuaian bagi mencapai pasaran-pasaran tertentu serta ia sewajarnya dilaksanakan untuk memastikan penyampaian maklumat serta memberi impak positif kepada ekonomi, sosial dan alam sekitar. Penggunaan kemudahan dalam talian jelas menunjukkan keperluan kepada pemain industri untuk mendigitalkan produk masing-masing dan memberi faedah kepada negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK SERI PANGLIMA DR. JEFFREY G.  
KITINGAN [KENINGAU]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB DATUK SERI PANGLIMA DR. JEFFREY G.  
KITINGAN [KENINGAU]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan peruntukan tambahan untuk pemulihan sekolah daif di Sabah untuk 2025 dan langkah-langkah khusus Kementerian untuk meningkatkan tahap dan prestasi pendidikan serta keputusan peperiksaan oleh pelajar-pelajar di Sabah sambil mengurangkan kadar pelajar yang gagal menduduki peperiksaan walaupun telah didaftarkan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Terima kasih Yang Berhormat. Soalan Yang Berhormat merangkumi tiga perkara iaitu pemulihan sekolah daif di Sabah untuk 2025, langkah-langkah khusus Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk meningkatkan tahap dan prestasi pendidikan serta keputusan peperiksaan oleh pelajar-pelajar di Sabah dan mengurangkan kadar pelajar yang gagal menduduki peperiksaan walaupun telah didaftarkan.

Bagi menjawab perkara pertama, KPM sentiasa komited dalam memastikan sekolah daif dibaik pulih agar sesi pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dalam suasana yang kondusif. Usaha ini bertujuan menarik minat murid untuk hadir ke sekolah dan seterusnya meningkatkan prestasi akademik mereka. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Belanjawan 2025, KPM telah meluluskan 181 projek pembangunan semula bangunan daif di sekolah-sekolah di Sabah dengan peruntukan sebanyak RM412.21 juta. Peruntukan ini akan digunakan bagi memastikan kemudahan asas di sekolah-sekolah yang terlibat dipulihkan dan dinaik taraf. Semua usaha ini selari dengan manifestasi 7 Teras Nadi Keunggulan KPM, Teras 6 iaitu “Memberikan Tumpuan Kepada Usaha Ubah Suai dan Naik Taraf Bangunan Sekolah yang Daif, Terutamanya di Sabah dan Sarawak”.

Bagi perkara kedua, KPM telah melaksanakan langkah-langkah strategik bagi memastikan peningkatan prestasi pelajar serta mengurangkan kadar pelajar yang gagal menduduki peperiksaan. Antara langkah yang diambil adalah melalui inisiatif Program Transformasi Daerah (DTP) bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Program ini meningkatkan keupayaan sistem sokongan di peringkat Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah berdasarkan keperluan lokaliti. Hasilnya, jurang pencapaian SPM 2023 di Sabah telah berkurang berbanding tahun 2022. Jurang pencapaian mengikut jantina berkurang sebanyak 4.27 peratus, manakala jurang pencapaian mengikut status sosioekonomi pula berkurang sebanyak 67.49 peratus. Gred purata negeri bagi calon bandar meningkat daripada 5.01 pada tahun 2022 kepada 4.77 pada tahun 2023. Sementara itu, gred purata negeri bagi calon luar bandar meningkat daripada 5.37 pada tahun 2022 kepada 5.27 pada tahun 2023.

## NO SOALAN: 19

Bagi memastikan pelajar mendapat pendidikan berkualiti, KPM juga telah melaksanakan program intervensi pendidikan sejak tahun 2022 untuk meningkatkan sistem sokongan di peringkat JPN, PPD dan sekolah. Setakat ini, seramai 199 peserta dari JPN, PPD dan sekolah fokus serta 574 murid telah menyertai program ini.

Bagi tahun 2024, program intervensi diteruskan melibatkan 74 sekolah fokus dan 3,566 murid, dengan penekanan terhadap enam mata pelajaran teras, iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sejarah, Matematik, Sains dan Pendidikan Islam atau Moral.

Selain itu, bagi mengatasi isu murid yang gagal memperoleh sijil SPM, KPM turut melaksanakan langkah intervensi khusus untuk mata pelajaran Bahasa Melayu dan Sejarah bagi mengatasi isu murid gagal memperoleh sijil SPM dan meningkatkan pencapaian SPM 2024 serta layak mendapat sijil. KPM turut menyediakan manual intervensi bagi mata pelajaran Bahasa Melayu sebagai inisiatif tambahan bawah Inisiatif #108: Pemartabatan Pendidikan Bahasa Melayu. Sebanyak 40 sekolah di Sabah telah terlibat dalam inisiatif ini, membabitkan seramai 7,226 murid Tingkatan 4 dan 6,538 murid Tingkatan 5.

Dalam usaha meningkatkan prestasi murid dalam Matematik, KPM juga telah menganjurkan bengkel pedagogi dan intervensi Matematik bagi mengukuhkan amalan pengajaran dalam mata pelajaran tersebut. Selain itu, perkongsian amalan terbaik bagi mata pelajaran Matematik dan Sejarah turut dilakukan secara hibrid agar lebih ramai guru mendapat manfaat daripada pendekatan ini.

## NO SOALAN: 19

Tuan Yang di-Pertua, bagi perkara ketiga, KPM telah menjalankan kerjasama strategik dengan Unit Pantau MADANI, Kementerian Kewangan dan Yayasan Hasanah dalam Program Sokongan Pemulihan Pembelajaran bagi menangani isu keciciran pendidikan. Dalam program ini, program pecutan SPM telah dilaksanakan dengan fokus kepada mata pelajaran Bahasa Melayu, Sejarah dan Matematik. Calon SPM 2025 dalam kategori berisiko cicir pula akan menyertai program khas bagi meningkatkan pencapaian tiga mata pelajaran tersebut. Bagi tahun 2025, seramai 1,833 orang murid daripada 49 buah sekolah melibatkan semua PPD di Sabah terpilih dalam Program Anak Kita dan menerima bantuan kit peranti atau *tablet* yang bertujuan menyokong usaha KPM bagi memastikan tiada murid yang berdepan dengan masalah keciciran pembelajaran. Usaha ini selari dengan Teras 3, 7 Teras Nadi Keunggulan KPM yang memberi perhatian terhadap isu kemiskinan multidimensi murid daripada keluarga B40. Adalah menjadi harapan KPM, bantuan ini akan memberi manfaat kepada murid dalam pembelajaran mereka, menyediakan mereka untuk menghadapi peperiksaan dan memastikan mereka tidak tercicir dalam pembelajaran.

KPM akan terus melaksanakan pelbagai usaha bagi meningkatkan tahap infrastruktur pendidikan di Sabah selain kekal komited melaksanakan intervensi akademik yang lebih sistematik dan memastikan murid kekal bersekolah hingga tamat SPM. Diharapkan langkah-langkah ini dapat memberi impak positif dalam meningkatkan prestasi pendidikan di negeri Sabah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN NURUL AMIN BIN HAMID [PADANG TERAP]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB TUAN NURUL AMIN BIN HAMID [PADANG TERAP]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan perancangan Kementerian untuk menjadikan Tasik Pedu sebagai destinasi pilihan dalam Tahun Melawat Malaysia 2026.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di Pertua,**

1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui agensinya, Tourism Malaysia sentiasa komited dalam mempromosikan sektor pelancongan negara secara aktif. Antara perancangan Kementerian untuk menjadikan Tasik Pedu sebagai destinasi pilihan dalam Tahun Melawat Malaysia 2026 adalah seperti berikut:

- 1.1 Mempelbagai aktiviti ekopelancongan dan agropelancongan seperti aktiviti memancing, kembara hutan (*hiking*), mencerap hidupan liar (*wildlife watching*) dan sebagainya.
- 1.2 Bekerjasama dengan pihak swasta seperti agensi pelancongan dan pengusaha pelancongan bagi pembangunan pakej minat khas atau niche product untuk diketengahkan dan dipromosikan.
- 1.3 Mengadakan program lawatan suai kenal melibatkan media cetak, media elektronik dan media baharu tempatan dan luar negara. Menerusi program ini, pihak media dibawa melawat serta merasai sendiri produk-produk pelancongan yang ada di Tasik Pedu dan seterusnya menterjemahkan pengalaman mereka dalam bentuk artikel bergambar, video dan kandungan media sosial bagi mempromosikan produk pelancongan kepada umum menerusi platform masing-masing.
- 1.4 Mengadakan bengkel-bengkel pembangunan pakej serta seminar seperti Bengkel Pembangunan Pakej Negeri Kedah yang telah diadakan pada bulan September 2024 bagi membantu pengusaha pelancongan membangunkan pakej-pakej yang lebih menarik dan berdaya maju

2. MOTAC melalui Tourism Malaysia juga turut melaksanakan hebahan dan pengiklanan yang bersesuaian termasuk platform media arus perdana melalui acara dan program yang dilaksanakan oleh Tourism Malaysia kerana ia merupakan salah satu medium promosi yang masih kekal relevan dalam memastikan destinasi pelancongan khususnya di Kedah dan Langkawi terus terkenal dan menerima kemasukan pelancong domestik dan juga antarabangsa.
3. MOTAC sentiasa aktif meneroka peluang untuk membangunkan pelancongan sempadan menerusi kerjasama di peringkat serantau seperti Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle (IMT-GT). Cadangan pembangunan Tasik Pedu sebagai destinasi pelancongan sempadan boleh memanfaatkan peluang-peluang kerjasama di peringkat serantau dan inisiatif rentas sempadan seperti:
  - 3.1 Malaysia-Thailand Self Drive Tourism Campaign (Phase 2) yang akan diperluaskan ke negeri-negeri lain; dan
  - 3.2 IMT-GT Pilot Tourism Route Project melibatkan pembangunan pakej destinasi pelancongan merangkumi tiga (3) negara iaitu Indonesia, Malaysia dan Thailand.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN ZAKRI BIN HASSAN [KANGAR]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB TUAN ZAKRI BIN HASSAN [KANGAR]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan langkah-langkah Kementerian untuk menarik pelancong tempatan berkunjung ke tempat-tempat menarik di negeri-negeri bersempadan sebelum mereka menyeberangi Thailand untuk melancong.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di Pertua,**

1. Antara inisiatif yang dilakukan oleh Kementerian untuk menarik pelancong tempatan berkunjung ke tempat-tempat menarik di negeri-negeri bersempadan sebelum mereka menyeberangi Thailand untuk melancong adalah seperti berikut:
  - 1.1. Dengan melaksanakan program lawatan suai kenal atau mega *familiarization trip* dengan mempelawa wakil-wakil media dan para pengusaha pelancongan dari dalam dan luar negara untuk meninjau produk pelancongan yang sedia ada dan terbaru di Negeri Perlis dan Kedah supaya publisiti yang meluas dapat ditonjolkan dan pakej-pakej pelancongan yang bersesuaian dapat dibangunkan.
  - 1.2. Melaksanakan kempen promosi yang menyasarkan pelancong tempatan melalui platform media sosial, laman web, dan aplikasi pelancongan serta menggunakan *influencer* dan *vlogger* untuk mempromosikan destinasi di Perlis dan Kedah.
    - 1.2.1. Merangka kerjasama dengan syarikat pengangkutan awam darat dan penerbangan tempatan serta persatuan-persatuan berkaitan pelancongan melalui rebat baucar dan potongan diskau yang bersesuaian.

1.2.2. Pejabat Tourism Malaysia Wilayah Utara ada menjemput agensi-agensi pelancongan dari Negeri Perlis dan Kedah dalam menyertai pameran pelancongan di seluruh Malaysia seperti MATTA Fair dan Karnival Cuti-Cuti Malaysia di bawah payung Tourism Malaysia untuk mempromosi pakej-pakej pelancongan sekitar Negeri Kedah dan Perlis bagi pasaran domestik.

1.2.3. Bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Perlis dan Kedah dalam mempromosikan acara dan produk pelancongan khususnya sempena Tahun Melawat Perlis 2024-2025 dan Tahun Melawat Kedah 2025.

2. MOTAC sentiasa aktif meneroka peluang untuk membangunkan pelancongan sempadan menerusi kerjasama di peringkat serantau seperti Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle (IMT-GT). Cadangan pembangunan destinasi pelancongan sempadan boleh memanfaatkan peluang-peluang kerjasama di peringkat serantau dan inisiatif rentas sempadan seperti:

2.1. Malaysia-Thailand Self Drive Tourism Campaign (Phase 2) yang akan diperluaskan ke negeri-negeri lain; dan

2.2. IMT-GT Pilot Tourism Route Project melibatkan pembangunan pakej destinasi pelancongan merangkumi tiga (3) negara iaitu Indonesia, Malaysia dan Thailand.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L  
RAJAJI [JELUTONG]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI [JELUTONG]**  
minta PERDANA MENTERI menyatakan :

- a. bilangan atau jumlah penjawat awam berbangsa India dalam perkhidmatan awam sekarang
- b. langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menggalakkan lebih banyak warganegara Malaysia yang bukan Melayu untuk menyertai perkhidmatan awam.

**JAWAPAN**

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 22 Januari 2025, statistik daripada Sistem HRMIS Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menunjukkan seramai **47,960 orang** penjawat awam keturunan India yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan awam. Daripada jumlah tersebut, seramai **255 orang** adalah pegawai kumpulan Pengurusan Tertinggi, **31,116 orang** adalah pegawai kumpulan Pengurusan dan Profesional dan **16,589 orang** adalah pegawai kumpulan pelaksana daripada keseluruhan penjawat awam dalam HRMIS iaitu **1,266,474 orang**. Data yang dikemukakan adalah tidak termasuk Skim Perkhidmatan Polis dan Tentera; serta tertakluk kepada pengemaskinian oleh pengguna dan pegawai sumber manusia di agensi masing-masing.
  
2. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) merupakan pihak berkuasa melantik yang membuat pelantikan pegawai di peringkat Persekutuan dan empat (4) negeri iaitu Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis. Sebanyak 28.6% urusan pengambilan dan pelantikan daripada 1.7 juta perjawatan keseluruhan diuruskan oleh SPA. Selain SPA, pihak berkuasa melantik lain yang membuat pelantikan di peringkat Persekutuan ialah Suruhanjaya Pasukan Polis, Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan, Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan dan Majlis Angkatan Tentera.

3. Dasar pengambilan dan pelantikan yang dilaksanakan oleh SPA adalah berasaskan merit dan kompetensi seseorang calon. Tiada penetapan sebarang kuota untuk sesuatu kaum atau etnik tertentu. Semua warganegara Malaysia termasuklah kaum India mempunyai peluang yang sama untuk dipertimbangkan dalam persaingan yang terbuka dan adil (*open and fair competition*).
4. Sebagai usaha untuk menggalakkan masyarakat pelbagai kaum termasuk kaum India menyertai perkhidmatan awam, SPA sentiasa komited dalam melaksanakan pelbagai inisiatif secara berterusan seperti Hari Bertemu Pelanggan, program Karnival Kerjaya, Kembara Kerjaya di kawasan luar bandar / kurang akses serta memenuhi jemputan agensi luar sebagai penceramah dan pempamer. Sebanyak 47 program dan 15 siri jelajah ke seluruh negara telah disertai SPA sepanjang tahun 2024.
5. Bagi memberikan kefahaman terhadap peluang kerjaya dan proses pengambilan di kalangan komuniti India, SPA akan bekerjasama dengan institusi pengajian tinggi bagi memberi kesedaran mengenai peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam. Antara program yang akan berlangsung adalah Kembara Kerjaya Komuniti India di Sungai Siput, Perak yang dijangka akan diadakan pada bulan September 2025.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD [BAGAN SERAI]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD [BAGAN SERAI]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa lamakah tempoh yang diberikan kepada Jawatankuasa Perancangan Strategik Pencapaian Penandaarasan Antarabangsa (JPSPPA) untuk merancang dan memantau intervensi yang lebih berstruktur dalam menangani trend penurunan keputusan kajian penandaarasan antarabangsa seperti PISA 2022 dan TIMSS 2023.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Penyertaan Malaysia dalam kajian penandaarasan antarabangsa seperti Programme for International Student Assessment (PISA), Trends in International Mathematics and Science Study (TIMSS), dan Southeast Asia Primary Learning Metrics (SEA-PLM) adalah satu usaha penting bagi menilai sejauh mana sistem pendidikan negara kita sebanding dengan negara-negara berprestasi tinggi. Ini sejajar dengan hala tuju Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) 2021-2025 dalam memastikan peningkatan berterusan terhadap kualiti pendidikan negara.

Untuk makluman Yang Berhormat, Malaysia mengambil bahagian dalam TIMSS sejak 1999, PISA sejak 2009 dan SEA-PLM sejak 2019.

Meskipun PPPM 2013-2025 mensasarkan Malaysia mencapai kedudukan satu pertiga teratas dalam pentaksiran antarabangsa, pencapaian semasa masih belum mencapai sasaran yang diharapkan. Justeru, Jawatankuasa Perancangan Strategik Pencapaian Penandaarasan Antarabangsa (JPSPPA) telah ditubuhkan sebagai platform bagi menilai pencapaian, merangka strategi penambahanbaikan yang sistematik serta memastikan pelaksanaan intervensi di semua peringkat pendidikan.

Jawatankuasa ini berfungsi sebagai satu strategi jangka panjang bagi memastikan kesinambungan usaha penambahbaikan dalam pendidikan negara. Pelaksanaan intervensi dan pemantauan strategik oleh JPSPPA dibahagikan kepada tiga jangka masa utama:

- i. Jangka Pendek – Memberi fokus kepada peningkatan kemahiran murid dalam menjawab bentuk soalan pentaksiran antarabangsa serta penggunaan teknologi dalam pembelajaran, termasuk simulasi dan eksperimen berdasarkan komputer.
- ii. Jangka Sederhana – Memberikan penekanan kepada peningkatan kapasiti guru dalam pembinaan item soalan yang selari dengan keperluan penandaarasan antarabangsa.

- iii. Jangka Panjang – Melibatkan usaha penambahbaikan berterusan dalam penyemakan semula kurikulum, pembangunan profesionalisme guru serta pendekatan pembelajaran murid yang lebih dinamik dan berdaya saing.

Strategi intervensi ini disokong oleh tujuh jawatankuasa kerja yang diterajui semua Bahagian di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merangkumi aspek latihan guru, pengajaran dan pembelajaran dalam kelas, kaedah pentaksiran, kepimpinan sekolah, penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), penyediaan sumber dan infrastruktur serta penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran murid.

KPM komited untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan reformasi pendidikan yang lebih sistematik dan bersasar. Setiap strategi dan intervensi yang dirangka akan sentiasa dipantau serta diperkuuh melalui pendekatan bersepada dengan semua pihak berkepentingan. KPM akan turut memastikan usaha berterusan melalui jawatankuasa ini dalam melaksanakan dan memantau strategi intervensi dengan lebih berstruktur dan sistematik bagi melonjakkan kualiti pendidikan negara dalam kajian penandaarasan antarabangsa yang disertai Malaysia seperti PISA, TIMSS dan SEA-PLM.

Sebagai penutup, usaha meningkatkan pencapaian sistem pendidikan negara dalam kajian penandaarasan antarabangsa bukanlah satu proses yang bersifat segera, tetapi memerlukan kesinambungan perancangan jangka panjang, intervensi berstruktur, dan pelaksanaan yang konsisten. Dengan reformasi pendidikan yang progresif serta komitmen yang berterusan, kita yakin Malaysia mampu mencapai sasaran kecemerlangan pendidikan di peringkat global dan melahirkan modal insan yang kompetitif serta berdaya saing dalam era globalisasi ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN KALAM BIN SALAN [SABAK BERNAM]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB TUAN KALAM BIN SALAN [SABAK BERNAM]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah cabaran yang dihadapi oleh guru pendidikan Islam sebagai murabbi ekoran pelaksanaan medium P&P secara tidak bersemuka kepada pelaksanaan medium P&P yang lebih kepada medium e-Pembelajaran.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam memastikan pengajaran dan pembelajaran (PdP) Pendidikan Islam dilaksanakan secara optimum dan berkesan. Dalam era digital yang semakin berkembang, penggunaan e-Pembelajaran menjadi satu medium penting bagi memenuhi keperluan pelbagai gaya pembelajaran murid, sama ada secara visual, auditori, atau kinestetik. Pendekatan ini juga selaras dengan Dasar Pendidikan Digital (DPD) KPM yang memberi tumpuan kepada peningkatan kompetensi murid, pembangunan profesional guru, serta pengintegrasian teknologi digital dalam sistem pendidikan negara.

Pada masa ini, PdP Pendidikan Islam masih dilaksanakan secara bersemuka sepenuhnya di sekolah. Namun, e-Pembelajaran dimanfaatkan sebagai bahan sokongan untuk pengayaan dan pengukuhan pembelajaran. Untuk memastikan keberkesanan pendekatan ini, KPM telah menyediakan pelbagai platform digital seperti DELIMA KPM, EduwebTV, DidikTV KPM, serta Gerbang Pembelajaran Digital Jabatan Pendidikan Negeri (JPN). Melalui inisiatif ini, sebanyak 4,382 bahan dalam bentuk video PdP, bahan panduan guru, dan bank soalan telah dihasilkan oleh guru Pendidikan Islam (GPI) yang boleh diakses di platform DELIMA.

Selain itu, lebih 50 Edufluencers dalam kalangan guru Pendidikan Islam dan guru Bahasa Arab telah aktif menghasilkan kandungan digital yang boleh diakses oleh murid, guru, dan ibu bapa. Sebagai contoh, negeri Johor sahaja telah menerbitkan lebih 370 video Pendidikan Islam melalui Gerbang Pembelajaran Digital JPN. Langkah ini menunjukkan komitmen KPM dalam memastikan bahan PdP yang berkualiti dapat disediakan dan digunakan secara meluas oleh semua pihak yang terlibat dalam ekosistem pendidikan.

Namun begitu, dalam pelaksanaan e-Pembelajaran ini, terdapat beberapa cabaran utama yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam sebagai murabbi. Antara cabaran utama adalah untuk memastikan bahan yang disediakan dapat dimanfaatkan secara optimum oleh murid. Walaupun pelbagai sumber digital telah dibangunkan, tidak semua murid dapat mengakses dan menggunakan dengan baik di luar waktu persekolahan. Selain itu, tahap sokongan ibu bapa dan komuniti juga memainkan peranan penting dalam membantu murid mengadaptasi penggunaan e-Pembelajaran. Masih terdapat ibu bapa yang kurang memahami kepentingan pembelajaran digital atau menghadapi kekangan dalam menyediakan akses internet dan peranti yang mencukupi di rumah.

Di samping itu, cabaran lain yang perlu diatasi adalah peningkatan kemahiran guru dalam mengadaptasi teknologi digital ke dalam PdP. GPI perlu sentiasa meningkatkan kemahiran mereka dalam penghasilan bahan pembelajaran yang menarik, interaktif, dan berkesan. Selain itu, tahap kesediaan murid juga perlu diberi perhatian, kerana tidak semua murid mempunyai literasi digital yang mencukupi untuk belajar secara kendiri melalui platform e-Pembelajaran.

Bagi mengatasi cabaran-cabaran ini, KPM sentiasa menggalakkan kolaborasi antara pihak sekolah, ibu bapa, dan komuniti melalui Pelibatan Ibu Bapa, Komuniti dan Swasta (PIBKS). Kerjasama ini amat penting bagi meningkatkan kesedaran ibu bapa tentang kepentingan e-Pembelajaran dan bagaimana mereka boleh membantu anak-anak mereka dalam mengakses bahan pembelajaran digital yang disediakan. Selain itu, KPM juga terus menyediakan latihan dan sokongan berterusan kepada guru dalam usaha meningkatkan kemahiran mereka dalam penggunaan teknologi digital secara strategik dan efektif.

Tuan Yang di-Pertua,

KPM akan terus memastikan bahawa guru Pendidikan Islam mendapat sokongan secukupnya untuk mengintegrasikan teknologi digital dalam PdP secara efektif selari dengan aspirasi reformasi pendidikan KPM. Walaupun pelbagai cabaran wujud dalam pelaksanaan e-Pembelajaran, usaha berterusan oleh semua pihak, termasuk guru, ibu bapa, dan komuniti, adalah kunci kejayaan dalam memastikan pembelajaran Pendidikan Islam terus relevan dan berkesan di era digital ini. Dengan pendekatan yang strategik dan sokongan padu dari semua pihak, KPM berkeyakinan bahawa sistem pendidikan negara akan terus berkembang selaras dengan perkembangan teknologi dan keperluan semasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK SERI PANGLIMA MADIUS BIN  
TANGAU [TUARAN]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB DATUK SERI PANGLIMA MADIUS BIN TANGAU [TUARAN]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan manfaat-manfaat yang bakal diperoleh negara setelah menyertai Kesatuan Ekonomi BRICS (Brazil, Rusia, India, China dan Afrika Selatan) sebagai negara rakan baharu dan apakah cabaran-cabaran yang dikenakan terhadap Malaysia diatas keputusan tersebut.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Tuaran** atas pertanyaan yang dikemukakan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Keanggotaan Malaysia sebagai Negara Rakan BRICS dapat dimanfaatkan terutamanya melalui potensi-potensi memacu ekonomi negara. Kekuatan ekonomi BRICS mampu membuka peluang pasaran baharu yang dapat meningkatkan perdagangan dan pelaburan langsung asing, atau dengan izin, *Foreign Direct Investment* (FDI), dengan negara-negara anggota BRICS, sekali gus mengimbangi kebergantungan negara kepada pasaran tradisional sedia ada.
2. Ini mengambil kira saiz pasaran kumulatif BRICS yang sangat besar merangkumi 3.88 bilion penduduk dunia, serta Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang telah mencecah sebanyak USD28.75 trilion iaitu 27 peratus daripada KDNK dunia.
3. Di samping itu, penyertaan dalam BRICS memberikan peluang untuk memperkuuh kedudukan Malaysia di peringkat global, yang akan melengkapkan peranan aktif Malaysia dalam kerangka pelbagai hala seperti Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN), Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) dan Kumpulan 77 (G-77).
4. Status Malaysia sebagai Negara Rakan BRICS membolehkan suara Negara lebih didengari di peringkat antarabangsa, sekaligus meningkatkan lagi profil dan keterlihatan Malaysia. Ini adalah selari dengan usaha Malaysia untuk membina persekitaran global yang lebih kondusif agar lebih berdaya saing dan maju ke hadapan dalam menangani cabaran global yang semakin mendesak.

5. Penyertaan dalam kerangka-kerangka multilateral seumpama BRICS ini bersifat saling melengkapi, dan menguatkan lagi keyakinan dan persefahaman antara negara. BRICS yang bersifat terbuka sering mengajak negara-negara atau pertubuhan-pertubuhan antarabangsa yang berminat untuk berdialog dan bekerjasama secara praktikal dengan mereka dalam isu-isu pembangunan antarabangsa.
6. Penerimaan Malaysia sebagai Negara Rakan BRICS merupakan satu pengiktirafan kepada Negara dan dasar luar negara yang bebas dan berkecuali. Ianya juga merupakan satu pendekatan strategik untuk mengimbangi kepentingan Negara dengan negara blok besar, tanpa memihak kepada mana-mana kumpulan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

7. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa peka ke atas sebarang risiko dan cabaran yang mungkin timbul berikutan penyertaan Malaysia dalam BRICS. Ini termasuk keperluan untuk mengawal naratif yang Malaysia dilihat lebih condong atau cenderung kepada sesebuah blok / kuasa besar dunia.
8. Dalam hal ini, Malaysia akan terus mempergiat libat urus melalui platform-platform sedia ada, termasuk Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC), Perjanjian Kerjasama Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP), Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Trans-Pasifik (CPTPP) dan Rangka Kerja Ekonomi Indo-Pasifik (IPEF).
9. Secara kesimpulannya, Malaysia melihat lebih banyak faedah yang akan diperolehi oleh Negara dengan menyertai BRICS. Dalam masa yang sama, Malaysia terus komited memajukan kepentingan Negara melalui penyertaan Malaysia dalam organisasi antarabangsa yang lain.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' ROSOL BIN WAHID [HULU TERENGGANU]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB DATO' ROSOL BIN WAHID [HULU TERENGGANU] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan :**

- a. berapa jumlah diperuntukkan Kementerian untuk mempromosi dan menggalakkan pelancongan di setiap negeri pada 2024 dan 2025
- b. statistik kemasukan pelancong dari lima negara yang mencatat jumlah tertinggi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya melalui agensinya Tourism Malaysia telah memperuntukkan agihan secara strategik ke setiap negeri dengan mengambil kira beberapa faktor utama seperti potensi pelancongan negeri, aktiviti promosi yang dirancang dan impak ekonomi yang dijangkakan. Peruntukan untuk aktiviti promosi dan penggalakan pelancongan di negeri bagi tahun 2025 adalah seperti berikut:-

Bil	Negeri	Peruntukan (RM)
1	Perlis	305,000
2	Kedah	765,000
3	Pulau Pinang	685,000
4	Perak	595,000
5	Selangor	1,260,000
6	Melaka	630,000
7	Johor	880,000
8	Pahang	555,000
9	Terengganu	470,000
10	Kelantan	415,000
11	Sabah	1,070,000
12	Sarawak	1,040,000
13	Wilayah Persekutuan	1,330,000

2. Kementerian melalui agensinya Tourism Malaysia telah membelanjakan sejumlah RM7.6 juta pada tahun 2024 dalam pasaran domestik melalui perbelanjaan kepada setiap negeri seperti berikut:-

Bil	Negeri	Peruntukan (RM)
1	Perlis	34,300
2	Kedah	693,000
3	Pulau Pinang	532,000
4	Perak	78,200
5	Selangor	910,000
6	Melaka	83,000
7	Johor	400,000
8	Pahang	235,000
9	Terengganu	82,000
10	Kelantan	100,000
11	Sabah	490,000
12	Sarawak	280,000
13	Wilayah Persekutuan	3,735,000

3. Bagi tempoh Januari sehingga Disember 2024, Malaysia telah merekodkan jumlah kemasukan pelancong asing seramai 25,016,698 (Dua Puluh Lima Juta Enam Belas Ribu Enam Ratus Sembilan Puluh Lapan) orang. Jumlah ini adalah merupakan kenaikan 24.2% jika dibandingkan dengan tempoh sama bagi tahun 2023 iaitu seramai 20,141,846 (Dua Puluh Juta Satu Ratus Empat Puluh Satu Ribu Lapan Ratus Empat Puluh Enam) orang pelancong asing.

4. Lima (5) negara dengan ketibaan pelancong asing tertinggi dari Januari sehingga Disember 2024 adalah seperti berikut:-

1. Singapura	9,099,727
2. Indonesia	3,651,668
3. China	3,287,362
4. Thailand	1,639,211
5. Brunei	1,142,134

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan terkini SPRM terhadap pengurusan HRD Corp sebagaimana disarankan oleh Laporan Ketua Audit Negara yang menyarankan tindakan penguatkuasaan. Adakah kes-kes tersebut telah diklasifikasikan sebagai NFA (*no further action*).

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

**(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan kepada maklumbalas yang diterima daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), kes ini masih dalam siasatan SPRM. SPRM juga melihat dari aspek ketidakpatuhan dan tatakelola serta kepada semua kemungkinan isu-isu rasuah yang terlibat seperti salah guna kuasa selaras dengan Akta 694 serta kesalahan-kesalahan lain di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574] termasuklah berkaitan penipuan dan fraud.
2. Justeru, SPRM tidak dapat mendedahkan butiran siasatan tersebut berdasarkan subseksyen 29(4) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang menyatakan bahawa mana-mana siasatan tersebut hendaklah dirahsiakan dan tidak boleh didedahkan oleh mana-mana orang sehinggalah orang tertuduh dipertuduh di mahkamah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SYAHREDZAN BIN JOHAN [BANGI]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB TUAN SYAHREDZAN BIN JOHAN [BANGI]** minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan bagaimana Kementerian dapat memastikan komuniti-komuniti yang kurang mendapat perkhidmatan dan terpinggir, termasuk golongan B40 dan penduduk luar bandar, boleh mendapat manfaat daripada inisiatif ekonomi digital serta pelaburan-pelaburan digital.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sentiasa memastikan semua lapisan masyarakat, termasuk golongan terpinggir, mendapat manfaat daripada perkembangan ekonomi digital. Oleh demikian, Kementerian Digital melalui agensi di bawahnya telah melaksanakan beberapa inisiatif antaranya seperti:
  - a. **Program eUsahawan** yang merupakan inisiatif MDEC untuk memperkasakan usahawan mikro dan kecil dengan kemahiran digital. Melalui program ini, golongan terpinggir dapat mempelajari teknik memasarkan produk dan perkhidmatan mereka secara dalam talian, sekali gus meningkatkan jualan dan pendapatan mereka.
  - b. Kerajaan turut melaksanakan inisiatif **Malaysia Digital (MD)** bagi menggalakkan syarikat berstatus MD untuk beroperasi di mana-mana lokasi di Malaysia, selain dari lokasi tumpuan di bandar-bandar utama. Pelaburan daripada syarikat-syarikat tersebut secara langsung akan menjana aktiviti ekonomi setempat serta mencipta peluang pekerjaan baharu yang boleh dimanfaatkan oleh golongan terpinggir dan luar bandar.
  - c. Selain itu, MDEC turut melaksanakan program **Jelajah Saya Digital** sejak tahun 2021 yang bertujuan meningkatkan literasi dan kemahiran digital dalam kalangan rakyat Malaysia. Program ini memastikan golongan sasaran termasuk komuniti terpinggir seperti B40 dan penduduk luar bandar mendapat pendedahan dan latihan dalam kemahiran digital asas serta pendigitalan perniagaan. Sehingga 2024, program ini telah dilaksanakan di 82 lokasi di seluruh negara dan seramai 87,199 individu telah menerima manfaat daripada siri jelajah ini.

2. Program PRIME (Program Realisasi Impian Ekonomi Digital) yang telah diperkenalkan oleh MYNIC Berhad pada November 2021 mampu untuk memberi manfaat dari inisiatif pendigitalan yang dijalankan. PRIME mengandungi program-program yang memberi kesedaran kepada kumpulan fokus tentang kepentingan transformasi digital dan bagaimana nama domain .MY mampu melengkapkan ekosistem perniagaan untuk ia lebih berdaya saing.
3. Di dalam inisiatif PRIME, terdapat juga program-program latihan pembangunan laman sesawang yang diadakan bagi meningkatkan kemahiran penggunaan teknologi pemasaran digital. Mereka yang telah dilatih akan dibimbing dan dipantau sebelum diserap ke dalam program myKomuniti.MY untuk mereka menikmati program-program latihan berterusan secara percuma seperti kursus reskilling dan upskilling yang meliputi kursus-kursus digital dan bukan digital seperti perakaunan, percukaian, pembungkusan dan lain-lain. Dari tahun 2022 hingga 2024, sejumlah 48,256 PMKS telah mendapat manfaat dari program-program latihan yang diadakan di bawah inisiatif PRIME.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK MUSLIMIN BIN YAHAYA [SUNGAI BESAR]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB DATUK MUSLIMIN BIN YAHAYA [SUNGAI BESAR]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan bilangan terkini usahawan wanita bagi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana. Apa inisiatif Kementerian melalui agensi-agensi dalam membantu usahawan wanita dari segi pembiayaan, bimbingan dan khidmat nasihat serta berapa peratus sumbangan usahawan wanita kepada KDNK negara sehingga tahun 2024.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Banci Ekonomi 2023 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) yang diterbitkan pada Ogos 2024, jumlah Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) milikan wanita yang berdaftar adalah sebanyak 219,015 dengan peratus sumbangan usahawan wanita kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Negara adalah 4.1%.
2. Dalam konteks program keusahawanan kepada usahawan wanita, antara program khusus yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) melalui agensi-agensinya pada tahun 2024 ialah:
  - i. skim pembiayaan di bawah Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) kepada 285,712 orang usahawan wanita dengan peruntukan sebanyak RM2.68 bilion;
  - ii. skim Pembiayaan TEKUN-Wanita kepada 3,258 usahawan wanita dengan peruntukan sebanyak RM28 juta. Jumlah ini merupakan sebahagian daripada keseluruhan jumlah bernilai RM410.4 juta yang telah disalurkan TEKUN Nasional kepada 23,954 usahawan wanita melalui pelbagai skim pembiayaan lain;
  - iii. Program BRPlus – i BizLady oleh Bank Rakyat yang telah menyalurkan pembiayaan sebanyak RM36.1 juta kepada 544 orang usahawan wanita. Ia termasuk dalam sejumlah RM170.5 juta yang diluluskan oleh Bank Rakyat kepada 1,155 usahawan wanita secara keseluruhannya;

- iv. Program *Successful Women Entrepreneurship Engagement Talent* (SWEET) di bawah Projek *Be Your Own Boss* (BYOB) oleh PERNAS melibatkan seramai 65 orang usahawan wanita dalam industri francais dengan kelulusan pembiayaan sebanyak RM 9.2 juta;
- v. Program UDA Bizznita yang menawarkan ruang niaga yang strategik di bangunan dan premis perniagaan milikan UDA kepada 406 orang usahawan wanita; dan
- vi. SME Corp. melaksanakan pelbagai program keusahawanan dan pembangunan kapasiti kepada 2,102 usahawan wanita dengan peruntukan berjumlah RM44.71 juta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED  
ABDUL FASAL [BUKIT GANTANG]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED ABDUL FASAL [BUKIT GANTANG]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah pembinaan projek cadangan pembinaan Kompleks Pendidikan Khas Taiping di Mukim Simpang, Taiping, Perak dimulakan setelah pemurnian Makmal Kejuruteraan Nilai (Value Engineering - VE) selesai dijalankan pada 12 hingga 15 November 2024 yang lalu.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Terima kasih atas soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Bukit Gantang mengenai status pembinaan Kompleks Pendidikan Khas Taiping di Mukim Simpang, Taiping, Perak. Untuk makluman Yang Berhormat, penyediaan infrastruktur pendidikan yang kondusif bagi memastikan murid, terutamanya mereka yang memerlukan pendidikan khas, mendapat kemudahan yang selesa dan berkualiti merupakan iltizam dan komitmen Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) secara berterusan.

Berdasarkan perkembangan terkini, Makmal Kejuruteraan Nilai (Value Engineering – VE) bagi projek ini telah selesai dijalankan pada 12 hingga 15 November 2024. Hasil daripada kajian tersebut, pemuktamadan kos telah dibuat dengan mengambil kira kerja di tapak serta keperluan teknikal yang berkaitan. Sehubungan itu, projek ini telah diserahkan kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia untuk dilaksanakan melalui kaedah Konvensional Perunding (Perunding Utama).

Pada masa ini, pihak JKR sedang dalam fasa penyelarasan reka bentuk akhir serta penyediaan dokumen tender. Pelaksanaan pembinaan ini dijangka mengambil masa selama 36 bulan daripada tarikh surat setuju terima (SST). Kerajaan akan memastikan proses ini berjalan lancar bagi memenuhi keperluan pendidikan khas di kawasan tersebut.

Kerajaan MADANI melalui KPM dengan kerjasama JKR akan terus memantau perkembangan projek ini bagi memastikan pembinaannya dilaksanakan mengikut jadual dan spesifikasi yang ditetapkan. Diharapkan dengan siapnya kompleks ini kelak, ia dapat memberikan manfaat besar kepada pelajar berkeperluan khas serta meningkatkan lagi akses kepada pendidikan inklusif di negara ini khususnya di Taiping dan kawasan sekitarnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN  
YAAKOB [BERA]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB [BERA]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan berhasrat untuk melaksanakan persempadanan semula kawasan pilihan raya sebelum Pilihan Raya Umum Ke-16 diadakan.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menjalankan urusan kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya Persekutuan dan negeri berlandaskan kepada prinsip-prinsip dan tatacara persempadanan yang ditetapkan di bawah Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan serta menurut bidang kuasa SPR yang diperuntukkan di bawah Perkara 113, Perlembagaan Persekutuan.
2. Urusan kajian semula persempadanan terhadap bahagian-bahagian pilihan raya sedia ada, hanya boleh dilaksanakan sekiranya difikirkan perlu selepas tamat lat tempoh 8 tahun atau terdapat pindaan undang-undang ke atas komposisi bilangan keanggotaan Ahli Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri.
3. Bagi maksud tersebut, lat tempoh 8 tahun bagi kajian semula persempadanan Negeri Sabah akan berakhir pada tahun 2025 manakala Negeri- Negeri Tanah Melayu akan berakhir pada tahun 2026. Lat tempoh 8 tahun bagi Negeri Sarawak telah pun berakhir pada tahun 2023 dan SPR sedang menimbang dan meneliti kesesuaian untuk melaksanakan urusan tersebut.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HASSAN [SRI GADING]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HASSAN [SRI GADING]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan status pelaksanaan Program Jalinan Digital Negara (JENDELA) bagi membangunkan infrastruktur fiber optik di 73 kem atau pangkalan tentera dan 59,420 pintu Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) yang melibatkan peruntukan sebanyak RM99 juta.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Program Jalinan Digital Negara (JENDELA) Kementerian Pertahanan bagi *pemasangan Fiber To The Home (FTTH)* di 73 lokasi kem/pangkalan ATM adalah kerjasama antara Kementerian Pertahanan dan Kementerian Komunikasi. Program ini dibiayai oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) melalui tabung *Universal Service Provision (USP)*.
2. Pihak SKMM telah menyiaran dokumen Pelawaan bagi perkara ini pada 2 Januari 2025 berdasarkan peruntukan di bawah Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Pemberian Perkhidmatan Sejagat) 2002. Sehubungan itu, pemegang lesen yang memenuhi syarat-syarat kelayakan perlu mendaftarkan minat kepada SKMM sebelum atau pada 9 Januari 2025, dan seterusnya memajukan cadangan lengkap sebelum 3 Februari 2025.
3. Bagi membantu menyediakan maklumat berkenaan 73 lokasi kem/pangkalan ATM, pihak ATM telah mengadakan satu sesi taklimat teknikal pada 16 Januari 2025 dengan memanggil kesemua pemegang lesen yang telah mendaftarkan minat kepada pihak SKMM mengikut keperluan pelawaan tersebut.
4. Pihak SKMM akan meneruskan proses penilaian dan seterusnya melantik syarikat pelaksana. Dijangkakan proses ini akan dapat diselesaikan pada Mac 2025. Pemasangan FTTH ini pula dijangka dapat diselesaikan sepenuhnya dalam tempoh 24 bulan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED  
ABDUL FASAL [BUKIT GANTANG]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED ABDUL FASAL [BUKIT GANTANG]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan dana TEKUN yang disalurkan kepada usahawan Melayu di kawasan Parlimen Bukit Gantang bagi tahun 2024 secara terperinci dan usaha yang telah dilakukan oleh Kementerian untuk membantu usahawan Melayu Bukit Gantang.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, TEKUN Nasional telah menyalurkan bantuan pembiayaan berjumlah RM5.4 juta kepada 259 usahawan di kawasan Parlimen Bukit Gantang pada tahun 2024. Daripada jumlah tersebut, seramai 220 usahawan Melayu yang menjalankan perniagaan dalam kategori makanan dan minuman, penternakan dan pakaian, telah menerima pembiayaan berjumlah RM4.6 juta.

Dalam usaha membantu usahawan bumiputera, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) pada tahun 2024 telah melaksanakan 18 program keusahawanan khusus untuk usahawan bumiputera dengan peruntukan berjumlah RM774 juta melibatkan seramai 22,831 usahawan bumiputera. Dalam konteks pelaksanaan di kawasan Parlimen Bukit Gantang, antara program keusahawanan khusus yang telah dilaksanakan pada tahun 2024 untuk usahawan bumiputera ialah:

- i. penyaluran geran berjumlah RM163,800 oleh SME Corp. di bawah Program Peningkatan Enterpris Bumiputera (BEEP) 2.0 kepada seorang usahawan bumiputera. Selain itu, terdapat 3 orang usahawan bumiputera telah menerima bantuan geran permulaan perniagaan di bawah Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) oleh SME Corp. berjumlah RM45,000;
- ii. pembiayaan di bawah Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) kepada 340 orang usahawan bumiputera berjumlah RM3.038 juta; dan
- iii. pembiayaan berjumlah RM351,500 kepada 7 orang usahawan bumiputera oleh Bank Rakyat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL [AMPANG]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL [AMPANG]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan sebab-musabab sasaran 2024 dengan 27.3 juta pelancong gagal dicapai dan pelan tindakan yang telah dirangka demi memastikan sasaran 2025 dengan 31.4 juta pelancong dan sasaran Tahun Melawat Malaysia 2026 dengan 35.6 juta pelancong dan perbelanjaan pelancongan sebanyak RM147.1 bilion tercapai.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Malaysia telah mencatatkan ketibaan seramai 38 juta pelawat asing dengan peningkatan sebanyak 31.1% pada tahun 2024 berbanding tempoh yang sama pada tahun 2023. Pendapatan pelawat asing yang diraih pada 2024 pula melonjak kepada RM106.7 bilion iaitu meningkat sebanyak 43.6% berbanding RM74.3 bilion yang direkodkan pada 2023 sekali gus melepassi paras prapandemik sebanyak 19.9%.

Sehubungan itu, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Tourism Malaysia akan menumpukan usaha lebih agresif dalam mempertingkatkan ketibaan dan perbelanjaan pelawat asing melalui pelan tindakan yang komprehensif seperti berikut dalam usaha mencapai sasaran pelawat asing bagi tahun 2025 dan 2026 :

1. Pemerkasaan penjenamaan **Malaysia Truly Asia** dan **Kempen Melawat Malaysia (VM2026)**.
2. Berkerjasama dengan pempengaruh dalam mencipta kandungan (*content creations*) melalui **platform digital dan media sosial**, dan kempen pengiklanan melalui **agensi pengiklanan domestik dan antarabangsa**;
3. Menjalin **kerjasama pintar** dengan agensi kerajaan persekutuan dan negeri, pihak swasta, pemain industri dan persatuan pelancongan;
4. Menjalin kerjasama dengan **syarikat penerbangan tempatan dan antarabangsa** untuk meningkatkan **kemudahsampaian dan saling hubungan udara** ke Malaysia;
5. Memfokuskan kepada **pasaran bersasar** seperti **China, India, Australia, Korea Selatan, Timur Tengah (GCC), Eropah, Chinese Taipei dan Asia Tengah**;

6. Mempertingkatkan aktiviti promosi melalui ***Joint Promotion, Roadshow*** dan ***Sales Mission, Fair & Exhibition, Seminar*** dan ***Public Relations*** di pasaran antarabangsa di bandar-bandar utama, bandar kedua (*second-tier cities*) dan bandar ketiga (*third-tier cities*) mengikut pasaran yang terlibat;
7. Mensasarkan produk pelancongan **minat khas dan berimpak tinggi** seperti *wedding packages*, pelancongan kesihatan (*health and wellness*), *filming destination*, gastronomi, eko-pelancongan, MICE dan Malaysia My Second Home (MM2H);
8. Memanfaatkan **kemudahan tanpa visa** (visa free); dan
9. Memperkasakan sokongan kepada pemain industri pelancongan tempatan melalui inisiatif pemberian **Geran Sokongan Sektor Pelancongan (GSSP)**, **Geran Sokongan Sektor Kebudayaan (GSSK)** dan **Geran Galakan Melancong Malaysia (GAMELAN)**.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN TS. ZAHIR BIN HASSAN [WANGSA MAJU]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB TUAN TS. ZAHIR BIN HASSAN [WANGSA MAJU]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :

- a. berapa jumlah pelajar yang mengikuti aliran TVET menerusi kolej vokasional 5 tahun ke belakang
- b. apakah rancangan serta garis masa untuk meningkatkan pembelajaran subjek TVET di peringkat Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK).

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan penghargaan kepada Ahli Yang Berhormat Wangsa Maju atas pertanyaan yang diajukan berhubung dengan perkembangan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) di negara ini. Seiring dengan agenda reformasi pendidikan yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), TVET memainkan peranan penting dalam memperkasa modal insan negara bagi memenuhi keperluan tenaga kerja mahir selaras dengan keperluan industri, memperkasa kemenjadian murid dan kelestarian pendidikan yang berimpak tinggi.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah murid yang mengikuti bidang TVET di Kolej Vokasional (KV) dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini, iaitu dari tahun 2020 hingga 2024, adalah seramai 49,258 orang. Di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, KPM telah menyasarkan 90,000 graduan dilahirkan oleh KV. Sehingga tahun 2024, KPM telah berjaya melahirkan seramai 93,904 graduan, sekali gus melepasi sasaran yang ditetapkan.

Selain daripada program TVET yang ditawarkan di KV dan Sekolah Menengah Teknik (SMT), KPM turut menawarkan program TVET di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) bagi memperluaskan akses pendidikan kemahiran. Sehingga kini, sebanyak 22 Mata Pelajaran Vokasional (MPV) ditawarkan di 556 buah SMK, 11 Program Perantisan Industri Menengah Atas (PIMA) di 13 buah SMK, dan 12 Program Vokasional Menengah Atas (PVMA) di 336 buah SMK.

## NO SOALAN: 36

Dalam memastikan kebolehpasaran murid yang mengikuti TVET di SMK, KPM telah merangka pelan strategik dengan menambah kapasiti penawaran PVMA di SMK pada tahun 2024. Penambahan kapasiti ini memberi lebih banyak peluang kepada murid lepasan Tingkatan Tiga yang ingin mengikuti program TVET tanpa perlu berpindah ke institusi lain. Selain itu, pendidikan TVET turut diperluaskan melalui inisiatif Sekolah Model Khas Komprehensif 11 (K11), di mana dua sekolah telah melaksanakan program MPV mengikut keperluan setempat, iaitu SMK Betau di Pahang yang menawarkan MPV Pemprosesan Makanan dan SMK Long Bedian di Sarawak yang menawarkan MPV Tanaman Makanan. Bermula tahun 2025, SMK Betau akan menambah penawaran MPV Menservis Motorsikal bagi memperkasa lagi program TVET di sekolah K11.

Bagi memastikan pendidikan inklusif, KPM juga menawarkan program Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Program Penuh bagi Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) di KV. Program ini memberi laluan kepada MBPK lepasan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) Tingkatan Lima untuk melengkapkan SKM dalam bidang tertentu di KV dan memperoleh sijil daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK). Program ini telah dimulakan di KV Bachok, Kelantan pada tahun 2024 dalam bidang Penyediaan dan Pembuatan Makanan dan akan diperluaskan ke empat buah KV lain bermula tahun 2025.

Selain itu, KPM turut melaksanakan inisiatif penaiktarafan peralatan MPV di SMK bagi memastikan pematuhan kepada Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Peruntukan bagi penaiktarafan ini telah diluluskan di bawah RMK12 Rolling Plan 4 dan 5, dan peluasan MPV di SMK akan terus dipertingkatkan dalam RMK13 dan seterusnya berdasarkan keperluan dan permintaan sekolah. KPM juga terus berkolaborasi dengan industri bagi memberikan pendedahan kepada murid dan mencetuskan minat mereka untuk menceburi bidang TVET.

**NO SOALAN: 36**

Tuan Yang di-Pertua,

KPM sentiasa komited dalam memperkuuh ekosistem TVET negara bagi memastikan semua program yang ditawarkan relevan dengan keperluan industri dan dalam masa yang sama memberi peluang kepada murid untuk memperoleh pendidikan TVET berkualiti tinggi. Langkah-langkah yang diambil seja jar dengan aspirasi kerajaan untuk melahirkan tenaga kerja mahir yang berdaya saing, inovatif, dan bersedia menghadapi cabaran Revolusi Industri 4.0 serta ekonomi masa hadapan. Dengan strategi dan inisiatif yang dirancang, TVET di Malaysia pasti akan terus berkembang sebagai laluan pendidikan pilihan utama yang mampu memberikan impak besar kepada pembangunan modal insan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN ROSLAN BIN HASHIM [KULIMBANDAR  
BAHARU]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB TUAN ROSLAN BIN HASHIM [KULIMBANDAR BAHARU]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah kajian terperinci telah dijalankan oleh pihak Kementerian terhadap pelaksanaan *single entry exam* bagi lepasan STPM dan lepasan matrikulasi untuk melanjutkan pelajaran ke IPT serta apakah implikasi jangka pendek dan panjang yang terlibat.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

KPM sememangnya pada masa ini telah mengorak langkah untuk melonjakkan sistem pendidikan melalui agenda reformasi pendidikan. Reformasi pendidikan negara akan terus diperkuuhkan dalam segala aspek menerusi penubuhan enam jawatankuasa khas yang akan memberi tumpuan tertentu kepada aspek pengajaran dan pembelajaran guru serta murid. Reformasi pendidikan di Malaysia, di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), adalah usaha berterusan untuk memastikan murid kita bukan sahaja memperoleh pengetahuan yang berkualiti, tetapi juga dilengkapi dengan kemahiran yang relevan dengan keperluan masa depan negara.

Dalam konteks ini, pelaksanaan sistem kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT) merupakan aspek yang amat penting dalam menilai potensi murid dengan mengambil kira keseimbangan antara kecemerlangan akademik dan pembangunan holistik murid. Pelaksanaan pelbagai laluan pendidikan seperti STPM, STAM, dan Program Matrikulasi adalah sebahagian daripada usaha untuk memberi peluang yang lebih luas kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) memilih laluan yang sesuai dengan kecenderungan dan potensi mereka. Semua laluan pendidikan ini memiliki struktur pengajaran dan kurikulum yang berbeza untuk memenuhi keperluan dan potensi pelajar yang pelbagai.

Pelaksanaan cadangan pelaksanaan single entry exam memerlukan pertimbangan yang teliti, kerana ia melibatkan pelbagai program pengajaran yang dikendalikan oleh kementerian yang berbeza dan melibatkan pelbagai faktor termasuk struktur pengajaran dan kaedah penilaian yang berbeza.

Pelaksanaan single entry exam juga dipertimbangkan dalam konteks dasar pengambilan pelajar IPT yang berdasarkan meritokrasi. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) menggunakan prinsip merit, yang mengambil kira 90% markah akademik dan 10% markah kokurikulum dalam menentukan kemasukan pelajar ke IPT. Oleh itu, pelaksanaan ujian tunggal juga akan dilihat dari segi kesesuaian dasar, serta menilai implikasi sosial dan pendidikan yang terlibat.

**NO SOALAN: 37**

KPM sedang membuat penilaian yang mendalam dan menyeluruh berhubung pelaksanaan single entry exam agar ianya selari dengan paraturan dan dasar sedia ada. KPM tetap komited untuk memastikan akses pendidikan yang adil dan berkualiti kepada semua murid disediakan, tanpa mengira latar belakang mereka.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK MATBALI BIN MUSAH [SIPITANG]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB DATUK MATBALI BIN MUSAH [SIPITANG]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan inisiatif Kementerian dalam mengatasi masalah kuarters guru yang telah usang dan tidak selesa untuk didiami oleh para guru di kawasan pedalaman Sipitang yang melibatkan 3 buah sekolah iaitu SK Long Pasia (18 orang guru), SK Meligan (16 orang guru) dan SK Ulu Bole (11 orang guru).

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan penghargaan kepada Yang Berhormat atas pertanyaan yang diajukan berkaitan isu kuarters guru di kawasan pedalaman Sipitang.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam memastikan kebajikan warga pendidik diberi keutamaan, selaras dengan reformasi pendidikan yang sedang dilaksanakan melalui agenda 7 Teras Nadi Keunggulan KPM iaitu Teras 5 yang memberi fokus kepada kebajikan guru dan Teras 6 yang memberi tumpuan kepada usaha-usaha untuk mengubah suai dan menaik taraf sekolah-sekolah yang mempunyai bangunan daif, terutamanya di Sabah dan Sarawak. Ini termasuk usaha berterusan mengubah suai dan menaik taraf infrastruktur pendidikan seperti kuarters guru agar lebih selesa dan kondusif untuk didiami.

Sehubungan dengan itu, KPM telah mengambil langkah proaktif dalam mengatasi masalah kondisi kuarters guru yang usang di seluruh negara dengan menyalurkan peruntukan untuk tujuan penyelenggaraan dan baik pulih. Pada tahun 2024, sebanyak RM330,000.00 telah diperuntukkan khusus untuk membaik pulih empat (4) unit kuarters guru di daerah Sipitang. Skop penyelenggaraan meliputi pembaikan bumbung, pendawaian elektrik, penyelenggaraan tangki air, sistem perpaipan serta rektifikasi kondisi dalaman unit-unit kuarters yang terlibat.

Bagi memastikan kesinambungan usaha ini, KPM telah menyenaraikan kuarters guru di tiga sekolah, iaitu SK Long Pasia, SK Meligan dan SK Ulu Bole dalam senarai keutamaan penyelenggaraan dan penaiktarafan bagi tahun 2025. Keutamaan akan diberikan kepada aspek keselamatan, keselesaan serta kemudahan asas bagi menjamin kesejahteraan guru-guru yang bertugas di kawasan pedalaman. Selain itu, KPM juga sedang mengkaji keperluan tambahan bagi memastikan kuarters guru di kawasan luar bandar sentiasa berada dalam keadaan baik dan memenuhi standard kediaman yang selesa.

**NO SOALAN: 38**

Kerajaan MADANI dan KPM khususnya amat menghargai jasa dan pengorbanan para pendidik yang berkhidmat di kawasan pedalaman. Oleh itu, usaha menambah baik infrastruktur dan kemudahan untuk mereka akan terus menjadi agenda penting KPM dalam memastikan sistem pendidikan negara dapat berjalan dengan lancar dan berkesan. KPM akan terus berusaha memperkuatkan jaringan kerjasama dengan agensi berkaitan bagi mempercepatkan proses naik taraf dan pembinaan kuarters guru yang pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DR. ABD GHANI BIN AHMAD [JERLUN]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB DR. ABD GHANI BIN AHMAD [JERLUN]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian bersedia membenarkan waris pelajar yang dibuli merotan pembuli di kalangan pelajar dalam perhimpunan pagi di sekolah.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Terima kasih kepada Yang Berhormat Jerlun atas pertanyaan yang diajukan. Pendidikan merupakan aspek terpenting dalam membina sebuah masyarakat yang harmoni dan berdaya maju.

Hukuman rotan merupakan salah satu bentuk hukuman yang boleh dikenakan terhadap murid yang melakukan kesalahan berat, termasuk kesalahan buli. Namun, hukuman ini tidak bertujuan untuk mendera, sebaliknya bertindak sebagai kaedah pendidikan yang bersifat membimbing dan mendisiplinkan murid agar mereka dapat memahami implikasi perbuatan mereka. Pelaksanaan hukuman rotan juga tertakluk kepada garis panduan yang ketat seperti yang dinyatakan dalam Peraturan-peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959. Hukuman ini hanya boleh dilaksanakan oleh Guru Besar atau guru yang diberikan kuasa dan tidak boleh dikenakan ke atas murid perempuan. Lebih penting lagi, hukuman ini sama sekali tidak boleh dilaksanakan di khalayak ramai atau di tapak perhimpunan sekolah, seperti yang telah diperincikan dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/2003 berkaitan Kuasa Guru Merotan Murid.

Dalam menangani isu disiplin di sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menekankan pendekatan yang lebih holistik dan berfokus kepada pendidikan nilai serta pembentukan sahsiah murid. Ini termasuk program intervensi awal, bimbingan kaunseling, serta pengukuhan budaya kasih sayang dan hormat-menghormati dalam kalangan murid. Melalui pendekatan ini, murid bukan sahaja dididik untuk memahami akibat perbuatan mereka, tetapi juga diasuh dengan adab dan akhlak yang baik seperti yang digariskan dalam Teras 2, 7 Nadi Keunggulan KPM yang memberi penekanan kepada aspek karamah insaniah melalui pembentukan adab, akhlak, dan integriti dalam kalangan murid.

Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan perundungan sedia ada tidak memberi sebarang kuasa kepada ibu bapa atau orang awam untuk mengambil tindakan fizikal terhadap murid yang melakukan kesalahan. KPM berpandangan, pendekatan yang lebih berkesan adalah dengan memperkuatkan komunikasi antara pihak sekolah dan ibu bapa bagi memastikan sebarang isu disiplin dapat ditangani dengan lebih berhemah dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua,

KPM sentiasa berusaha memastikan pelaksanaan disiplin di sekolah sejajar dengan dasar pendidikan yang menitikberatkan pembentukan akhlak dan integriti. Hukuman rotan hanya boleh dilaksanakan mengikut garis panduan yang ditetapkan dan oleh pihak yang diberi kuasa. KPM juga menegaskan bahawa pendekatan pendidikan yang bersifat membina, seperti bimbingan kaunseling dan pengukuhan nilai murni, merupakan langkah yang lebih efektif dalam membentuk peribadi murid yang berakhlak dan berintegriti. Oleh itu, semua pihak diseru untuk bersama-sama memainkan peranan dalam memastikan persekitaran sekolah yang selamat, kondusif, dan harmoni bagi melahirkan generasi yang berdisiplin dan bertanggungjawab.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI SH MOHAMED PUZI BIN SH ALI [PEKAN]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB DATO' SRI SH MOHAMED PUZI BIN SH ALI [PEKAN]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha proaktif Kementerian dalam mencari punca ketidakhadiran lebih 10,000 calon Sijil Pelajaran Malaysia 2023 dan adakah terdapat sebarang cadangan untuk mengenakan tindakan kepada sekolah yang mencatatkan rekod ketidakhadiran pelajar yang tinggi ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam memastikan setiap murid mendapat akses pendidikan yang berkualiti dan seterusnya menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sebagai penanda aras pencapaian akademik mereka. Seiring dengan reformasi pendidikan yang sedang giat dilaksanakan, KPM berpegang teguh kepada 7 Teras Nadi Keunggulan, khususnya Teras 3, memberi perhatian terhadap isu kemiskinan multidimensi murid daripada keluarga B40 dan Teras 4 yang menekankan keperluan untuk memberi perhatian terhadap isu keciciran pendidikan serta masalah literasi dan numerasi. Isu ketidakhadiran calon SPM bukan sekadar satu cabaran statistik tetapi juga berkait rapat dengan peluang masa depan anak-anak kita dan keberkesanan sistem pendidikan negara secara keseluruhan.

Bagi menangani cabaran ini, KPM telah menjalankan analisis terperinci terhadap kehadiran calon dalam peperiksaan SPM. Berdasarkan data sehingga 22 Januari 2025, seramai 8,164 orang calon dilaporkan tidak hadir bagi peperiksaan SPM Tahun 2024, menunjukkan penurunan sebanyak 19.6% berbanding tahun sebelumnya. Dalam kalangan calon sekolah KPM sahaja, jumlah ketidakhadiran telah menurun sebanyak 27.5%, satu indikator positif hasil daripada pelbagai intervensi yang telah dilaksanakan oleh KPM. Antara faktor utama yang dikenal pasti menyumbang kepada ketidakhadiran calon termasuk bekerja, masalah keluarga, isu kesihatan, berpindah ke luar negara dan juga kes kematian. Oleh itu, KPM telah melaksanakan pelbagai inisiatif berfokus untuk menangani masalah ini.

## NO SOALAN: 40

KPM memantau kehadiran murid secara harian melalui Sistem Kehadiran Murid (eKehadiran) dalam Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM). Task Force Intervensi Murid Berisiko Cicir SPM turut diaktifkan bagi mengenal pasti serta mengurus calon yang berisiko tidak menduduki peperiksaan. Selain itu, KPM mengadakan Dialog Prestasi Nasional untuk membincangkan isu dan strategi meningkatkan kehadiran calon SPM bersama Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah. Pelbagai program turut dilaksanakan, antaranya Program Ziarah Cakna dan sesi konsultasi ibu bapa bagi menggalakkan peranan ibu bapa dan komuniti dalam memastikan anak-anak mereka menduduki SPM. Program Bitara Minda juga dilaksanakan dengan memberi fokus kepada kesihatan mental, fizikal dan emosi murid agar mereka lebih bersedia menghadapi peperiksaan.

Selain itu, KPM bekerjasama dengan pelbagai agensi seperti Kementerian Kewangan Malaysia, Yayasan Hasanah, Universiti Awam dan lain-lain dalam Program Anak Kita: Program SPM dan Program Pecutan SPM 2024. Penglibatan pempengaruh pendidikan (Edufluencer) yang berkepakaran dalam bimbingan dan kaunseling turut digunakan bagi meningkatkan motivasi murid menduduki peperiksaan. Usaha menangani cabaran bencana alam juga dilakukan dengan kerjasama Agensi Pengurusan Bencana Negara, Angkatan Tentera Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat, dan lain-lain bagi memastikan kelancaran peperiksaan dalam musim tengkujuh. Selain itu, pihak sekolah diingatkan untuk menghubungi calon dan ibu bapa pada hari peperiksaan bagi memastikan calon hadir ke pusat peperiksaan.

Keberkesanan pelbagai intervensi ini jelas terbukti dengan penurunan kadar ketidakhadiran dalam peperiksaan SPM. Namun, usaha ini tidak boleh hanya bergantung kepada KPM semata-mata. Ibu bapa, masyarakat dan sektor swasta perlu bersama-sama memainkan peranan dalam memastikan setiap calon hadir dan menduduki peperiksaan yang bakal menentukan hala tuju pendidikan dan masa depan mereka. Sebagai langkah jangka panjang, KPM turut melaksanakan pengesanan awal murid berisiko cicir dalam kalangan pelajar Tingkatan 4 bagi memastikan mereka bersedia untuk SPM 2025. Di samping itu, sebanyak 22,000 orang murid terpilih akan menerima bantuan kit peranti atau tablet di bawah Program Anak Kita, bertujuan menyokong inisiatif menangani keciciran pembelajaran dan memastikan kelangsungan pendidikan mereka bagi menghadapi peperiksaan SPM khusus bagi murid dalam kalangan keluarga yang kurang berkemampuan.

**NO SOALAN: 40**

Usaha menangani ketidakhadiran calon dalam peperiksaan SPM merupakan satu agenda nasional yang menuntut sokongan menyeluruh daripada semua pihak. KPM akan terus memperkuuh dan menambah baik setiap intervensi yang telah dilaksanakan bagi memastikan calon menduduki peperiksaan. Pendidikan adalah asas pembinaan negara bangsa, dan setiap murid adalah aset berharga yang perlu kita jaga bersama.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN HAJI MUHAMMAD ISLAHUDDIN BIN ABAS [MERSING]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB TUAN HAJI MUHAMMAD ISLAHUDDIN BIN ABAS [MERSING]**  
minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :

- a. peruntukan yang telah disalurkan untuk kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan sekolah yang terjejas banjir mengikut negeri setakat ini
- b. status dan garis masa pelaksanaan SOP baharu bagi pengurusan sekolah yang berisiko dilanda banjir mulai tahun ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam memastikan kebajikan dan keselamatan warga sekolah, khususnya dalam menghadapi cabaran bencana banjir yang sering melanda negara. KPM memahami kesan yang ditanggung oleh pihak sekolah, murid, guru serta ibu bapa akibat kerosakan infrastruktur dan gangguan kepada sesi pembelajaran yang berpunca daripada bencana ini. Oleh itu, pelbagai langkah telah dan akan terus diambil bagi menangani isu ini dengan berkesan.

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 22 Januari 2025, KPM telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM1.15 juta bagi kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan kepada 25 buah sekolah yang terjejas akibat banjir di seluruh negara. KPM telah memohon kepada Unit Penyelaras dan Pelaksanaan (ICU, JPM) peruntukan akibat banjir monsun timur laut 2024/2025 sebanyak RM25 juta melibatkan sembilan negeri melibatkan sekolah dan institusi pendidikan KPM. Selain itu, pada 23 Januari 2025 KPM turut membuat permohonan tambahan sebanyak RM890 ribu bagi negeri Pahang.

Peruntukan ini disalurkan secara berperingkat berdasarkan keperluan mendesak yang dikenal pasti oleh Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD). KPM sentiasa peka terhadap keadaan sekolah yang mengalami kerosakan akibat banjir dan akan terus menyalurkan bantuan berdasarkan laporan serta permohonan yang dikemukakan oleh pihak berkaitan.

Selain itu, KPM juga telah mengambil langkah proaktif dengan mengemas kini Garis Panduan Pengurusan Banjir di Sekolah KPM, yang telah dikeluarkan pada 22 Oktober 2024. Garis panduan menjadi rujukan utama kepada pihak JPN, PPD, serta pentadbiran sekolah dalam mengambil langkah kesiapsiagaan menghadapi bencana banjir. Antara elemen penting yang digariskan termasuk prosedur pemindahan murid dan aset sekolah, mekanisme pemantauan risiko, serta tindakan pemulihan pasca banjir bagi memastikan sesi persekolahan dapat berjalan semula dalam tempoh yang minimum.

## **NO SOALAN: 41**

Dalam usaha meningkatkan keberkesanan pengurusan bencana seperti banjir di sekolah, KPM juga sedang meneliti cadangan untuk mempercepatkan proses penyaluran bantuan kecemasan serta memperkuuh infrastruktur sekolah di kawasan yang sering terjejas. Kerjasama dengan pelbagai agensi berkaitan seperti Jabatan Meteorologi Malaysia dan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) turut diperkasakan bagi memastikan tindakan mitigasi yang lebih holistik dapat dilaksanakan.

KPM akan terus memberi keutamaan kepada aspek keselamatan dan kebijakan sekolah dalam menghadapi ancaman bencana seperti banjir. Segala usaha yang dirancang dan dilaksanakan bertujuan memastikan gangguan kepada proses pembelajaran dapat diminimumkan dan kerosakan akibat bencana seperti banjir dapat ditangani dengan segera. KPM juga akan terus bekerjasama dengan semua pihak berkepentingan dalam memastikan setiap sekolah dilengkapi dengan langkah kesiapsiagaan yang mencukupi, bersesuaian dan berdaya tahan untuk menghadapi sebarang bentuk cabaran bencana alam termasuklah banjir.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK SERI JALALUDDIN BIN ALIAS [JELEBU]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB DATUK SERI JALALUDDIN BIN ALIAS [JELEBU]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa jumlah kuota haji yang diterima oleh Malaysia bagi musim haji 2025 dan adakah pihak Kerajaan ada mengemukakan tambahan kuota kepada Kerajaan Arab Saudi.

**JAWAPAN**

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR,**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

1. Kerajaan Malaysia melalui Lembaga Tabung Haji (**TH**) menyambut baik keputusan Kerajaan Arab Saudi untuk memberi kuota penuh sebanyak 31,600 kepada Malaysia untuk musim haji tahun 1446H/2025M melalui pemeteraihan Memorandum Urusan Haji bersama pihak Kerajaan Arab Saudi bagi memperkuatkan lagi kerjasama strategik kedua-dua pihak terutamanya dalam pengurusan haji untuk musim 1446H/2025M.
2. Memorandum ini menjadi bukti komitmen kerajaan melalui **TH** dalam menyampaikan perkhidmatan terbaik kepada para bakal dhuyufurrahman khusus untuk musim haji kali ini.
3. Selain itu, Malaysia juga menyatakan persetujuan untuk mematuhi garis panduan dari Kementerian Haji dan Umrah, Arab Saudi berkaitan ketibaan dan pergerakan pulang melalui lapangan terbang Madinah dan Jeddah.
4. Kerajaan Malaysia juga telah memohon tambahan kuota sebanyak 10,000 lagi daripada kerajaan Arab Saudi bagi membolehkan lebih ramai umat Islam Malaysia menunaikan haji. Permohonan ini sedang dipertimbangkan oleh pihak Kementerian Haji dan Umrah Arab Saudi dan masih menunggu maklum balas daripada pihak Kerajaan Arab Saudi.

Sekian, Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DR. MOHAMMED TAUFIQ BIN  
JOHARI [SUNGAI PETANI]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB DR. MOHAMMED TAUFIQ BIN JOHARI [SUNGAI PETANI]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setelah membuat penilaian terhadap pelaksanaan Geran Sejati MADANI, apakah impak yang telah dicapai oleh geran ini terhadap pertumbuhan ekonomi tempatan. Adakah Kerajaan bercadang untuk meneruskan program geran ini pada masa hadapan dan jika ya, apakah penambahbaikan yang dirancang untuk meningkatkan keberkesanannya.

**JAWAPAN**

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan Program SejaTi MADANI memfokuskan kepada pemerkasaan ekonomi rakyat yang bertujuan untuk membangunkan potensi dan kebolehan komuniti. Pelaksanaan program ini selain menambah pendapatan komuniti turut memberi manfaat lain, antaranya pewujudan peluang pekerjaan dalam komuniti, perluasan rantai bekalan melalui pusat penjualan produk pertanian, pembangunan tanah terbiar, pemeliharaan warisan/budaya bangsa melalui penghasilan produk unit etnik serta membangunkan komuniti berdaya cipta melalui pewujudan pusat rekreasi.
  
2. Bagi tahun 2025, Kerajaan memperuntukkan RM600 juta bagi pelaksanaan Program SejaTi MADANI. ICU JPM akan terus meningkatkan intensiti pemantauan bagi mengenal pasti isu di lapangan dalam usaha memastikan pelaksanaan projek yang efisien, mengadakan kerjasama dengan Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi memudah cara proses kelulusan projek, meneruskan kerjasama dengan Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan agensi pembimbing yang mempunyai model program keusahawanan untuk membimbang komuniti, mengeluarkan surat peringatan serta membuat semakan bagi memastikan tiada bayaran khidmat perunding dibuat menggunakan peruntukan Program SejaTi MADANI dan memastikan komuniti membuat laporan polis bagi sebarang kehilangan atau kerugian akibat bencana alam.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK [KUALA NERUS]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB DATO' DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK [KUALA NERUS]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan program khusus yang dilaksanakan Kerajaan susulan laporan lebih 40,000 penjawat awam mengalami isu kesihatan psikologi.

**JAWAPAN**

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa prihatin dengan kebajikan dan tahap kesihatan mental pegawai awam. Justeru, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah membangunkan Sistem Profiling Digital Kesihatan Psikologi Perkhidmatan Awam (MyPsyD) yang bertujuan untuk mengenal pasti tahap kesihatan psikologi pegawai. Pengisian profil MyPsyD telah dilaksanakan bermula 1 Mac 2024 sehingga 31 Disember 2024.
2. Pelaksanaan MyPsyD ini melibatkan 40 Kementerian dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri yang terdiri daripada 975,780 (77.0%) orang pegawai awam daripada jumlah keseluruhan 1,266,474 orang penjawat awam. Berdasarkan keputusan keseluruhan, seramai 44,901 (4.6%) orang pegawai awam telah didapati berisiko tinggi dalam isu kesihatan mental berkaitan kemurungan, keresahan, penyalahgunaan bahan dan tingkah laku bunuh diri.
3. Sehubungan itu, kerajaan telah mengambil langkah yang strategik untuk mencegah dan menangani isu yang dikenalpasti melalui pendekatan yang menyeluruh. Langkah ini termasuk rujukan segera kepada pakar bagi kes yang serius di samping intervensi psikologi melalui psikoterapi dan pemantauan rapi oleh Pegawai Psikologi.

4. Selain itu, JPA melalui Bahagian Pengurusan Psikologi (BPPs) juga telah menyediakan pelbagai bentuk latihan kompetensi dan membangunkan Garis Panduan Pengurusan Intervensi Bersepadu, pelan rawatan dan rujukan yang berkaitan bagi memantapkan kualiti dan perkhidmatan psikologi sektor awam selain sumber rujukan sedia ada yang dibangunkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebagai panduan pengurusan pegawai khususnya dalam isu kesihatan mental.
5. Secara keseluruhannya, pelaksanaan saringan kesihatan psikologi MyPsyD merupakan inisiatif kerajaan yang signifikan dalam mengenal pasti risiko psikologi dan kesihatan mental pegawai. Keprihatinan JPA dengan sokongan profesional melalui strategi pencegahan dan intervensi awal diyakini dapat mengekalkan kesejahteraan pegawai awam secara holistik dan seterusnya dapat meningkatkan produktiviti mereka sepanjang perkhidmatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN RODIYAH BINTI SAPIEE [BATANG SADONG]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB PUAN RODIYAH BINTI SAPIEE [BATANG SADONG]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan langkah-langkah pembaharuan yang dirancang untuk memastikan gerakan koperasi kekal relevan dan berdaya saing dalam menghadapi perubahan landskap ekonomi negara dan global, termasuk usaha menilai semula kesesuaian peraturan serta akta yang digunakan masa kini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 Jun 2024, sebanyak 16,009 buah koperasi telah didaftarkan dengan keanggotaan seramai 7.2 juta orang. Jumlah aset koperasi yang direkodkan adalah bernilai RM171.4 bilion. Manakala jumlah modal syer atau yuran koperasi pula adalah sebanyak RM18 bilion serta perolehan koperasi berjumlah RM33.1 bilion.
2. Dalam hal ini, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) komited untuk terus memperkasakan gerakan koperasi di Malaysia berdasarkan Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TransKoM) 2021-2025 dan Dasar Koperasi Malaysia (DaKoM) 2030.
3. Bagi tujuan ini, antara langkah pembaharuan yang dirancang untuk memastikan gerakan koperasi kekal relevan dan berdaya saing dalam menghadapi perubahan landskap ekonomi negara dan global adalah seperti berikut:
  - i. meliberalisasi perundangan supaya mesra perniagaan koperasi melalui penggubalan akta koperasi yang baharu bagi menggantikan Akta Koperasi 1993 [Akta 502] untuk memastikan gerakan koperasi terus berkembang seiring dengan persekitaran ekonomi semasa;
  - ii. mengukuhkan struktur ekonomi strategik koperasi khususnya dalam sektor pertanian, peruncitan, perkhidmatan termasuk pelancongan dan pengguna selain perkhidmatan kewangan bagi membina sektor koperasi yang berdaya tahan dan berprestasi tinggi;

- iii. memperkasakan elemen digitalisasi dalam gerakan koperasi melalui Pelan Tindakan Digitalisasi Koperasi (DigiKOP) 2030 berteraskan empat aspek utama iaitu pembangunan ekosistem digital dan data raya bersepadu serta inklusif, pemerkasaan modal insan dan bakat digitalisasi dalam gerakan koperasi, pemerkasaan penggunaan digitalisasi dalam pentadbiran dan pengurusan koperasi serta peningkatan penggunaan teknologi digital dalam perniagaan koperasi;
- iv. menyediakan program latihan dan bimbingan melalui Institut Koperasi Malaysia (IKMa) dalam aspek kepimpinan, pengurusan kewangan dan keusahawanan. Antara program yang akan dilaksanakan ialah Program Pembangunan Kepimpinan Koperasi (PiMPiN), Program Asas Perniagaan Koperasi (COOPBiF) dan Program Membangunkan Keusahawanan Koperasi (COOPBizpreneur); dan
- v. menubuhkan Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia (UKKM) yang bertujuan melahirkan graduan terlatih dalam pengurusan koperasi merangkumi aspek kewangan, pentadbiran dan keusahawanan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN MUHAMMAD FAWWAZ BIN MOHAMAD  
JAN [PERMATANG PAUH]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB TUAN MUHAMMAD FAWWAZ BIN MOHAMAD  
JAN [PERMATANG PAUH]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian dan ketetapan Kerajaan mengenai sambutan perayaan agama lain selain Islam di premis Kerajaan yang turut melibatkan orang Islam yang perlu menjaga akidah dan pada masa yang sama memelihara perpaduan pelbagai kaum.

**JAWAPAN**

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

**Tuan Yang di- Pertua,**

1. Kerajaan sentiasa tegas dan berpendirian bahawa akidah umat Islam mestilah dijaga dan pada masa yang sama memelihara perpaduan pelbagai kaum dan agama dalam masyarakat Malaysia. Perkara ini selari dengan Perkara 3 (1) Perlembagaan Persekutuan “Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan”.
2. Justeru, JAKIM mengambil ketetapan dengan mengeluarkan beberapa garis panduan berkaitan perkara ini. Antaranya:
  1. “Garis Panduan Orang Islam Turut Merayakan Hari Kebesaran Agama
  2. Orang Bukan Islam” yang telah diperakukan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Kali ke-68 pada 12 April 2005 dan Garis Panduan Kandungan Berunsur Islam Dalam Media Baharu, terbitan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) 2024.

3. Pada masa ini juga, JAKIM sedang memuktamadkan satu garis panduan khusus berkaitannya iaitu Garis Panduan Penglibatan Orang Islam Dalam Majlis Sambutan Perayaan Dan Upacara Kematian Orang Selain Islam Serta Kunjungan Dan Penganjuran Majlis Di Rumah Ibadat Selain Islam. Dalam garis panduan ini ada menggariskan tentang penglibatan orang Islam dalam sambutan perayaan orang selain Islam. Antara lain, penglibatan orang Islam dalam majlis sambutan mestilah tidak disertakan dengan perbuatan yang boleh menyentuh sensitiviti masyarakat Islam. Contohnya;
  - a. Ucapan atau nyanyian berbentuk propaganda, penyebaran risalah dan agamanya;
  - b. Persembahan atau ucapan yang menghina atau mempersendakan pegangan agama masyarakat Islam;
  - c. Pelaksanaan majlis dalam tempoh umat Islam melaksanakan ibadah seperti waktu azan, solat jemaah, khutbah dan solat Jumaat;
  - d. Lokasi majlis tidak berhampiran dengan masjid, surau, tanah perkuburan Islam dan tanah wakaf dan;
  - e. Premis yang digunakan tidak memamerkan simbol keagamaan bukan Islam.
4. Di samping itu, pihak penganjur perlu mendapatkan kebenaran daripada pihak berautoriti dan perlu mendapatkan pandangan pihak berkuasa agama Islam jika jemputan melibatkan pemimpin atau orang Islam sebelum sesuatu majlis perayaan dilaksanakan.

**NO SOALAN: 46**

5. Garis panduan ini akan dimuktamadkan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) Kali ke-126 yang dijadualkan pada 25 – 27 Februari 2025.
6. Garis Panduan ini juga melengkapi Garis Panduan 2005 dan masih boleh dijadikan sebagai panduan. Mana-mana yang dalam Garis Panduan lama bertentangan dengan yang baru, maka Garis Panduan yang lama tidak akan terpakai.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN SYERLEENA BINTI ABDUL  
RASHID [BUKIT BENDERA]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB PUAN SYERLEENA BINTI ABDUL RASHID [BUKIT BENDERA]**  
minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan :

- a. apakah garis masa yang dijangkakan untuk penubuhan Suruhanjaya Kepercayaan Digital dan Keselamatan Data (SKDKD) dan perbezaan antara SKDKD dan Jabatan Perlindungan Data Peribadi yang sedia ada
- b. bagaimana Kementerian memastikan koordinasi untuk mengelak sebarang pertindihan fungsi.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kementerian Digital melalui CyberSecurity Malaysia (CSM) sedang membuat rumusan kajian berkaitan Kepercayaan Digital bagi memberi gambaran mengenai cabaran kepada keselamatan siber di Malaysia, usaha dan inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan serta mengenal pasti jurang dan ruang penambahbaikan yang perlu diberi tumpuan oleh Kerajaan.
2. Hasil kajian ini akan menjadi input kepada Rangka Kerja Kepercayaan Digital yang akan dibangunkan bagi memberi hala tuju kepada usaha-usaha Kerajaan dalam memastikan ekosistem pendigitalan termasuk aspek data adalah selamat dan boleh dipercayai.
3. Rangka kerja yang bakal dibangunkan tersebut akan meliputi beberapa teras penting seperti aspek tatakelola, keselamatan dan pengurusan data serta pematuhan dan penguatkuasaan.
4. Selain itu, pihak CSM juga telah menandatangani satu nota kerjasama bersama pihak Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) pada 27 Ogos 2024 bagi membantu pihak JPDP dalam memastikan aspek keselamatan data secara lebih menyeluruh.
5. Untuk pelan jangka masa sederhana/ panjang, Kementerian berhasrat menambahbaik tatakelola badan kawal selia bagi tujuan memperkuuh fungsi dan kuasa Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi (PDP). Pesuruhjaya PDP turut menjalankan kerjasama dengan pelbagai pihak seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam memantau, mengesan, menyekat dan menangani insiden kebocoran dan penjualan data yang berlaku demi membanteras jenayah siber yang dilihat semakin meningkat di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN HAJI MUHAMMAD ISLAHUDDIN BIN ABAS [MERSING]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB TUAN HAJI MUHAMMAD ISLAHUDDIN BIN ABAS [MERSING]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pelan jangka pendek, sederhana dan panjang yang telah digariskan oleh pihak NADMA terhadap cadangan pembinaan dewan terbuka pusat pemindahan kekal bencana (PPKB) dalam kawasan sekolah serta pembinaan tapak simulasi bencana bagi pasukan SMART di seluruh negara.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI,  
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEMAJUAN  
DESA DAN WILAYAH**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Pusat Pemindahan Kekal Bencana (PPKB) adalah salah satu (1) inisiatif oleh Kerajaan Persekutuan untuk kemudahan dan keselesaan kepada mangsa yang ditimpa bencana. PPKB dibina dalam kawasan sekolah di lokasi strategik untuk pemindahan mangsa bencana yang bertujuan untuk mengoptimumkan penggunaan PPKB sebagai serampang dua mata iaitu sebagai pusat pemindahan mangsa bencana dan juga sebagai tempat untuk aktiviti pelajar semasa tidak berlaku bencana.
2. Hasrat Kerajaan melalui Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) bagi pembinaan PPKB ini adalah bagi mengurangkan gangguan kepada pihak sekolah apabila berlaku sesuatu bencana terutamanya banjir dan dalam masa yang sama membantu sekolah-sekolah milik Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang dijadikan PPS mempunyai kemudahan dewan terbuka berserta komponen-komponen yang terdapat dalam PPKB.
3. Pelan jangka panjang yang telah dirancang oleh NADMA adalah untuk membina lebih banyak PPKB di seluruh negara. Pada masa ini sebanyak sembilan (9) PPKB sedang dibina sebagai “pilot project” untuk kemudahan dan keselesaan kepada mangsa yang ditimpa bencana iaitu di Kelantan, Johor, Pahang, Terengganu, Perak, Pulau Pinang, Kedah, Sarawak dan Sabah.

**NO SOALAN: 48**

4. Sebagai makluman tambahan Yang Berhormat, Tapak Simulasi Bencana yang sedang dibina di Markas Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART), Pulau Meranti, Selangor dijangka siap pada 8 Februari 2025. NADMA juga bercadang untuk menjadikan Tapak Simulasi Bencana atau Pusat Simulasi ini sebahagian dari modul latihan yang akan dijadikan sebagai Pusat Kecemerlangan Pengurusan Bencana Negara (myCEDM).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL  
SINGH [BUKIT GELUGOR]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]** minta PERDANA MENTERI menyatakan status terkini berkenaan usaha Kerajaan untuk memisahkan Pejabat Peguam Negara dan untuk menyatakan jangka masa (*timeline*) yang spesifik untuk usaha tersebut dicapai.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**  
**(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, pada **16 Ogos 2023**, Jemaah Menteri bersetuju supaya **suatu kajian empirikal yang terperinci dan holistik dibuat berkenaan dengan pengasingan peranan Pendakwa Raya dan Peguam Negara**. Bagi tujuan ini, **dua Pasukan Petugas Khas telah ditubuhkan** bagi menjalankan kajian empirikal **secara berfasa** seperti berikut:
  - a. **Sebagai Fasa Pertama**, Pasukan Petugas Khas Kajian Komparatif serta wakil Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya dan Reformasi Institusi, wakil Blok Pembangkang, Jabatan Peguam Negara (AGC) dan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM) menjalankan kajian berdasarkan **keterangan (evidence-based research)** ke beberapa buah negara seperti England, Australia dan Kanada; dan
  - b. **Sebagai Fasa Kedua**, Pasukan Petugas Khas Teknikal pula meneliti secara komprehensif **mengenai implikasi perundangan, perjawatan dan kewangan**. Pasukan Petugas Khas Teknikal ini dikendalikan sepenuhnya oleh BHEUU, JPM dan AGC.

- c. **Sebagai Fasa Tiga, sesi libat urus bersama-sama dengan Kerajaan Negeri Sabah & Sarawak serta pihak pemegang taruh lain termasuk agensi penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia selain Majlis Peguam Malaysia, *Sabah Law Society, Advocates Association of Sarawak*, Ahli-ahli akademik dan pakar rujuk Perlembagaan Persekutuan akan diadakan oleh Pasukan Petugas Khas Teknikal.**
2. Kajian Empirikal ke Kanada yang merangkumi Ottawa dan Toronto telah diadakan dari **6 hingga 9 Mei 2024**, manakala Kajian Empirikal ke Australia yang merangkumi Melbourne dan Canberra telah diadakan pada **3 hingga 6 Jun 2024**. Kajian Empirikal ini disertai antara lain, Penggerusi dan ahli-ahli Jawatankuasa Pilihan Khas bagi Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya dan Reformasi Institusi, BHEUU JPM dan Jabatan Peguam Negara (AGC).
3. Semasa Kajian Empirikal, Pasukan Petugas Khas Kajian Komparatif telah memperoleh maklumat dan data yang komprehensif serta menyeluruh termasuk perkara-perkara teknikal dan spesifik serta perkara-perkara generik yang memberi penekanan kepada dengan izin “*big picture*” dalam pelaksanaan pengasingan peranan Peguam Negara dan Pendakwa Raya di negara kita. Selain itu, sesi Perbincangan Meja Bulat (*Roundtable Discussion*) telah diadakan secara hybrid (secara fizikal dan atas talian) pada **3 Jun 2024** di Monash University dan pada **6 Mei 2024** di Fakulti Undang-Undang Universiti Ottawa. Perbincangan Meja Bulat tersebut telah dihadiri oleh pakar-pakar akademik perundangan, pengamal perundangan, ahli akademik serta pihak CSO (*Civil Society Organisations*) dan NGO (*Non-Governmental Organisations*) dari Australia, Kanada dan Malaysia.

4. Selain itu, **kajian saintifik berdasarkan perspektif sains kemasyarakatan pandangan umum ke atas pengasingan peranan Peguam Negara dan Pendakwa Raya telah selesai dijalankan bagi tempoh enam (6) bulan dengan bekerjasama dengan Universiti Sains Malaysia (USM)**. Kajian ini telah melibatkan pihak-pihak berkepentingan termasuk masyarakat umum, agensi penguatkuasaan, pakar-pakar berkaitan dan kerajaan negeri. Kajian ini juga telah merangkumi pengumpulan dan analisis data dan maklumat daripada pihak-pihak berkepentingan melalui pelbagai kaedah penyelidikan seperti perbincangan kumpulan fokus (*focus group discussion*).
5. Negara terakhir yang akan dikaji oleh **Pasukan Petugas Khas Komparatif dalam masa yang terdekat ialah United Kingdom** yang merupakan penutup kepada Kajian Empirikal. Buat masa ini, BHEUU JPM melalui Pasukan Petugas Khas Teknikal dalam peringkat **menyediakan Laporan Interim berdasarkan dapatan Kajian Empirikal daripada Pasukan Petugas Khas Kajian Komparatif**. Laporan Interim tersebut akan dikemukakan kepada **Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi Manusia, Pilihanraya dan Reformasi Institusi** dan seterusnya akan dimaklumkan kepada Jemaah Menteri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN  
HASSAN [KOTA BHARU]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN [KOTA BHARU]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan bercadang meminda Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 bagi memelihara kebebasan institusi kehakiman dan mengelakkan ruang campur tangan eksekutif dalam urusan pelantikan hakim.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

**(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pelantikan hakim-hakim mahkamah atasan adalah berlandaskan Perlembagaan Persekutuan dan Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 [Akta 695].
2. Kerajaan MADANI mengambil perhatian akan cadangan daripada pelbagai pihak agar Akta 695 dipinda. Walau bagaimanapun, perkara ini memerlukan pemerhatian mendalam terlebih dahulu oleh Kerajaan memandangkan ianya akan melibatkan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan. Selain daripada itu, sebarang cadangan pindaan kepada Akta 695 akan mengambil kira pandangan daripada semua pihak yang berkepentingan.
3. Setakat ini, Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman yang merupakan sebuah badan bebas belum lagi mencadangkan secara rasmi kepada Kerajaan berhubung dengan cadangan pindaan kepada Akta 695.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK SITI AMINAH BINTI  
ACHING [BEAUFORT]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB DATUK SITI AMINAH BINTI ACHING [BEAUFORT]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk membina baharu bangunan sekolah KAFA di Kampung Tanjung Aru Menumbok dan Kampung Berangkok Kuala Penyu, Beaufort memandangkan bangunan tersebut adalah bangunan pinjam yang bukan dimiliki oleh sekolah KAFA dan mempunyai struktur bangunan yang tidak selamat dan kondusif.

**JAWAPAN**

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kerajaan Madani telah menyediakan satu peruntukan khas bagi membantu penyeleggaraan dan naik taraf Institusi Pendidikan Islam (IPI). Pada tahun 2025, Peruntukan Khas Bantuan Selenggara dan Naik Taraf (SNT) IPI yang diterima oleh JAKIM dari Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) adalah berjumlah RM150 juta bagi tahun 2025. Peruntukan ini adalah berbentuk *one off* sebagai bantuan untuk disalurkan kepada IPI yang berdaftar dengan pemegang taruh di negeri-negeri di seluruh Malaysia.
  
2. Berdasarkan kepada Garis Panduan Peruntukan Khas ini, premis IPI yang layak memohon bantuan ini adalah Institusi Pondok, Institusi Tahfiz, Sekolah Agama Rakyat, Swasta dan Negeri, Sekolah Menengah Agama Negeri dan Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) di premis bukan kerajaan. Manakala skop peruntukan bagi bantuan peruntukan khas ini pula meliputi keselamatan, selenggara dan naik taraf infrastuktur, selenggara dan naik taraf bangunan, pencegahan kebakaran, pendawaian elektrik, dan sistem perpaipan.

**NO SOALAN: 51**

3. Berkenaan hasrat YB untuk membina bangunan baru premis KAFA tersebut, kerajaan ingin memaklumkan bahawa ianya tidak termasuk dalam skop yang telah ditetapkan seperti yang dinyatakan dalam garis panduan dan syarat pembiayaan bantuan ini. Cadangan pembinaan bangunan baharu untuk menggantikan bangunan sedia ada yang telah usang, pihak sekolah KAFA disarankan untuk memajukan permohonan peruntukan kepada pihak ICU. Manakala, bagi premis KAFA yang menggunakan bangunan sekolah bantuan kerajaan, permohonan pembinaan bangunan baharu boleh dikemukakan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dan agensi-agensi lain yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' WIRA DR. KU ABD RAHMAN BIN KU ISMAIL [KUBANG PASU]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB DATO' WIRA DR. KU ABD RAHMAN BIN KU ISMAIL [KUBANG PASU]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan :

- a. apakah hasil aktiviti R&D MIMOS Berhad yang dianggap *Major Breakthrough* dalam tempoh lima tahun yang lalu
- b. memandangkan MIMOS memberi fokus kepada R&D dalam *semiconductors* apakah hasil yang berjaya diperoleh dalam usaha untuk memperkasakan teknologi dan industri *semiconductors* negara.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Fokus utama MIMOS Berhad adalah penyelidikan dalam bidang semikonduktor (*semiconductors*), mikroelektronik (*microelectronics*), dan teknologi maklumat dan komunikasi (*ICT*) yang kritikal untuk memajukan daya saing negara di peringkat global.

Di antara hasil R&D ‘*major breakthrough*’ MIMOS adalah penyelesaian MIMOS *Autonomous Chiller Control & Energy Efficiency* (Mi-ACE) yang secara aktif menyumbang kepada visi Malaysia untuk menjadi negara hijau menerusi pembangunan teknologi tempatan. Mi-ACE memanfaatkan teknologi AI, IoT tanpa wayar (*wireless IoT*) dan pengkomputeran awam (*cloud computing*) untuk merevolusikan sistem penyejuk bangunan yang merangkumi pejabat hingga ruang awam. Penyelesaian pintar Mi-ACE membolehkan penyejuk memaksimumkan kecekapan dan memberikan penjimatan sehingga dua puluh peratus (20%) daripada jumlah penggunaan tenaga loji penyejuk.

Selain itu, ‘*Inline NIR Spectroscopy Analyser*’ (INSPECTRA), iaitu sistem pemantauan kualiti minyak sawit menggunakan teknologi spektroskopi inframerah-dekat (*near-infrared, NIR*) sebaris dengan pemodelan *chemometrics* untuk analisis data masa nyata telah juga dihasilkan. INSPECTRA berupaya memantau kualiti minyak sawit semasa proses penghasilannya di kilang pemproses biji kelapa sawit, dari segi nilai asid lemak bebas (FFA), kandungan air, kandungan minyak dan pepejal tidak berminyak (NOS). Ini menjurus kepada peningkatan kecekapan kerana proses-proses manual pada masa ini melibatkan ujian makmal yang banyak dan mengambil masa.

Mi-ACE dan INSPECTRA telah diperkenalkan semasa MIMOS Technology Preview (MTP) 2024 pada 29 April 2024 bertujuan mengetengahkan teknologi hasil R&D MIMOS yang berpotensi untuk dikomersialkan.

Beberapa teknologi lain yang telah juga diketengahkan semasa MTP 2024, antaranya:

## NO SOALAN: 52

1. **Platform Kebolehkesanan Rantaian (*TraceChain Platform*)** yang mengguna pakai teknologi Blockchain, AI dan Analisis Data Besar, yang telah memainkan peranan penting dalam menyimpan data vaksinasi COVID-19 Malaysia dan kebolehkesanan untuk produk pertanian;
2. **Pengesanan Pokok Sedia Tuai (*Harvest-Ready Tree Detection*)** menggunakan analisis penglihatan komputer berasaskan pembelajaran mesin untuk menyediakan pengesanan dan pengelasan pokok kelapa sawit yang sedia untuk dituai;
3. **Pembangunan Teknologi Navigasi untuk kenderaan darat tanpa pemandu (*unmanned ground vehicle, UGV*)** dalam persekitaran luar-jalanraya seperti ladang pertanian, tapak pembinaan dan kuari perlombongan; dan
4. **Kawalan Kualiti Dalam Barisan Berasaskan Penglihatan Mesin (*Machine Vision-Based Inline Quality Control*)** untuk sektor perkilangan.

Selaras dengan fokus R&D dalam semikonduktor and usaha memperkasakan teknologi dan industri tersebut, MIMOS sedang melaksanakan kerjasama dengan entiti global terkemuka antaranya:

1. *Phison Electronics Corporation*, yang merupakan pengeluar chip pengawal data terbesar di dunia, di dalam bidang AI;
2. *Foxconn*, syarikat Sistem Pengilangan Elektronik (EMS) terbesar di dunia yang menguasai 40% pasaran produk elektronik pengguna, termasuk Apple, Tesla, dan Samsung, di dalam bidang E&E dan semikonduktor;

3. Xiamen University (XMU), salah sebuah universiti terkemuka di China dan diberi mandat sebagai universiti bidang E&E, berkaitan kaedah pembungkusan proses jurang jalur lebar (*packaging in wideband gap process*);
4. *Centre For Development of Advanced Technologies* (CDTA), Algeria, agensi terkemuka di Algeria dengan mandat yang sama dengan MIMOS, yang menjalankan penyelidikan sains, inovasi, teknologi, dan latihan dalam bidang sains, ICT, mikroelektronik, dan nanoteknologi, di dalam pembangunan bakat dan latihan; dan
5. *India Institute of Technology (IIT), Madras*, India, institut pengajian tinggi terkemuka di India, di dalam pembangunan protokol bersama untuk komunikasi darat-ke-udara melebihi jarak 100 km.

Hasil kerjasama di atas akan memberikan impak besar kepada negara menerusi pemilikan teknologi untuk pasaran global, seterusnya meningkatkan kandungan nilai tambah tempatan dan akses kepada pasaran global, peningkatan pelaburan asing, pewujudan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi dan peningkatan keupayaan dan bakat.

Selain itu, sehingga Disember 2025, MIMOS telah memfailkan sejumlah 1,405 paten dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dan 965 paten di peringkat antarabangsa di bawah *Patent Cooperation Treaty* (PCT), *World Intellectual Property Organisation* (WIPO). Dari jumlah ini, sebanyak 354 paten telah dikomersialkan kepada industri melalui pelaksanaan projek penyelesaian ICT kepada sektor awam dan swasta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK LARRY SOON @ LARRY SNG WEI SHIEN [JULAU]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

YB DATUK LARRY SOON @ LARRY SNG WEI SHIEN [JULAU] minta MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI menyatakan strategi dan inisiatif yang dirancang oleh Kementerian untuk memaju dan meningkatkan daya saing sektor usahawan, petani sederhana dan kecil dalam kalangan golongan belia. Apakah program sokongan, bantuan modal, latihan kemahiran yang diambil untuk memastikan golongan ini dapat berkembang secara mampan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dan agensi-agensinya sentiasa komited dalam membangunkan golongan usahawan termasuk usahawan belia melalui pelbagai program pembangunan keusahawanan. Ia merangkumi program-program keusahawanan seperti pembangunan kapasiti melalui latihan berstruktur, geran permulaan perniagaan, bantuan pembiayaan dan khidmat nasihat serta bimbingan keusawahanan.

Antara program kepada usahawan belia yang telah dilaksanakan ialah:

- i. program-program pembangunan usahawan siswazah di bawah *Professional Training and Education for Growing Entrepreneurs* (PROTÉGÉ) yang memberi manfaat kepada 402 peserta dengan peruntukan sebanyak RM2.58 juta pada tahun 2024;
- ii. Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) oleh SME Corp yang menyediakan bantuan pembangunan kapasiti berbentuk latihan, geran permulaan perniagaan, pinjaman dan khidmat nasihat. Pada tahun 2024, seramai 850 usahawan belia telah menerima manfaat dengan peruntukan sebanyak RM16.2 juta;
- iii. TEKUN Nasional telah menyalurkan pembiayaan kepada 23,385 orang usahawan dalam kategori belia iaitu yang berumur antara 18 hingga 40 tahun di bawah skim pembiayaan TEKUN, dengan melibatkan peruntukan sebanyak RM535.1 juta pada tahun 2024;

- iv. menerusi Program *Young Entrepreneurship Engagement Talent* (YOUNITY) di bawah Projek *Be Your Own Boss* (BYOB), Pernas telah meluluskan pembiayaan francais kepada 46 orang usahawan belia berjumlah RM6.82 juta bagi tahun 2024;
- v. Bank Rakyat pada tahun 2024 telah melaksanakan Program Bank Rakyat Unipreneur bagi membantu seramai 500 usahawan siswa asnaf dari universiti yang terpilih dengan peruntukan sebanyak RM1.5 juta; dan
- vi. Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) telah membimbang seramai 8,308 usahawan termasuk usahawan belia, dalam aspek pengurusan perniagaan dan kewangan serta pemasaran produk di bawah INSKEN melalui program latihan keusahawanan antaranya seperti Program Bimbingan Bisnes Bumiputera (IBBC) dan Kursus Urus Tunai (KUT).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ [TANAH MERAH]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ [TANAH MERAH]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan rancangan terkini Kementerian Pertahanan menggantikan kemudahan Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) dari jenis "Ampat Tin" di seluruh negara yang sudah daif dan tidak kondusif digunakan oleh anggota tentera.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pertahanan melalui setiap Markas Perkhidmatan Angkatan Tentera dan juga Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan Pertahanan, Markas Angkatan Tentera Malaysia (BPKP, MATM) telah menganggarkan lebih 17,000 unit Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) ATM di seluruh negara yang memerlukan senggaraan melibatkan pelbagai jenis kerja dan kos.
2. Kemudahan RKAT jenis Kelas G seperti di RKAT Kem Ampat Tin, Kem Batu Kantonmen, Jalan Ipoh, Kuala Lumpur juga akan disenggara dan dinaik taraf dari semasa ke semasa berdasarkan perancangan kerja oleh setiap Markas Perkhidmatan.
3. Kerja-kerja senggaraan dan naik taraf RKAT ini dilaksanakan melalui tiga kaedah iaitu **Total Maintenance** yang melibatkan penyelenggaraan secara menyeluruh blok RKAT yang terlibat, **Naik Taraf 2 To 1** yang menggabungkan 2 unit RKAT menjadi 1 unit dengan pertambahan keluasan saiz rumah untuk memastikan perumahan ATM dilengkapkan dengan sekurang-kurangnya tiga bilik dan **Corrective and Preventive** yang melibatkan kerja-kerja pembaikan dan senggaraan berskala kecil.
4. Terdapat empat Agensi Pelaksana yang terlibat bagi projek senggaraan RKAT ATM iaitu BPKP, MATM, Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR), Jabatan Kerja Raya Sabah dan Jabatan Kerja Raya Sarawak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SIVAKUMAR A/L VARATHARAJU  
NAIDU [BATU GAJAH]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB TUAN SIVAKUMAR A/L VARATHARAJU NAIDU [BATU GAJAH]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini pelaksanaan inisiatif pembelajaran digital di sekolah luar bandar, termasuk perincian kemudahan internet berkelajuan tinggi serta program latihan guru dalam pengajaran digital dan cabaran yang dihadapi dalam implementasi tersebut.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Dalam usaha untuk membawa pendidikan negara ke arah lebih inklusif dan berdaya saing di peringkat global, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam melaksanakan pelbagai inisiatif dan program dilaksanakan sebagai usaha berterusan mereformasi pendidikan.

KPM di bawah Dasar Pendidikan Digital (DPD) memberi tumpuan untuk memperkasakan penggunaan teknologi dalam pendidikan, terutamanya di kawasan luar bandar. Dalam konteks ini, pendidikan digital bukan hanya bertujuan untuk memperkenalkan teknologi kepada murid dan guru, tetapi juga untuk melahirkan generasi yang fasih dalam penggunaan digital secara kreatif, inovatif, dan beretika. Inisiatif ini sejajar dengan Teras 7, 7 Teras Nadi Keunggulan KPM yang bermatlamat untuk meningkatkan keupayaan pendidikan digital di sekolah-sekolah, termasuk di kawasan luar bandar.

Bagi memastikan matlamat ini tercapai, KPM telah melaksanakan Program Pemerkasaan Pendidikan Digital Murid yang melibatkan aktiviti dan pertandingan seperti Digital Storytelling Animation, Minecraft Education Edition Challenge, serta Drone EduChallenge IR4.0. Program ini telah menarik penyertaan seramai 1,052,173 murid, yang mana mereka dilatih untuk mengaplikasikan kemahiran digital dalam pelbagai cabaran dan projek. Di samping itu, KPM juga memfokuskan pada pembangunan profesionalisme guru melalui Sistem Pengurusan Pembelajaran (SiPP) yang menawarkan pensijilan antarabangsa dari penyedia latihan ternama seperti Microsoft, Cisco, dan AWS. Sehingga kini, lebih 90% atau 272,404 orang guru telah mengakses SiPP, sekali gus meningkatkan keupayaan mereka dalam menggunakan teknologi dalam pengajaran.

Selanjutnya, KPM terus memperkasakan pelantar Digital Educational Learning Initiative Malaysia (DELIMa), yang merangkumi modul pembelajaran digital berdasarkan kecerdasan buatan (AI) untuk menyesuaikan kandungan pembelajaran dengan keperluan murid dan guru. Pada tahun 2024, sebanyak 96% guru dan 45% murid telah menggunakan DELIMa secara aktif, memperlihatkan keberkesanan platform ini dalam menyokong pengajaran dan pembelajaran digital di sekolah-sekolah. KPM juga memperkuuhkan infrastruktur pendidikan melalui penubuhan Pusat Kegiatan Guru (PKG) dan Sektor Sumber dan Teknologi Pendidikan (SSTP) sebagai pusat kecemerlangan yang menawarkan kemudahan teknologi dan latihan bagi meningkatkan kolaborasi digital dalam kalangan warga sekolah.

Walaupun pelbagai inisiatif telah dilaksanakan, KPM tidak menafikan bahawa cabaran utama dalam melaksanakan pendidikan digital di kawasan luar bandar adalah akses yang terhad kepada peranti ICT dan sambungan internet yang stabil. Oleh itu, KPM telah mengambil langkah strategik dengan menyampaikan peralatan ICT, seperti komputer riba, pencetak, dan projektor ke sekolah-sekolah luar bandar. Selain itu, usaha menaik taraf kelajuan internet juga dilaksanakan secara berperingkat, dengan peningkatan kapasiti kelajuan dari 100Mbps ke 300Mbps atau 800Mbps bagi sekolah yang menggunakan fiber, dan sehingga 30Mbps bagi sekolah yang menggunakan teknologi jalur lebar. Langkah ini dijangka dapat menyelesaikan masalah akses internet dan menyokong kelancaran proses pembelajaran digital.

Sebagai kesimpulan, melalui usaha berterusan ini, KPM bukan sahaja berusaha untuk melaksanakan pendidikan digital dengan lebih menyeluruh di seluruh negara, termasuk di kawasan luar bandar, tetapi juga untuk memastikan bahawa setiap murid dan guru mempunyai akses yang adil kepada teknologi yang akan memperkasa pendidikan negara. Dengan meningkatkan keupayaan pendidikan digital, ianya bukan sahaja membantu murid untuk menyesuaikan diri dengan dunia digital yang berkembang pesat, tetapi juga menyediakan asas yang kukuh bagi masa depan yang lebih cerah dan berdaya saing dalam menghadapi cabaran global.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN MOHD NAZRI BIN ABU  
HASSAN [MERBOK]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB TUAN MOHD NAZRI BIN ABU HASSAN [MERBOK]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan status terkini Pusat Bateri Kenderaan Elektrik Hidrogen yang dilancarkan sejak September 2022 dan sejauh manakah usaha MOSTI bagi memperkasakan pusat inovasi bateri tempatan termasuk penghasilan bateri sel nanoteknologi untuk aplikasi EV di dalam negara.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pusat Bateri Kenderaan Elektrik Hidrogen (HEBATT) yang dilancarkan pada September 2022 telah merekodkan beberapa pencapaian penting sebagai salah satu inisiatif strategik di bawah program Teknologi Penyimpanan Tenaga NanoMalaysia (NESTI). HEBATT bertindak sebagai pemangkin utama dalam teknologi penyimpanan tenaga dengan lima fokus seperti berikut:

**1. Prototaip Bateri Berprestasi Tinggi**

- Menghasilkan bateri pek ion-lithium yang diperkasakan oleh bahan termaju jenis karbon (*Lithium-ion Battery, LIB*) 18V 12Ah dengan ketumpatan tenaga setinggi 386 Wh/kg (80% SOC), iaitu 50% hingga 60% lebih tinggi daripada purata semasa di pasaran. Pengujian bateri dijalankan menggunakan kaedah *bench test* untuk menilai prestasi dalam mensimulasikan aplikasi sebenar dan spesifikasi yang sesuai di gunakan dalam kendaraan elektrik (EV).
- Menyediakan bateri ion-lithium yang diperkasakan oleh bahan termaju jenis karbon (*pouch cells*) untuk pengujian berpandukan standard antarabangsa (IEC 62133 dan UN38.3), yang dijangka selesai menjelang November 2025.

**2. Pembangunan dan Pengkomersialan**

- Peningkatan kapasiti kepada tahap *megafactory* (1 MWh/tahun) bagi mencapai tahap perindustrian melalui pelaburan strategik dan pengoptimuman proses.

- Memanfaatkan teknologi bahan termaju jenis karbonuntuk bateri ion-aluminium dan ion-sodium, yang menawarkan kelebihan daripada segi kos penghasilan yang rendah, bateri yang lebih selamat, dan jangka hayat yang lebih panjang.

### 3. Kolaborasi ASEAN dengan Kapasiti Tempatan

- Memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bersama NEU Battery Materials (Singapura) untuk kitar semula lithium dan UVOLT@KKU (Thailand) untuk menyediakan platform pembuatan berskala bagi menarik minat pelabur tempatan dan sebagai rakan strategik di rantau ASEAN.

### 4. Kemampanan dan Teknologi Masa Hadapan

- Memulakan projek kitar semula katod yang mengandungi bahan Nikel, Cobalt, Manganese (NCM) dan Lithium bagi bateri ion-lithium melalui kaedah kitar semula secara langsung.

### 5. Pusat latihan dalam teknologi bateri

- Latihan peringkat pertama (Level 1), *Battery Development Training* telah berjaya dilaksanakan pada 25 dan 26 November 2024 dengan kerjasama rakan industri yang mendapat penyertaan daripada syarikat-syarikat PKS dan universiti-universiti tempatan yang berkepentingan.

## NO SOALAN: 56

Kapasiti HEBATT akan ditingkatkan ke tahap *Megafactory* (1 MWh/tahun). NMB sedang berusaha menarik pelaburan melalui usahasama ekuiti dengan pihak swasta. Inisiatif ini bukan sahaja menyokong agenda ekonomi hijau negara, malah dapat memacu peranan HEBATT untuk menjadi salah satu pengeluar bateri tempatan utama yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa. HEBATT sedia menjadi Pusat Inovasi Penyimpanan Tenaga Nasional dan akan terus memperkuatkannya kerjasama serantau yang berdaya saing di peringkat global, seterusnya menjadikan Malaysia sebagai negara pertama di rantau ASEAN dengan keupayaan pembuatan bateri pada skala *gigafactory* berasaskan teknologi tempatan dan bahan sumber ekonomi kitaran.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR  
KUCHING]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING]** minta **PERDANA  
MENTERI** menyatakan secara terperinci pelan Kerajaan untuk memperkuuh Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711] untuk memberikan pelindungan yang lebih menyeluruh kepada pemberi maklumat dalam usaha Kerajaan untuk membanteras korupsi dan penyalahgunaan kuasa di negara kita berikut laporan tentang dakwaan korupsi yang melibatkan pemimpin-pemimpin sesebuah negeri.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

**(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) Siri 17 Bilangan 1 Tahun 2023 (yang kini dikenali sebagai Jawatankuasa Khas Kabinet Tatakelola Nasional - JKKTN) pada 6 Julai 2023 yang telah dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri Ke-10, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim telah bersetuju antara lain, cadangan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM) berhubung cadangan penambahbaikan kepada Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711] selaras dengan usaha Pembanterasan Rasuah Nasional Negara. YAB Perdana Menteri juga telah menyatakan komitmen beliau dalam penambahbaikan Akta 711 dalam Dewan yang mulia ini.

2. Dalam hal ini, setakat ini, sebanyak lebih 20 sesi mesyuarat jawatankuasa kerja, lima (5) bengkel pembangunan dan penetapan dasar serta enam (6) sesi libat urus telah diadakan dengan pelbagai pihak berkepentingan seperti agensi Kerajaan, agensi-agensi penguatkuasaan utama serta badan bukan Kerajaan bagi meneliti semula Akta 711 secara keseluruhan. Ini adalah penting untuk mendapatkan pandangan dan khidmat nasihat dari pemegang taruh serta kesediaan badan-badan yang telah diperuntukkan kuasa terhadap mekanisme pelaksanaan dan implikasi yang mungkin berbangkit apabila pindaan ini dikuatkuasakan.

3. Terdapat keperluan untuk menambahbaik Akta 711 ini berdasarkan amalan terbaik dari negara lain termasuk daripada aspek pemakaian undang-undang berkaitan perkara sulit dan rahsia, mekanisme pembatalan perlindungan yang diberikan dan perlindungan kepada agensi penguatkuasaan yang terpaksa mendedahkan identiti pemberi maklumat.

4. Sepanjang usaha penambahbaikan untuk memperkuuhkan fungsi Akta 711 ini, pelbagai maklum balas penting telah diterima daripada agensi-agensi Kerajaan dan badan bukan Kerajaan. Maklum balas ini diambil kira bagi memastikan cadangan pindaan memberikan impak yang positif terhadap sistem keadilan negara dan masyarakat secara keseluruhannya. Antara pihak yang terlibat dalam memberikan pandangan menyeluruh ialah Center to Combat Corruption and Cronyism (C4), Rasuah Busters, Transparency International, Majlis Peguam serta CSO Platform for Reform bagi memastikan semua aspek dipertimbangkan dalam proses pindaan ini.

5. Sehubungan dengan itu, beberapa cadangan dasar sedang dipertimbangkan untuk diangkat bagi pertimbangan Jemaah Menteri dalam menggubal cadangan pindaan kepada Akta 711 seperti berikut:

**Pertama**, cadangan pengubahsuaian proviso di bawah seksyen 6 Akta 711 bagi mengelakkan percanggahan dengan akta-akta yang lain dan menggalakkan pendedahan Kelakuan Tidak Wajar tanpa sekatan di bawah undang-undang sedia ada yang lain;

**Kedua**, penambahbaikan seksyen 11 Akta 711 bagi peruntukan pembatalan perlindungan kepada pemberi maklumat di mana perlindungan boleh dilanjutkan sekiranya pendedahan yang dibuat adalah berdasarkan suci hati dengan izin *good faith* dan tidak melibatkan sebarang kepentingan peribadi;

**Ketiga**, pemurnian percanggahan pemakaian seksyen 8 dan seksyen 14 Akta 711 melalui pengenalan peruntukan baharu bagi memastikan agensi penguatkuasaan dapat menjalankan siasatan dengan efektif dan efisien tanpa melanggar peruntukan sedia ada di bawah Akta 711;

**Keempat**, pengenalan skala ganjaran standard bersesuaian untuk memudahkan proses pemberian ganjaran kepada pemberi maklumat;

**Kelima**, cadangan perluasan perlindungan kepada pemberi maklumat dari segi fizikal dengan mengguna pakai Program Perlindungan Saksi di bawah Akta Perlindungan Saksi 2009 [Akta 696]; dan

**Keenam**, cadangan penubuhan Pasukan Petugas (*Task Force*) sebagai usaha peralihan kepada penubuhan Agensi Berpusat yang melibatkan fungsi penyelarasan dan pemantapan aspek tadbir urus bagi pelaksanaan perlindungan pemberi maklumat.

6. Bagi memastikan penambahbaikan kepada Akta 711 ini dapat memberikan satu bentuk keadilan kepada pemberi maklumat sejajar dengan amalan terbaik yang disarankan oleh *Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD) serta memberikan keyakinan kepada rakyat untuk membuat pendedahan kelakuan tidak wajar, Kerajaan MADANI kekal komited untuk merealisasikan cadangan pindaan kepada Akta 711 dan akan dibentangkan di Parlimen dalam masa terdekat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN WAN RAZALI BIN WAN NOR [KUANTAN]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB TUAN WAN RAZALI BIN WAN NOR [KUANTAN]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah tawaran haji dan jumlah yang menerima mengikut kategori T20, M40 dan B40 bagi tahun 1446H.

**JAWAPAN**

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR,**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Tabung Haji (**TH**) telah mengeluarkan surat tawaran kepada 31,600 bakal jemaah untuk menunaikan ibadah haji bagi tahun 1446H/2025M. Proses semakan dan penerimaan tawaran boleh dilakukan melalui portal THiJARI.
2. Setakat 27 Januari 2025, hampir 50% bakal jemaah haji daripada jumlah keseluruhan telah bersetuju dan selesai menjawab tawaran haji bagi musim 1446H/2025M. Daripada jumlah tersebut, kira-kira 27% adalah jemaah daripada golongan B40, 60% daripada golongan M40 dan selebihnya adalah daripada golongan T20.

Sekian, Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK IR. SHAHELMAY BIN  
YAHYA [PUTATAN]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB DATUK IR. SHAHELMAY BIN YAHYA [PUTATAN]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan menerusi penelitian Jabatan Peguam Negara telah memperhalusi cadangan untuk meminda Perkara 45 Fasal 1 (a) dan (b) Perlembagaan Persekutuan bagi memperuntukkan jumlah tambahan bagi ahli yang dipilih dan dilantik untuk mewakili Sabah dan Sarawak di Dewan Negara.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

**(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kerajaan MADANI sentiasa terbuka untuk mempertimbangkan sebarang cadangan pemindaan terhadap Perkara 45 Fasal 1 (a) dan (b) Perlembagaan Persekutuan, khususnya dalam usaha untuk menambah bilangan ahli yang mewakili Sabah dan Sarawak di Dewan Negara. Namun demikian, sebelum sebarang langkah diambil, Kerajaan perlu melaksanakan proses penyelidikan dan perbincangan mendalam dengan kementerian dan agensi berkaitan. Proses ini termasuk kajian perundangan, sesi libat urus dengan pihak berkepentingan, serta analisis terhadap impak dan keperluan sebenar. Hanya setelah itu, cadangan yang diperhalusi akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri untuk pertimbangan lanjut dan kemudiannya kepada Yang di-Pertuan Agong.
2. Walaubagaimanapun, Perkara 45(1) Perlembagaan Persekutuan (“PP”) memperuntukkan keanggotaan Dewan Negara yang hendaklah terdiri daripada—
3. dua orang ahli bagi setiap Negeri yang hendaklah dipilih mengikut Jadual Ketujuh PP (Perkara 45(1)(a) PP);
4. dua orang ahli bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, seorang ahli bagi Wilayah Persekutuan Labuan dan seorang ahli bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya yang hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong (Perkara 45(1) (aa) PP); dan

5. empat puluh orang ahli yang hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong (Perkara 45(1)(b) PP).
6. Berdasarkan Perkara 45(2) PP, ahli-ahli yang akan dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong hendaklah orang yang pada pendapatnya telah memberikan perkhidmatan awam yang cemerlang atau telah mencapai keunggulan dalam profesi, perkara komersial, perindustrian, pertanian, aktiviti kebudayaan atau perkhidmatan sosial atau yang mewakili ras minoriti atau berkebolehan mewakili kepentingan orang asli.
7. Jabatan Peguam Negara tidak menerima apa-apa cadangan untuk meminda Perkara 45(1)(a) dan (b) PP bagi memperuntukkan jumlah tambahan bagi ahli yang dipilih dan dilantik untuk mewakili Sabah dan Sarawak di Dewan Negara. Perkara ini juga tidak dibincangkan dalam Majlis Tindakan Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (“MTPMA63”) dan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal di bawah MTPMA63.
8. Berkenaan dengan cadangan pertambahan bilangan ahli Dewan Rakyat di Sabah dan Sarawak, isu tersebut telah dibincangkan dalam Jawatankuasa Kerja yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM) dan dianggotai oleh wakil Kerajaan Persekutuan (termasuk Jabatan Peguam Negara), Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak termasuk kedua-dua Peguam Besar Negeri Sabah dan Sarawak.

9. Dalam mesyuarat pada 10 Ogos 2023 dan 30 Oktober 2023, Jawatankuasa Kerja telah mencapai persetujuan, antara lain, bahawa suatu ketetapan dasar hendaklah dibuat oleh Kerajaan Persekutuan berhubung dengan cadangan tersebut dan disusuli dengan pindaan kepada Perkara 46 PP yang kemudiannya disusuli oleh proses persempadanan semula oleh pihak Suruhanjaya Pilihan Raya. Memorandum Jemaah Menteri akan disediakan oleh pihak BHEUU, JPM untuk pertimbangan Jemaah Menteri selepas dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal dan MTPMA63.
10. Walau bagaimanapun, mesyuarat MTPMA63 Bilangan 1 Tahun 2024 (pada 12 September 2024) telah memutuskan untuk Jabatan Peguam Negara mengadakan perbincangan bersama Jabatan Peguam Besar Negeri Sabah dan Jabatan Peguam Besar Negeri Sarawak bagi meneliti semula tafsiran dan legitimasi ‘safeguard’ ini dari sudut perundangan.
11. Jabatan Peguam Negara sedang mengambil tindakan sewajarnya mengenai perkara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TAN SRI DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB TAN SRI DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG]**  
minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sejauh mana Kepengerusian ASEAN 2025 memberi manfaat kepada rakyat di peringkat akar umbi dan memulihkan ekonomi negara secara langsung.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Marang** atas pertanyaan yang dikemukakan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Sebagai Pengerusi ASEAN pada tahun 2025, Malaysia memegang peranan utama dalam menyelaraskan agenda pembangunan Komuniti ASEAN bagi memastikan pelaksanaan dasar-dasar yang bukan sahaja akan memperkuuh kerjasama serantau dan hubungan diplomasi, malah akan dapat meningkatkan hubungan perdagangan dan pelaburan dengan Negara-negara Anggota ASEAN, Rakan Dialog serta Rakan Luar.
2. Selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI, Malaysia akan memastikan elemen keterangkuman dan kemampanan menjadi teras dalam usaha membina Komuniti di rantau ini. Ini akan melibatkan usaha yang lebih besar untuk merapatkan jurang pembangunan dan ketidaksamaan rakyat.
3. Sebagai contoh, terdapat pelbagai program yang telah dirangka untuk pelbagai lapisan masyarakat, termasuk komuniti luar bandar, belia, wanita, orang kurang / kelainan upaya, warga emas, dan kanak-kanak. Ini bagi memastikan golongan tersebut turut mendapat manfaat dari Kepengerusian ASEAN. Antara program yang dirancang termasuk kempen beli barang buatan Malaysia, Forum ASEAN Campur Tiga untuk memperkasa wanita luar bandar, Sidang Kemuncak Belia ASEAN, Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (MIHAS) khas, serta program untuk pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi.

4. Kepengerusian Malaysia juga akan memberi tumpuan terhadap kerjasama dalam menangani isu kemiskinan, kesihatan awam, dan kesejahteraan sosial yang secara langsung memberi manfaat bukan sahaja kepada rakyat di bandar secara amnya, tetapi juga kepada rakyat di kawasan luar bandar dan golongan kurang berkemampuan secara khususnya.
5. Selain itu, tumpuan juga akan diberikan terhadap usaha memanfaatkan kemajuan dalam bidang sains, teknologi, dan inovasi serta faedah daripada transformasi digital dan teknologi baharu. Dalam konteks ini, program-program pembangunan infrastruktur digital akan memberi peluang kepada rakyat di kawasan luar bandar khususnya untuk menikmati kemudahan teknologi yang lebih baik dan maju. Ini juga dapat membuka peluang pendidikan jarak jauh, memudahkan akses kepada perkhidmatan asas seperti kesihatan dan perbankan serta meningkatkan daya saing dalam mengharungi cabaran era transformasi digital.
6. Dalam usaha meningkatkan pembangunan modal insan, Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN dapat memperkenalkan program-program latihan dan pendidikan untuk membangunkan tenaga kerja yang lebih kompetitif, seterusnya meningkatkan daya saing negara dalam ekonomi global. Pemerkasaan sumber manusia dan tenaga kerja ini akan memberi kesan langsung kepada rakyat dengan meningkatkan peluang pekerjaan yang berkualiti di peringkat akar umbi.

**Tuan Yang di-Pertua,**

7. Secara keseluruhan, terdapat lebih daripada 350 mesyuarat dan program di pelbagai peringkat termasuk Pimpinan, Menteri, Pegawai Kanan dan Kumpulan Kerja di bawah ketiga-tiga Tonggak Komuniti ASEAN telah dirancang pada tahun 2025. Ianya akan diadakan di pelbagai lokasi di seluruh negara. Ini dijangka dapat merancakkan lagi sektor-sektor yang berkembang pesat seperti pelancongan, pembangunan, dan pemerkasaan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).

**NO SOALAN: 60**

8. Selain itu, hadiah untuk tetamu-tetamu negara dan delegasi asing akan disalurkan dari industri tempatan. Sebagai contoh, hadiah untuk Menteri-menteri Luar Negeri ASEAN dan isteri sempena Sesi Pemukiman Menteri-menteri Luar Negeri ASEAN di Langkawi dua minggu lalu adalah hasil karya penggiat seni dari Langkawi. Ini merupakan pendekatan yang diambil untuk sepanjang tahun 2025 ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK SERI PANGLIMA DR. JEFFREY G.  
KITINGAN [KENINGAU]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB DATUK SERI PANGLIMA DR. JEFFREY G.  
KITINGAN [KENINGAU]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN  
BUDAYA** menyatakan berdasarkan Tahun Melawat Malaysia 2026, apakah usaha dan langkah-langkah Kementerian untuk menambah baik dan mengembangkan lapangan terbang serta perkhidmatan penerbangan di Sabah untuk menampung peningkatan bilangan pelancong luar negera ke Sabah.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) sentiasa terlibat secara aktif dalam mesyuarat-mesyuarat utama dan jawatankuasa teknikal yang diterajui oleh Kementerian Pengangkutan (MOT) dan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) bagi memantau prestasi serta menambah baik lapangan terbang dan perkhidmatan syarikat penerbangan di Malaysia.
2. Usaha mengembang dan menaik taraf lapangan terbang adalah dibawah Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT). Terdapat perancangan pihak Kementerian Pengangkutan Malaysia bersama *Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB)* bagi tempoh 2025-2027 untuk menaik taraf lapangan terbang di seluruh Malaysia, termasuk di negeri Sabah. Selanjutnya, perkara ini adalah tertakluk kepada keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri.
3. Keperluan untuk menaik taraf kemudahan-kemudahan di lapangan terbang sebagai persediaan kepada Tahun Kepengerusian ASEAN 2025 dan Kempen Melawat Malaysia 2026 (VM2026) juga telah dibincangkan melalui Mesyuarat National Airport Performance (NAP) dan Jawatankuasa Pembangunan Kesalinghubungan Udara Nasional (NACDC), yang merupakan platform kerjasama antara pelbagai Kementerian dan Agensi yang terlibat sama dalam ekosistem penerbangan dan pelancongan.
4. Tourism Malaysia melalui Geran Sepadan Penerbangan Antarabangsa dan Charter (GSPC) juga ada menyediakan kemudahan bantuan bertujuan untuk merangsang aktiviti-aktiviti promosi yang dijalankan pada tahun 2024 bagi meningkatkan jumlah penumpang yang menggunakan laluan penerbangan baharu, meningkatkan frekuensi penerbangan dan penerbangan charter ke Malaysia di mana sebanyak 576 penerbangan sewa khas / charter telah diadakan ke Sabah. Di antara laluan penerbangan yang terlibat adalah seperti Nanjing ke Tawau, Incheon ke Kota Kinabalu, Jakarta ke Kota Kinabalu dan Ningbo ke Kota Kinabalu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN  
ABDULLAH [LANGKAWI]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN ABDULLAH [LANGKAWI]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan prosedur dan proses untuk Kerajaan melaksanakan titah daripada Yang di-Pertuan Agong khususnya membabitkan Lembaga Pengampunan dan apakah langkah yang diambil untuk memastikan tiada titah yang disorok daripada pengetahuan umum.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman, Perkara 42(1) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Yang di-Pertuan Agong (YDPA), Raja atau Yang di-Pertua Negeri mempunyai kuasa untuk memberi ampuh, tunda hukuman atau lega hukuman. Kuasa YDPA adalah bagi kesemua kes dan kesalahan yang dilakukan di kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya manakala bagi kes-kes dan kesalahan yang dilakukan di negeri-negeri lain, kuasa pengampunan adalah di bawah Raja, Sultan atau Yang di-Pertua Negeri masing-masing.
2. Selepas Mesyuarat Lembaga Pengampunan bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya bersidang, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM) selaku urusetia Mesyuarat Lembaga Pengampunan bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya akan mengemukakan salinan perintah yang telah diluluskan oleh Peguam Negara kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) untuk ditandatangani. Seterusnya perintah tersebut akan dikemukakan kepada Istana Negara untuk perkenaan YDPA. Akhirnya, salinan perintah yang diperkenan oleh YDPA akan dikemukakan kepada Menteri Wilayah Persekutuan, Peguam Negara dan seterusnya kepada Jabatan Penjara Malaysia untuk melaksanakan perintah tersebut.
3. Kerajaan juga ingin menegaskan bahawa semua prosedur dan urusan sedia ada adalah mengikut Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang sedia ada.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN HAJI AHMAD JOHNIE BIN ZAWAWI [IGAN]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB TUAN HAJI AHMAD JOHNIE BIN ZAWAWI [IGAN]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik pelajar Sijil Pelajaran Malaysia yang gagal hadir menduduki peperiksaan sejak 2020 hingga kini di Sarawak. Mengapa perkara keciciran ini berlaku dan apakah intervensi dan perancangan Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan penghargaan kepada Yang Berhormat atas pertanyaan yang amat penting ini berkaitan dengan ketidakhadiran calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di Sarawak sejak tahun 2020 hingga kini. Isu keciciran pelajar, khususnya dalam menduduki peperiksaan penting seperti SPM, merupakan satu cabaran yang perlu ditangani dengan pendekatan holistik dan berterusan.

Sebagai sebuah negara yang komited terhadap reformasi pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan pelbagai dasar dan inisiatif selaras dengan agenda transformasi pendidikan yang inklusif dan mampan. Salah satu keutamaan KPM adalah memastikan setiap murid mendapat akses pendidikan berkualiti tanpa sebarang halangan, seperti yang digariskan dalam 7 Teras Nadi Keunggulan KPM. Khususnya, Teras 3 – Memberi perhatian terhadap isu kemiskinan multidimensi murid daripada keluarga B40 – amat relevan dalam menangani isu ketidakhadiran calon SPM di Sarawak, kerana faktor sosioekonomi sering menjadi punca utama keciciran dalam kalangan pelajar.

Berdasarkan analisis kehadiran calon SPM bagi sekolah KPM di Sarawak, jumlah calon yang tidak hadir bagi semua mata pelajaran mencatatkan peningkatan ketara sejak tahun 2020, dengan 630 orang pada tahun tersebut, diikuti 1,091 orang pada 2021, 1,441 orang pada 2022, dan 1,109 orang pada 2023. Faktor utama yang menyumbang kepada ketidakhadiran ini termasuk tekanan ekonomi yang memaksa pelajar bekerja, masalah keluarga, isu kesihatan, berpindah tempat tinggal serta pendaftaran ke pusat kemahiran.

Menyedari kepentingan menangani isu ini, KPM telah melaksanakan pelbagai intervensi yang dirangka secara sistematik bagi memastikan murid hadir ke sekolah dan menduduki peperiksaan SPM. Antara langkah yang telah dan sedang dilaksanakan termasuk pemantauan kehadiran secara harian melalui Sistem Kehadiran Murid (eKehadiran) dalam Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM). Melalui sistem ini, pihak sekolah dapat mengenal pasti murid yang berisiko tercicir dan mengambil tindakan susulan dengan lebih awal.

Selain itu, KPM telah mengaktifkan *Task Force Intervensi Murid Berisiko Cicir SPM* di semua peringkat, bagi memastikan pemantauan lebih menyeluruh terhadap murid yang berpotensi tidak menduduki peperiksaan. Langkah ini turut diperkuuhkan dengan pelaksanaan program seperti Ziarah Cakna, sesi konsultasi ibu bapa, permuafakatan bersama Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), serta pelibatan komuniti dan sektor swasta bagi memastikan sokongan menyeluruh kepada murid yang menghadapi cabaran dalam pendidikan.

Dalam usaha menyediakan murid secara mental dan emosi, KPM juga telah melaksanakan Program Bitara Minda yang memberi fokus kepada aspek kesejahteraan murid termasuk kesihatan mental, fizikal, dan emosi agar mereka lebih bersedia menghadapi peperiksaan SPM. Program ini bertujuan memastikan setiap calon mendapat sokongan yang sewajarnya sebelum menghadapi peperiksaan yang bakal menentukan hala tuju masa depan mereka.

Di peringkat negeri, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Sarawak turut melaksanakan pelbagai inisiatif bagi membantu calon SPM di negeri ini. Antaranya ialah Program Ziarah Cakna “Lan Ngabas”, iaitu program bersepadu kesedaran pendidikan yang melibatkan murid, ibu bapa, Ketua Masyarakat serta pelibatan pihak residen dan Ahli Dewan Undangan Negeri. Program ini akan dilaksanakan pada bulan November 2024.

Selain itu, Program Gempur Kehadiran SPM 2024 akan diadakan pada bulan Oktober 2024 di semua daerah di Sarawak sebagai usaha meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan menduduki SPM. Program Intervensi Keciciran dan Ziarah Cakna Ala Bahat Anak Asen turut dirancang pada 18 hingga 22 November 2024 sebagai inisiatif khas menangani isu keciciran murid luar bandar.

Di samping itu, program *Outreach* ke kawasan pedalaman juga akan dijalankan bagi memastikan murid yang tinggal jauh mendapat akses pendidikan yang sewajarnya. JPN Sarawak turut menganjurkan Karnival Pendidikan bagi memberi kesedaran tentang kepentingan sijil SPM dalam menjamin masa depan yang lebih baik.

Sebagai langkah tambahan, KPM menggalakkan murid dalam kalangan keluarga B40 yang tinggal jauh serta menghadapi masalah pengangkutan untuk tinggal di asrama sekolah bagi mengurangkan risiko kecinciran. Pada masa yang sama, peranan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling juga diperkasakan dengan melibatkan 30 Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) di Sarawak untuk memberi sokongan psikologi dan motivasi kepada murid yang berisiko tinggi untuk tidak menduduki SPM.

KPM sentiasa komited dalam memastikan setiap murid, tanpa mengira latar belakang sosioekonomi, mendapat peluang yang adil untuk menduduki peperiksaan SPM sebagai salah satu batu loncatan ke arah masa depan yang lebih cerah. Intervensi yang dilaksanakan bukan sahaja bertujuan untuk menangani isu ketidakhadiran dalam jangka pendek, tetapi juga bagi mewujudkan sistem pendidikan yang lebih inklusif, lestari, dan mesra murid.

Dengan gabungan usaha yang berterusan daripada semua pihak termasuk kerajaan, sekolah, ibu bapa, masyarakat, dan sektor swasta, kita dapat mengatasi isu kecinciran ini dengan lebih efektif. Pendidikan bukan hanya sekadar keperluan, tetapi hak setiap anak Malaysia, dan menjadi tanggungjawab kita bersama untuk memastikan tiada murid yang tertinggal dalam arus pendidikan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK IR. SHAHELMAY BIN  
YAHYA [PUTATAN]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB DATUK IR. SHAHELMAY BIN YAHYA [PUTATAN] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :**

- a. jumlah serta nama sekolah pedalaman dan luar bandar di negeri Sabah yang telah disenaraikan untuk Program Ketersambungan Infrastruktur Jalur Lebar Talian Tetap ke Sekolah-sekolah Luar Bandar
- b. bagaimana inisiatif tersebut dapat dilestarikan dengan mengambil kira senario kedaifan infrastruktur sekolah.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan penghargaan kepada Ahli Yang Berhormat Putatan atas pertanyaan yang amat signifikan mengenai usaha Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam memperkuuh infrastruktur jalur lebar talian tetap di sekolah luar bandar di Sabah serta langkah-langkah memastikan kelestarian inisiatif ini, khususnya dalam menghadapi cabaran infrastruktur sekolah yang masih daif.

Sejajar dengan usaha ke arah reformasi pendidikan digital, KPM memberi tumpuan kepada transformasi teknologi dalam pendidikan bagi memastikan setiap murid di Malaysia mendapat peluang pembelajaran yang berkualiti, setanding dengan perkembangan global.

Dalam konteks ini, 7 Teras Nadi Keunggulan KPM telah memperkenalkan Teras 7 – Meningkatkan Keupayaan Pendidikan Digital di Sekolah, yang bermatlamat memastikan sekolah-sekolah di seluruh negara, termasuk di kawasan luar bandar dan pedalaman, mendapat akses kepada infrastruktur digital yang mampan. Ini adalah langkah penting dalam mengurangkan jurang digital antara sekolah bandar dan luar bandar serta memberi peluang kepada semua murid untuk menikmati pengalaman pembelajaran yang lebih inovatif dan interaktif.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Bagi menjawab persoalan Yang Berhormat Putatan, KPM telah mengambil langkah strategik dalam memastikan sekolah luar bandar di Sabah menerima akses internet berkelajuan tinggi yang setara dengan sekolah di kawasan bandar. Melalui perolehan baharu perkhidmatan internet bagi tempoh Julai 2024 hingga Jun 2025, sekolah-sekolah luar bandar Sabah akan menerima naik taraf sambungan jalur lebar, dengan peningkatan kapasiti kelajuan minimum daripada 100Mbps kepada 300Mbps atau 800Mbps, bergantung kepada keperluan dan ketersediaan perkhidmatan di lokasi tersebut.

Sebanyak 349 buah sekolah luar bandar di Sabah telah disenaraikan dan kini dilengkapi dengan teknologi fiber, memastikan capaian internet yang lebih stabil dan berkualiti. Bagi sekolah yang tidak dapat menerima sambungan jalur lebar talian tetap disebabkan faktor geografi, teknologi alternatif seperti sambungan satelit dan gelombang mikro turut dipertimbangkan bagi memastikan setiap sekolah tetap mempunyai akses kepada internet.

Selain peningkatan infrastruktur, KPM juga memastikan bahawa kelangsungan dan keberkesanan program ini tidak hanya terhenti pada penyediaan talian internet semata-mata. Oleh itu, pelbagai inisiatif sokongan turut dijalankan, termasuk pemantauan rapi bagi memastikan sambungan internet di sekolah sentiasa berada dalam keadaan terbaik. Ini dilaksanakan melalui kerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), syarikat telekomunikasi, serta agensi kerajaan negeri.

Untuk memastikan infrastruktur jalur lebar yang disediakan benar-benar memberi impak kepada pembelajaran, KPM turut memperkuuhkan pelaksanaan program pendidikan digital seperti *Sekolah Digital* yang bertujuan meningkatkan kemahiran guru dan murid dalam penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran. Guru diberikan latihan intensif untuk memanfaatkan teknologi dalam kelas, manakala murid dibimbing agar lebih celik digital serta mampu menggunakan sumber pembelajaran dalam talian dengan lebih efektif.

KPM juga memahami bahawa kejayaan pendidikan digital bukan hanya bergantung kepada ketersediaan internet semata-mata, tetapi juga kepada penyediaan peranti pembelajaran yang mencukupi. Oleh itu, pelbagai inisiatif telah dirancang bagi memastikan murid, terutama daripada keluarga B40, dapat mengakses peranti yang bersesuaian untuk memanfaatkan sepenuhnya peluang pendidikan digital yang disediakan selari dengan hasrat Teras 3, “Memberi perhatian terhadap isu kemiskinan multidimensi murid daripada keluarga B40” yang dihasratkan di dalam 7 Teras nadi Keunggulan KPM.

Tuan Yang di-Pertua,

Secara keseluruhannya, usaha KPM dalam meningkatkan ketersambungan jalur lebar di sekolah luar bandar Sabah adalah sebahagian daripada agenda transformasi pendidikan digital KPM yang lebih menyeluruh. KPM yakin bahawa dengan infrastruktur yang lebih bersesuaian dan terkini serta sokongan pelbagai pihak, jurang digital antara sekolah bandar dan luar bandar dapat dirapatkan.

Keutamaan KPM adalah untuk memastikan setiap murid mendapat akses pendidikan berkualiti yang adil dan saksama, tanpa mengira lokasi dan latar belakang sosioekonomi mereka. Dengan pelaksanaan berterusan inisiatif ini, ianya bukan sahaja memperkuat sistem pendidikan negara tetapi juga melahirkan generasi yang lebih berdaya saing dan berpengetahuan dalam era digital.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN LIM LIP ENG [KEPONG]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB TUAN LIM LIP ENG [KEPONG]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah khusus untuk menggalakkan kumpulan etnik bukan Melayu, terutamanya masyarakat Cina dan India, memohon pekerjaan Kerajaan. Apakah rancangan Kerajaan dalam era kecerdasan buatan (AI) tentang pengambilan kakitangan pada tahun-tahun akan datang dan adakah terdapat peningkatan atau pengurangan dalam jumlah jawatan yang ditawarkan.

**JAWAPAN**

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, era kecerdasan buatan (AI) membawa transformasi besar dalam semua sektor termasuk perkhidmatan awam. Kerajaan telah mengambil langkah untuk memanfaatkan teknologi ini dalam meningkatkan keberkesanan dan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan. Selaras ke arah memperkasakan transformasi digital, antara inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah seperti berikut:

1. penyediaan Portal SPA mesra OKU berdasarkan kepada piawaian W3C WAI (*World Wide Web Consortium Web Accessibility Initiative*) dengan capaian kepada OKU yang memberi tumpuan kepada lima (5) kawasan utama seperti akses untuk penglihatan, pendengaran, pergerakan, kognitif serta akses kepada pelbagai alat dan platform. Pembaharuan ini dapat mencipta pengalaman digital yang lebih inklusif dan mesra untuk golongan kurang upaya, menjadikan dunia dalam talian lebih mudah diakses; dan
  
2. Sistem Semakan Padanan Jawatan yang mencadangkan jawatan yang sesuai berdasarkan kelayakan akademik calon.

Dalam mendepani pasaran kerja yang kompetitif dan permohonan pekerjaan yang menjangkaui lebih 2 juta orang setahun, SPA sentiasa komited dalam menambahbaik serta memperkemaskan proses pengambilan calon-calon yang terbaik untuk dilantik ke dalam perkhidmatan awam. Penggunaan ujian psikometrik berasaskan pendekatan kecerdasan buatan (AI) merupakan salah satu kaedah yang boleh membantu SPA mengoptimakan pemilihan calon yang berbakat dan berpotensi, memastikan kesesuaian dan kemahiran calon berpadanan dengan jawatan yang dimohon serta mempunyai personaliti dan kebolehan kognitif yang sejajar dengan nilai-nilai perkhidmatan awam.

Melalui penilaian ujian psikometrik yang dipacu oleh AI, penganalisisan jawapan calon dapat dilakukan dengan pantas bagi membolehkan SPA menilai kriteria seperti ciri-ciri tingkah laku, kecerdasan emosi dan kemahiran yang mungkin tidak dapat dicungkil ketika sesi temuduga diadakan. SPA juga akan memastikan algoritma penilaian yang dibangunkan adalah telus dan bebas dari berat sebelah (*bias*) melalui pembangunan ujian psikometrik yang holistik. Pendekatan ini membolehkan SPA memilih calon-calon yang berkualiti secara efektif, adil dan beretika terhadap semua calon.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPA merupakan pihak berkuasa melantik yang membuat pelantikan pegawai di peringkat Persekutuan dan empat (4) negeri iaitu Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis. Sebanyak 28.6% urusan pengambilan dan pelantikan daripada 1.7 juta perjawatan keseluruhan diuruskan oleh SPA. Selain SPA, pihak berkuasa melantik lain yang membuat pelantikan di peringkat Persekutuan ialah Suruhanjaya Pasukan Polis, Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan, Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan dan Majlis Angkatan Tentera.

Dasar pengambilan dan pelantikan yang dilaksanakan oleh SPA adalah berdasarkan merit dan kompetensi seseorang calon. Tiada penetapan sebarang kuota untuk sesuatu kaum atau etnik tertentu. Semua warganegara Malaysia termasuklah kaum India mempunyai peluang yang sama untuk dipertimbangkan dalam persaingan yang terbuka dan adil (*open and fair competition*).

Sebagai usaha untuk menggalakkan masyarakat pelbagai kaum termasuk kaum Cina dan India menyertai perkhidmatan awam, SPA sentiasa komited dalam melaksanakan pelbagai inisiatif secara berterusan seperti Hari Bertemu Pelanggan, program Karnival Kerjaya, Kembara Kerjaya di kawasan luar bandar/ kurang akses serta memenuhi jemputan agensi luar sebagai penceramah dan pempamer.

Sebanyak 47 program dan 15 siri jelajah ke seluruh negara telah disertai SPA sepanjang tahun 2024.

Bagi mendekati komuniti Cina dan India, SPA akan bekerjasama dengan institusi-institusi pengajian bagi memberi kesedaran mengenai peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam. Antara program yang telah dirancang adalah:

1. Kembara Kerjaya Komuniti Cina @UTAR, Kampar, Perak yang pada bulan Jun 2025; dan
2. Kembara Kerjaya Komuniti India di Sungai Siput, Perak yang pada bulan September 2025.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI DORIS SOPHIA ANAK BRODI [SRI AMAN]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB DATO' SRI DORIS SOPHIA ANAK BRODI [SRI AMAN]** minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan langkah-langkah Kementerian untuk memastikan AI digunakan secara bertanggungjawab dan tidak meminggirkan tenaga kerja manusia dalam konteks perkembangan teknologi kecerdasan buatan (AI).

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Pada masa ini, Kementerian melalui Pejabat Kecerdasan Buatan Kebangsaan (NAIO) sedang membangunkan kerangka tadbir urus dan dasar transformasi yang menyokong ekosistem AI yang selamat, bertanggungjawab, inklusif, dan mampan. Ekosistem ini diselaraskan dengan piawaian kebangsaan dan global, memacu inovasi serta memastikan nilai-nilai masyarakat dan kepentingan negara terpelihara.
2. Bagi sektor awam, Jabatan Digital Negara (JDN) sedang merangka Garis Panduan Pengadaptasian Kecerdasan Buatan (AI) Sektor Awam. Panduan ini menekankan pendekatan Manusia dalam Kitaran atau *Human-in-the-Loop* bagi memastikan peranan manusia dikekalkan dalam penggunaan teknologi.
3. Kerajaan juga telah melancarkan Garis Panduan dan Etika AI Malaysia pada September 2024, selaras dengan *National AI Roadmap 2021–2025*. Garis panduan ini mencakupi tujuh prinsip utama: keadilan, kebolehpercayaan, keselamatan data dan privasi, inklusiviti, ketelusan, akauntabiliti dan kesejahteraan manusia. Prinsip-prinsip ini memastikan penggunaan AI sejajar dengan undang-undang dan moral Malaysia, melindungi data peribadi, dan mengurangkan risiko terhadap masyarakat.
4. Kementerian Digital turut menyedari kesan AI terhadap tenaga kerja, baik di sektor awam mahupun swasta dan perkara ini telah dibincangkan secara mendalam semasa Mesyuarat Majlis Ekonomi Digital dan 4IR Negara (MED4IRN) Bilangan 3 Tahun 2024 pada 4 Disember 2024. Oleh demikian, kerjasama dengan Kementerian lain seperti Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) dilaksanakan bagi merangka pelan tindakan bersesuaian bagi membangunkan tenaga kerja dan potensi pekerjaan baharu yang boleh dimanfaatkan seiring dengan perkembangan teknologi AI.

5. KESUMA telah menjalankan kajian impak AI, digital, dan ekonomi hijau terhadap tenaga kerja Malaysia bagi memastikan kesiapsiagaan masa depan. Hasil kajian ini dimanfaatkan melalui platform MyMAHIR, yang membantu mengenal pasti pekerjaan terjejas, menawarkan peluang peningkatan kemahiran, serta menyokong perancangan tenaga kerja. Data dikemas kini secara berkala melalui struktur tadbir urus Majlis Bakat Kemahiran Masa Hadapan (FSTC) bagi memastikan latihan yang dicadangkan selari dengan keperluan industri.
6. Di peringkat ASEAN, Malaysia juga akan menerajui beberapa projek penting tahun ini, termasuk mengetuai deklarasi mengenai Rangkaian Keselamatan Kecerdasan Buatan (AI) ASEAN.
7. AI tidak seharusnya menggantikan manusia sepenuhnya tetapi dimanfaatkan untuk meningkatkan produktiviti dan kualiti kerja. Dengan keupayaan AI dalam pengurusan data, pemprosesan dokumen, dan analisis, teknologi ini mesti dilihat sebagai alat memperkuuh kecekapan tenaga kerja manusia.
8. Malaysia kekal komited untuk memastikan inovasi AI dilaksanakan secara beretika dan bertanggungjawab, memanfaatkan masyarakat secara menyeluruh sambil melindungi hak dan kesejahteraan tenaga kerja.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI SH MOHAMED PUZI BIN SH ALI [PEKAN]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB DATO' SRI SH MOHAMED PUZI BIN SH ALI [PEKAN]** minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan kesukaran yang dihadapi Malaysia selaku Pengerusi ASEAN 2025 dalam menghadapi isu dan cabaran serantau terutamanya melibatkan aspek geopolitik dunia yang kompleks selain perpecahan beberapa negara anggota disebabkan kecenderungan ideologi politik yang berbeza.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Pekan** atas pertanyaan yang dikemukakan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Selaku Pengerusi ASEAN 2025, Malaysia akan menggalas tanggungjawab yang besar. Antara peranan utama Pengerusi ASEAN adalah meneraju hala tuju ASEAN, dan memudah cara proses konsultasi dan konsensus di kalangan negara-negara anggota ASEAN dan antara ASEAN dengan rakan-rakan dialog.
2. Malaysia bertanggungjawab melaksanakan peranan ini dengan berlatar belakangkan landskap geopolitik dunia yang kian mencabar, ketegangan yang terus meruncing, persaingan kuasa besar, ketidaktentuan ekonomi global, ancaman perubahan iklim, dan jenayah rentas sempadan yang meningkat.
3. Dalam mengemudi ASEAN menghadapi pelbagai cabaran serantau dan global tersebut, salah satu keutamaan Malaysia selaku Pengerusi ASEAN adalah menggalakkan keyakinan strategik menerusi dialog dan diplomasi secara terangkum dan mampan, selari dengan tema Kepengerusian ASEAN-Malaysia – “Keterangkuman dan Kemampanan”.
4. Semasa Sesi Pemukiman Menteri-menteri Luar Negeri ASEAN di Langkawi dua minggu lalu, negara-negara anggota ASEAN telah menerima baik teman tersebut dan memberi sokongan padu terhadap keutamaan-keutamaan Malaysia sepanjang 2025 ini. Ini termasuk kesepakatan ke arah memperkasa Kepusatan ASEAN bagi memastikan ASEAN bersatu padu dalam menghadapi segala cabaran dan menentukan masa depan rantau ini. Mereka bersetuju bekerjasama dengan Malaysia ke arah terus membina Komuniti ASEAN yang mengutamakan kesejahteraan rakyat secara terangkum dan mampan.

5. Secara kesimpulannya, pelbagai cabaran dan perbezaan yang dianggap sebagai kesukaran, adalah satu peluang untuk mengukuhkan lagi perpaduan dan Kesatuan ASEAN serta menguatkan lagi iltizam negara-negara anggota ASEAN untuk memastikan ASEAN kekal sebagai penentu dan peneraju hala tuju dan masa depan rantau ini, keutamaan Malaysia selaku Pengerusi.
6. Sepanjang kepengerusian ASEAN ini, Malaysia akan berusaha memimpin ASEAN dengan penuh kewibawaan bagi membawa ASEAN ke tahap yang lebih tinggi sebagai sebuah komuniti yang bersatu-padu dan dinamik di samping memastikan kemakmuran dan kemaslahatan rakyatnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan pelan hubungan antarabangsa berkaitan bantuan kemanusiaan kepada rakyat Gaza Palestin yang perlu diteruskan khususnya dalam usaha pembinaan semula Gaza yang telah musnah dibom oleh tentera Zionis Israel.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Sik** atas pertanyaan yang dikemukakan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Pelan hubungan antarabangsa yang berkaitan dengan bantuan kemanusiaan kepada rakyat Gaza Palestin perlu diteruskan, khususnya dalam usaha pembinaan semula Gaza yang telah musnah akibat pengeboman oleh tentera Zionis Israel.
2. Perkembangan terkini mengenai gencatan senjata sementara telah menuntut negara-negara ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk bersiap sedia apabila gencatan senjata kekal dicapai. Malaysia, yang tidak pernah berhenti bersuara lantang menggesa Israel menghentikan keganasan terhadap rakyat Palestin, kini mengambil pendekatan baharu dengan terlibat dalam Perikatan Global, atau dengan izin, *Global Alliance*, di bawah inisiatif Arab Saudi. Perikatan Global yang membincangkan isu Palestin ini tercetus pada 26 September 2024, semasa Sesi Ke-79 Perhimpunan Agung PBB.
3. Perikatan Global ini merangkumi 85 buah negara dan organisasi antarabangsa yang bekerjasama dalam mencari jalan konkret untuk memastikan negara Palestin akan diiktiraf dengan sempadan pra-1967, dan Baitulmaqdis Timur sebagai ibu kota, serta jaminan keselamatan di sempadan Palestin-Israel.
4. Pakatan ini juga membincangkan isu kemanusiaan dan keselamatan kritikal di wilayah Palestin, sambil menekankan komitmen antarabangsa yang kukuh dalam mengatasi krisis kemanusiaan, ekonomi, dan politik yang serius di kawasan tersebut.

5. Keutamaan Malaysia dalam Perikatan Global ini adalah:

- Bantuan kemanusiaan dan perubatan segera;
- Sokongan teknikal dan logistik dalam pembinaan semula infrastruktur yang telah musnah;
- Kerjasama dengan organisasi antarabangsa untuk memastikan keberkesanan bantuan; dan
- Usaha diplomatik yang berterusan untuk menjamin hak rakyat Palestin di bawah undang-undang antarabangsa.

6. Melalui pendekatan ini, Malaysia bukan sahaja dapat memperkuuh komitmennya kepada perjuangan rakyat Palestin, tetapi juga memantapkan peranannya di peringkat antarabangsa sebagai sebuah negara yang aktif dan konsisten dalam memperjuangkan keadilan serta keamanan sejagat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN HAJI MOHD MISBAHUL MUNIR BIN  
MASDUKI [PARIT BUNTAR]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB TUAN HAJI MOHD MISBAHUL MUNIR BIN MASDUKI [PARIT BUNTAR]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan pendirian Kerajaan terhadap Kerajaan baru Syria dan apakah usaha Kerajaan bagi membantu Kerajaan baru Syria membangunkan negara yang telah musnah akibat perang.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Parit Buntar** atas pertanyaan yang dikemukakan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kerajaan Malaysia sentiasa memantau perkembangan semasa di Syria susulan daripada kejatuhan rejim Presiden Bashar al-Assad pada 8 Disember 2024 dan penubuhan Kerajaan Interim sehingga 1 Mac 2025 untuk memperkuuh tadbir urus tempatan, menangani keperluan kemanusiaan dengan segera, dan memulihkan ekonomi negara tersebut bagi memastikan proses peralihan kuasa secara aman dan teratur.
2. Selaras dengan kenyataan Kementerian Luar Negeri pada 9 Disember 2024 yang lalu, Malaysia menegaskan akan kepentingan penglibatan semua pihak yang terlibat secara menyeluruh untuk menjayakan usaha proses damai ini dan mengembalikan keamanan serta kestabililan di Syria. Malaysia menyeru agar semua pihak mematuhi undang-undang antarabangsa, Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan resolusi-resolusi berkaitan Majlis Keselamatan PBB serta meningkatkan usaha diplomasi untuk mencapai kestabilan yang berkekalan.
3. Secara lazimnya, Malaysia sentiasa berpegang kepada prinsip kedaulatan dan tidak mencampuri urusan dalaman negara lain. Malaysia dengan ini mengharapkan agar Kerajaan Interim ini dapat melaksanakan mandatnya dengan adil dan inklusif demi kepentingan rakyat Syria. Malaysia juga akan menyokong usaha damai untuk penyelesaian yang menyeluruh, berdasarkan prinsip hak asasi manusia, keadilan dan keamanan yang mampan.

**NO SOALAN: 69**

4. Sebagai negara yang komited terhadap kesejahteraan global, Malaysia bersedia memainkan peranan konstruktif dalam menyokong pemulihan dan pembinaan semula Syria. Dalam hal ini, Malaysia terbuka untuk meneruskan kerjasama dengan badan-badan antarabangsa untuk menyalurkan bantuan kemanusiaan kepada rakyat Syria, dengan fokus kepada sektor kesihatan, pendidikan dan penyediaan keperluan asas.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YAB DATO' SERI DR. AHMAD SAMSURI BIN  
MOKHTAR [KEMAMAN]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YAB DATO' SERI DR. AHMAD SAMSURI BIN MOKHTAR [KEMAMAN]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sejauh mana persediaan Kementerian untuk membentangkan objektif yang boleh dicapai, penunjuk prestasi yang boleh dinilai dan langkah-langkah strategik yang boleh diambil daripada penyertaan Malaysia ke dalam pakatan BRICS terutama melibatkan 10 Deklarasi Kazan yang diputuskan di dalam BRICS Summit 2024.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Kemaman** atas pertanyaan yang dikemukakan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Izinkan saya terlebih dahulu untuk menjelaskan fakta dalam soalan Yang Berhormat Kemaman. Sidang Kemuncak BRICS Ke-16 di Kazan, Persekutuan Rusia pada 22 – 24 Oktober 2024, telah menerima pakai hanya satu (1) dokumen hasil iaitu Deklarasi Kazan.
2. Secara ringkasnya, Deklarasi Kazan tersebut antara lain, menekankan kepentingan multilateralisme dalam penyelesaian konflik secara aman, dan memperjuangkan reformasi tadbir urus global dalam menangani cabaran global, terutamanya reformasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), termasuk Majlis Keselamatan PBB, dan institusi kewangan antarabangsa.
3. Selain itu, Deklarasi Kazan turut menekankan komitmen untuk memperluaskan kerjasama ekonomi dengan meningkatkan perdagangan dan pelaburan di kalangan negara BRICS, di samping menggalakkan kerjasama dalam pembangunan mampan khususnya dalam menangani perubahan iklim, tenaga bersih, dan bidang sains dan teknologi.

**Tuan Yang di-Pertua,**

4. Penyertaan Malaysia dalam BRICS sebagai Negara Rakan, adalah selari dengan pendekatan dasar luar Malaysia yang mendukung konsep multilateralisme bagi menangani pelbagai cabaran global yang mendesak, seperti yang ditekankan dalam Deklarasi Kazan. Keanggotaan Malaysia sebagai Negara Rakan BRICS akan melengkapkan peranan aktif Malaysia dalam rangkaian kerjasama serantau dan antarabangsa merangkumi ASEAN, PBB, Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM), dan Kumpulan 77 + China.
5. Ia juga bertepatan dengan aspirasi Malaysia dalam memperjuangkan agenda, dengan izin, *Global South*, yang menyumbang ke arah pembangunan global mampan dan peradaban dunia yang lebih adil dan saksama.
6. Sebagai Negara Rakan BRICS, Malaysia akan menggandakan usaha untuk meningkatkan kerjasama dalam bidang ekonomi dan bidang-bidang berkepentingan lain, termasuk dalam sektor berteknologi tinggi, seperti kecerdasan buatan, dan pembangunan mampan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN WILLIAM LEONG JEE  
KEEN [SELAYANG]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan susulan peningkatan hubungan dua hala di antara Malaysia dan Vietnam kepada perkongsian strategik yang komprehensif, apakah kesannya kepada pertikaian di Laut China Selatan terutamanya berhubung bantahan Malaysia terhadap projek pulau buatan Vietnam.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Selayang** atas pertanyaan yang dikemukakan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Malaysia dan Vietnam telah menaiktaraf hubungan diplomatik dari Kerjasama Strategik yang dijalin pada tahun 2015, kepada Perkongsian Strategik Menyeluruh, atau dengan izin, *Comprehensive Strategic Partnership* (CSP) pada November 2024. Persetujuan ini dicapai semasa Lawatan Rasmi oleh pemimpin tertinggi Vietnam ke Malaysia, iaitu Tuan Yang Terutama To Lam, Setiausaha Agung Jawatankuasa Pusat Parti Komunis Vietnam dari 21 hingga 23 November 2024 yang lalu.
2. Untuk makluman Ahli Dewan yang mulia ini, peningkatan tahap hubungan dua hala ini merupakan satu sejarah dan kebanggaan buat Malaysia dari aspek hubungan antarabangsa dan serantau, dan ia merupakan satu-satunya kerjasama yang tertinggi, yang terjalin dalam kalangan Negara Anggota ASEAN.
3. Kerjasama CSP ini membuka lembaran baharu kepada kedua-dua negara, Malaysia dan Vietnam, untuk terus mengorak langkah dalam menjalankan kerjasama dengan lebih substantif dan menyeluruh, yang merangkumi pelbagai sektor bernilai tinggi yang mempunyai kepentingan bersama, termasuk kerjasama dalam isu-isu maritim. Peningkatan hubungan dua hala ini juga berpotensi untuk memperkuuh kerjasama dalam sektor perdagangan, industri halal, perikanan, alam sekitar dan tenaga boleh diperbaharui, dengan izin, *renewable energy* di antara kedua-dua negara. Kementerian Luar Negeri Malaysia dan Kementerian Luar Negeri Vietnam akan membincangkan dengan lebih lanjut Pelan Tindakan di bawah rangka kerjasama ini untuk tempoh lima tahun, dari 2026 hingga 2030.

4. Seperti kita sedia maklum, isu berkaitan Laut China Selatan adalah kompleks dan sensitif. Isu ini perlu dikendalikan secara berhati-hati, teliti dan menyeluruh. Setiap tindakan yang diambil oleh Kerajaan adalah berdasarkan pertimbangan yang komprehensif dari hasil perbincangan dengan semua Agensi yang terlibat, dan tidak sesekali akan memprejudiskan kedaulatan, hak-hak kedaulatan dan kepentingan negara. Ini termasuk bantahan diplomatik oleh Kementerian Luar Negeri ke atas projek pulau buatan yang dibangunkan oleh Vietnam di Laut China Selatan.
5. Pendirian Malaysia berhubung isu di Laut China Selatan adalah jelas dan konsisten. Semua pertikaian dan penyelesaian isu-isu berhubung Laut China Selatan hendaklah berdasarkan undang-undang antarabangsa dan Konvensyen Undang-Undang Laut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 1982, atau dengan izin, *United Nations Convention on the Law of the Sea 1982* (UNCLOS 1982).
6. Kerjasama CSP yang diwujudkan ini menjadi platform utama untuk kedua-dua negara mempergiat lagi perbincangan di peringkat Pegawai Kanan, Menteri, seterusnya di peringkat Pemimpin, terutama dalam isu-isu melibatkan perairan Laut China Selatan.
7. Dalam menguruskan isu-isu berkaitan Laut China Selatan, Kerajaan tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak dan akan sentiasa memastikan kedaulatan, hak kedaulatan, bidang kuasa, dan kepentingan negara dipertahankan dan terus dijaga.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI TUAN IBHARIM BIN TUAN  
MAN [KUBANG KERIAN]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB DATO' SRI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN [KUBANG KERIAN]** minta PERDANA MENTERI menyatakan sebab hanya RM590 juta (59%) daripada RM1 bilion peruntukan Belanjawan 2024 untuk program SejaTI MADANI telah dibelanjakan tahun lalu dan apakah kategori program yang telah dilaksanakan.

**JAWAPAN**

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kewangan telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM590 juta pada tahun 2024 kepada Unit Penyelaras Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) untuk melaksanakan Program SejaTi MADANI. Prestasi pelaksanaan program ini secara keseluruhannya sangat baik dengan prestasi perbelanjaan mencapai 100%. Sejumlah 6,548 permohonan telah diluluskan dan memberi manfaat kepada 6,022 komuniti. Program SejaTi MADANI ini akan diteruskan dalam tahun 2025 dengan peruntukan sebanyak RM600 juta.
  
2. Permohonan paling tinggi diluluskan adalah daripada Sektor Pertanian dan Makanan (57.0%) diikuti dengan Sektor Pelancongan dan Hospitaliti (34.5%), Aktiviti Hijau dan Kitar Semula (3.8%), Jahitan dan Kraf Tangan (3.6%) serta Herba dan Kesihatan (1.1%).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK SUHAIMI BIN NASIR [LIBARAN]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB DATUK SUHAIMI BIN NASIR [LIBARAN]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan program latihan kemahiran dan keusahawanan yang disediakan oleh Kementerian untuk membantu belia di Libaran meningkatkan kebolehpasaran mereka dan menceburi bidang ekonomi moden seperti ekonomi digital.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dan agensi-agensi di bawahnya menyediakan pelbagai program dan inisiatif yang ditawarkan kepada usahawan secara terbuka dan boleh dimohon oleh semua golongan usahawan termasuk usahawan belia. Antara program keusahawanan yang telah memberi manfaat kepada usahawan belia di kawasan Libaran untuk meningkatkan kebolehpasaran mereka ialah:
2. Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) oleh SME Corp yang menyediakan bantuan pembangunan kapasiti dan geran permulaan perniagaan serta khidmat nasihat merangkumi aspek pemasaran dan digitalisasi. Pada tahun 2024 seorang usahawan belia di kawasan Libaran telah menerima kelulusan geran TUBE berjumlah RM15,000;
3. SME Corp. juga telah melaksanakan Program Pembangunan Perniagaan Usahawan Mikro (BizME) yang memberikan bantuan peringkat awal kepada perusahaan mikro melalui peningkatan kemahiran dan sokongan teknikal termasuklah penggunaan teknologi dalam perniagaan kepada 4 orang usahawan belia dari Parlimen Libaran pada tahun 2024 dengan peruntukan berjumlah RM35,920;
4. Bagi tahun 2025, KUSKOP melalui agensi-agensinya bersedia membimbing usahawan belia termasuk usahawan belia di kawasan Parlimen Libaran untuk melaksanakan program bimbingan dan latihan berteraskan transformasi digital seperti berikut:

- i. Platform MyMall oleh KUSKOP menyediakan ruang pemasaran dalam talian secara percuma bagi produk atau perkhidmatan yang merangkumi latihan *onboarding* kepada usahawan terlibat;
- ii. Program N-GENE oleh PROTÉGÉ yang merupakan latihan keusahawanan bagi membudayakan kemahiran keusahawanan dan memberi pendedahan untuk mengembangkan perniagaan melalui latihan dalam talian;
- iii. *SME Technology Transformation Fund* (STTF) oleh SME Bank yang menyediakan pembiayaan kepada PMKS untuk mengadaptasi digitalisasi dan automasi operasi perniagaan menggunakan aplikasi IR4.0;
- iv. SME Corp. menyediakan bantuan geran padanan melalui Skim Peningkatan Kapasiti dan Keupayaan PKS (BAP) bagi membantu PMKS meningkatkan pengeluaran produk, penjimatan masa dan kos berulang melalui adaptasi digitalisasi dan automasi serta teknologi;
- v. INSKEN turut menerapkan elemen digitalisasi di dalam beberapa program seperti program-program bimbingan di bawah INSKEN seperti penggunaan platform penghantaran makanan, sistem *Point of Sales* (POS) dan pemasaran menggunakan platform-platform digital; dan
- vi. Program Pemantapan Penjaja dan Peniaga Kecil oleh KUSKOP bertujuan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran penjaja dan peniaga kecil mengenai pendigitalan perniagaan mereka.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK DR. NIK NUHAMMAD ZAWAWI BIN  
SALLEH [PASIR PUTEH]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB DATUK DR. NIK NUHAMMAD ZAWAWI BIN SALLEH [PASIR PUTEH]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini dan perancangan pihak Kementerian dalam memastikan projek menaik taraf bangunan baru di negeri Kelantan yang telah diluluskan di bawah projek Kerajaan Persekutuan termasuk Masjid Mukim Gong Chapa, Pasir Puteh berjalan lancar dan dapat disiapkan mengikut jadual yang sepatutnya.

**JAWAPAN**

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada 20 November 2019, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan bagi membiayai kos Menaik Taraf Masjid Mukim Gong Chapa, Temila, Pasir Puteh, Kelantan sebanyak RM1,308,000.00.
2. Projek ini telah mengalami kelewatan disebabkan kegagalan pihak kontraktor mematuhi obligasi di tapak dan Notis Penamatian Pengambilan Kerja Kontraktor telah dikeluarkan kepada pihak kontraktor pada 21 Mac 2023.
3. Kerajaan Persekutuan dalam proses membuat penilaian semula dari segi pertambahan peruntukan berikut projek ini perlu ditender semula.
4. Merujuk kepada Garis Panduan Permohonan Peruntukan Kerajaan Persekutuan Bagi Projek Bina Baharu, Naik Taraf Serta Baik Pulih Masjid Dan Surau Di Seluruh Negara Bil. 1/2024, YAB Perdana Menteri di dalam Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri ke-139 pada 28 Jun 2022 telah memaklumkan bahawa mengambil kira hal ehwal agama Islam terletak di bawah kuasa negeri dan masjid yang dibina juga akan menjadi milik negeri, adalah wajar kos pembangunan masjid ditanggung secara bersama oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

**NO SOALAN: 74**

5. Berdasarkan Garis Panduan yang sama, nisbah peruntukan antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan kutipan kariah adalah 80:15:5.
6. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Persekutuan akan meneliti semula mekanisme pelaksanaan projek ini terutamanya dari segi pertambahan peruntukan yang diperlukan dengan mengambil kira tanggungan secara bersama oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK WILLIE ANAK MONGIN [PUNCAK  
BORNEO]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB DATUK WILLIE ANAK MONGIN [PUNCAK BORNEO]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan Sarawak berusaha ke arah penyahkarbonan terutamanya di dalam sektor ammonia dan juga membekalkan hidrogen bersih ke negara Jepun sebagai rakan kerjasama. Bagaimana Kementerian melihat pembangunan tenaga boleh diperbaharui ini akan memacu negara ke arah sebuah negara maju berteknologi hijau pada masa yang akan datang.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menyokong usaha pembangunan pihak Sarawak ke arah matlamat penyahkarbonan negara, yang merangkumi penghasilan hidrogen bersih dan ammonia. Kerjasama strategik dengan negara luar seperti Jepun bukan sahaja menyokong komitmen Malaysia terhadap agenda perubahan iklim tetapi juga meletakkan negara sebagai pemain utama dalam pembangunan teknologi hijau di peringkat global. Inisiatif Sarawak dalam membangunkan industri hidrogen bersih yang disokong oleh infrastruktur seperti Loji Pengeluaran Hidrogen Bersepadu Sarawak (Sarawak Integrated Hydrogen Production Plant) menyumbang kepada matlamat penyahkarbonan dalam sektor tenaga dan pengangkutan.

MOSTI melaksanakan Pelan Hala Tuju Teknologi dan Ekonomi Hidrogen (HETR) sebagai menyokong Dasar Tenaga Negara. Konsep ‘Build Some, Buy Some’ dalam pelan hala tuju ini bertujuan menggalakkan pembangunan tenaga boleh diperbaharui yang turut menyokong peralihan tenaga negara ke arah ekonomi berdasarkan hidrogen.

Pembangunan teknologi hidrogen melalui HETR dapat membuka peluang sektor ekonomi baharu seperti berikut:

1. HETR menasarkan pendapatan sebanyak RM12 bilion menjelang tahun 2030 dan dijangka menyumbang antara RM49 bilion hingga RM61 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Inisiatif awal pembangunan Stesen Pengisian Semula Hidrogen Mudah Alih (*Mobile Hydrogen Refuelling Station*, MHRs di Putrajaya yang bakal dilancarkan pada tahun ini akan meningkatkan kesedaran awam mengenai teknologi hidrogen.

2. NanoMalaysia Berhad (NMB), sebuah entiti di bawah MOSTI, merangka pembangunan teknologi hidrogen, termasuklah menjalin kerjasama dengan rakan strategik. Kerjasama dengan syarikat Fortescue misalnya, adalah untuk membangunkan Hub Hidrogen yang akan berfungsi sebagai pusat pengeluaran, penyimpanan, dan pengedaran hidrogen. Inisiatif ini dijangka dapat mencipta 45,000 peluang pekerjaan baru dan menyokong peralihan ke sumber tenaga yang lebih bersih, selaras dengan matlamat penyahkarbonan negara.
3. Peralihan ke arah ekonomi hidrogen dijangka dapat merangsang rantaian nilai tempatan yang baharu. Tumpuan inovasi dalam sektor-sektor seperti elektrolisis untuk penjanaan hidrogen, pembuatan sel bahan bakar (fuel cell), dan pembangunan infrastruktur untuk pengedaran hidrogen akan berkembang dengan pesat. Konsep ‘Build Some, Buy Some’ dapat memperkuatkkan rantaian nilai domestik dengan mengutamakan produk dan teknologi tempatan. Sebuah syarikat tempatan, Lestari H2GaaS Sdn Bhd, memacu usaha ini melalui pembangunan *electrolyzer* bagi penjanaan hidrogen.
4. Di bawah Rancangan Malaysia ke-12, peruntukan khusus bagi pembangunan teknologi hidrogen telah disalurkan kepada NMB bagi program Hydrogen EcoNanoMy. Program ini menggunakan teknologi dan kepakaran tempatan dalam merakyatkan ekonomi hidrogen melalui *disruptive innovation*. NMB sudah mula menempatkan sistem penjanaan dan penggunaan hidrogen keadaan pepejal menggunakan natrium borohidride ( $\text{NaBH}_4$ ) untuk aplikasi mobiliti, mudah-alih dan pegun.

Melalui pelaksanaan HETR dengan usaha-usaha berkaitan hidrogen oleh Kerajaan-Kerajaan Negeri, Malaysia berpotensi membangunkan ekonomi baharu yang lebih hijau dan berdaya saing di peringkat global.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' MUMTAZ BINTI MD NAWI [TUMPAT]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB DATO' MUMTAZ BINTI MD NAWI [TUMPAT]** minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan status terkini pelaksanaan insentif tunai World Coin melalui MyEG yang mengutip data seperti iris mata serta langkah-langkah perlindungan data peribadi yang akan diambil kerana bimbang kepada kesan jangka panjang daripada inisiatif ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Melalui salah satu peruntukan Akta Perlindungan Data Peribadi (Pindaan) 2024 [Akta A1727] yang telah digazetkan pada 17 Oktober 2024, telah menetapkan bahawa data biometrik adalah termasuk di bawah takrifan data peribadi sensitif yang tertakluk di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [Akta 709]. Pindaan peruntukan tersebut akan mula berkuatkuasa sepenuhnya bermula pada 1 April 2025.
2. Kementerian Digital melalui Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi (PDP) mengambil maklum bahawa perkara ini telah berbangkit di beberapa negara lain seperti di Jerman, United Kingdom, Korea Selatan, Kenya dan Singapura yang telah memulakan proses pemerhatian dan siasatan terhadap pengoperasian perkhidmatan wang kripto yang menggunakan data biometrik seperti World Coin.
3. Pesuruhjaya PDP juga telah memulakan proses pemantauan sejak September 2023 termasuk telah mengadakan perbincangan dengan Pengawal Selia Perlindungan Data Pejabat Negeri Bavaria, Jerman (BayLDA) yang melaksanakan pengawal seliaan mengenai mekanisme pemprosesan data peribadi serta pematuhan perlindungan data peribadi oleh syarikat World Foundation (World) dan Tools for Humanity (TFH).
4. Berdasarkan maklumat soalan lazim di laman web World Coin (<https://world.org/faqs>), aplikasi World Coin adalah mematuhi perundangan European Union General Data Protection Regulation (EU-GDPR), standard perlindungan data dan privasi yang sangat tinggi dan diiktiraf di seluruh dunia. Syarikat World dan TFH adalah di bawah pengawal seliaan penuh BayLDA di dalam memastikan pematuhan penuh kepada perundangan EU-GDPR tersebut.

5. Pesuruhjaya PDP juga telah melaksanakan semakan silang dengan keputusan awal siasatan oleh BayLDA melalui kenyataan media yang dikeluarkan pihak BayLDA bertarikh 19 Disember 2024 iaitu BayLDA telah memperkuatkan hak Subjek Data yang diproses melalui aplikasi World dengan memastikan hak untuk data dipadam (*Right to Erasure*) selaras dengan peruntukan di dalam EU-GDP. Keputusan tersebut yang perlu dipatuhi oleh syarikat World dan TFH juga telah merumuskan siasatan yang dilaksanakan oleh BayLDA sejak April 2023.
6. Selain itu, berdasarkan semakan ke atas laman web Suruhanjaya Sekuriti (SC) yang mengawal selia perdagangan aset digital di Malaysia, World Coin (WLD) adalah antara salah satu jenis pertukaran mata wang kripto yang dikawal selia oleh SC.
7. Pesuruhjaya PDP akan terus memantau perkembangan berkaitan pengumpulan data biometrik ini serta menjalin kerjasama erat bersama badan pengawal selia yang lain untuk mengetatkan kawalan terhadap pemprosesan data peribadi sensitif selaras dengan 7 Prinsip Perlindungan Data Peribadi di bawah Akta 709.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN HAJAH SALAMIAH BINTI MOHD  
NOR [TEMERLOH]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB PUAN HAJAH SALAMIAH BINTI MOHD NOR [TEMERLOH]** minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan rasional 6,034 orang guru baru lantikan baharu mengambil masa selama enam tahun untuk layak mendapat pengesahan lantikan tetap di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP).

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Isu berkaitan tempoh pengesahan lantikan tetap bagi guru lantikan baharu sememangnya menjadi perhatian Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP). KPM sentiasa komited dalam memastikan proses pelantikan guru baharu berjalan lancar serta memenuhi keperluan pendidikan negara dengan memastikan calon yang dilantik benar-benar layak dan kompeten untuk mendidik generasi akan datang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada 15 April 2024, seramai 6,034 orang guru telah dilantik secara Contract of Service (CoS) dan melapor diri ke sekolah di bawah KPM. Guru-guru lantikan secara CoS ini tidak memerlukan Pengesahan Lantikan Tetap dan Pengesahan Dalam Perkhidmatan. Pengesahan Lantikan Tetap adalah hanya diberikan kepada guru lantikan tetap sahaja.

Guru-guru yang dilantik secara CoS (mengikut tempoh kontrak) adalah kerana guru-guru ini tidak mempunyai ikhtisas pendidikan seperti mana yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan. Guru-guru ini perlu menghadiri serta perlu menamatkan Program Diploma Pendidikan Pascasiswa (PDPP) selama satu tahun di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM). Tempoh lantikan kontrak selama dua tahun diberikan bagi memberi ruang kepada guru-guru ini untuk melengkapkan latihan ikhtisas sebelum dipertimbangkan bagi pelantikan tetap atau lantikan secara kontrak interim.

Setelah menamatkan kursus PDPP dan memperoleh Diploma Pendidikan, guru-guru CoS akan diperaku kepada SPP bagi menjalani temu duga sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) tetap atau lantikan kontrak interim. Temu duga ini menilai pelbagai aspek kompetensi guru, termasuk sikap profesional, penampilan diri, pengetahuan am, kandungan mata pelajaran, serta kemahiran pedagogi yang diperlukan dalam profesi keguruan.

Selepas lulus temu duga dan menerima tawaran pelantikan sebagai guru tetap atau guru kontrak interim, mereka perlu melengkapkan dokumen di dalam Pakej Setuju Terima Tawaran (PSTT) dalam tempoh 30 hari selepas melapor diri bertugas. Seterusnya, mereka perlu mengunci masuk maklumat ke dalam sistem ePROPER SPP melalui Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), agensi berkaitan, atau sekolah masing-masing bagi tujuan pengesahan pelantikan. SPP kemudiannya akan memproses dan memaklumkan keputusan pengesahan pelantikan dalam tempoh dua minggu selepas menerima dokumen yang lengkap.

Secara keseluruhannya, untuk mendapat pengesahan lantikan tetap bagi guru-guru ini bukan sahaja bergantung kepada proses yang dinyatakan tetapi turut melibatkan faktor lain seperti ketersediaan jawatan tetap, dasar dan keperluan semasa perkhidmatan, serta proses pentadbiran yang perlu dipatuhi bagi memastikan hanya calon yang benar-benar memenuhi syarat perkhidmatan disahkan dalam jawatan mereka.

Kementerian sentiasa berusaha untuk menambah baik proses pengambilan dan pengesahan pelantikan guru bagi memastikan ia lebih cekap dan tidak membebankan calon yang terlibat. KPM dan SPP akan terus bekerjasama dalam memperkemas mekanisme perjawatan guru agar tempoh penantian bagi pelantikan tetap dapat dikurangkan tanpa menjelaskan mutu dan standard profesi perguruan di negara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN CHOW KON YEOW  
[BATU KAWAN]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB TUAN CHOW KON YEOW [BATU KAWAN]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik terkini miskin tegar menerusi data eKasih. Adalah terdapat perbezaan data yang diperoleh daripada PADU dan mengapa.

**JAWAPAN**

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

**(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, data eKasih adalah bersifat dinamik dan sentiasa dikemas kini dari masa ke semasa. Sepertimana data disalurkan kepada agensi pemberi bantuan bagi pelaksanaan program kesejahteraan rakyat, data eKasih turut dibekalkan kepada Sistem PADU di bawah seliaan Kementerian Ekonomi berdasarkan keperluan.
  
2. Seramai 1,793 Ketua Isi Rumah (KIR) Miskin Tegar melibatkan 5,539 Ahli Isi Rumah (AIR) dengan jumlah keseluruhan 7,332 orang. Statistik terkini jumlah bilangan isi rumah miskin tegar mengikut negeri sehingga Disember 2024 adalah seperti berikut:

Statistik Miskin Tegar Sehingga 31 Disember 2024

NEGERI	KATEGORI ISI RUMAH		JUMLAH KESELURUHAN
	KIR	AIR	
JOHOR	298	612	910
KEDAH	314	913	1,227
KELANTAN	81	385	466
MELAKA	0	0	0
N.SEMBILAN	0	0	0
PAHANG	46	199	245
PERAK	57	224	281
PERLIS	0	0	0
P.PINANG	67	242	309
SABAH	80	279	359
SARAWAK	8	21	29
SELANGOR	168	616	784
TERENGGANU	124	611	735
WP KL	507	1,230	1,737
WP LABUAN	43	207	250
WP PUTRAJAYA	0	0	0
<b>JUMLAH</b>	<b>1,793</b>	<b>5,539</b>	<b>7,332</b>

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN JAMALUDIN BIN YAHYA [PASIR SALAK]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB TUAN JAMALUDIN BIN YAHYA [PASIR SALAK]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :

- a. sejauh manakah ketersediaan KPM dalam melaksanakan sistem satu sesi persekolahan di seluruh negara serta keberkesanannya dalam mengurangkan bebanan guru
- b. bagaimana dengan sekolah yang tidak mampu melaksanakan satu sesi di kawasan luar bandar dan pedalaman akibat kekurangan infrastruktur dan tenaga pengajar.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan penghargaan kepada Ahli Yang Berhormat Pasir Salak atas pertanyaan yang dikemukakan berkaitan dengan pelaksanaan sistem satu sesi persekolahan dan cabaran yang dihadapi oleh sekolah di kawasan luar bandar dan pedalaman.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam memastikan sistem pendidikan negara ditambah baik melalui usaha reformasi pendidikan yang telah digerakkan KPM dari semasa ke semasa demi kesejahteraan murid, guru, dan seluruh ekosistem pendidikan.

Sebagai contoh, usaha pelaksanaan sistem satu sesi persekolahan merupakan satu langkah penting yang akan meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran (PdP), mengurangkan beban tugas guru, serta menyediakan persekitaran pembelajaran yang lebih kondusif. KPM memberi jaminan, setiap keputusan yang dibuat oleh KPM dalam hal ini akan dilaksanakan secara teliti, berdasarkan data, keperluan, dan kebolehlaksanaan sebenar di lapangan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Merujuk kepada pertanyaan pertama yang dikemukakan, pelaksanaan sistem sesi persekolahan di Malaysia bergantung kepada beberapa faktor utama, termasuk jumlah murid, kapasiti sekolah, dan ketersediaan bilik darjah. Sehingga Disember 2024, sebanyak 8,997 buah sekolah atau 87.9 peratus daripada jumlah keseluruhan sekolah di Malaysia telah melaksanakan sistem satu sesi, manakala 1,238 buah sekolah atau 12.1 peratus masih beroperasi dalam dua sesi. Keputusan untuk mengekalkan sistem dua sesi di sebahagian sekolah dibuat bagi memastikan semua murid dapat mengikuti sesi PdP dalam keadaan yang selesa dan teratur tanpa menjaskankan akses dan kualiti pendidikan.

Dari segi keberkesanan dalam mengurangkan beban guru, KPM telah mengambil langkah proaktif dengan memastikan bahawa keperluan perjawatan di sekolah diurus dengan baik. Bagi sekolah yang masih beroperasi dalam dua sesi, dua kumpulan guru yang berbeza ditempatkan bagi sesi pagi dan petang. Ini bertujuan untuk memastikan kelancaran pentadbiran serta PdP itu sendiri. Selain itu, perjawatan luar norma seperti Guru Penolong Kanan Petang turut diwujudkan bagi menyelaras pengoperasian sekolah sesi petang. Dengan langkah-langkah ini, KPM telah dapat memastikan isu beban tugas guru dapat dikawal dan diurus secara efektif di sekolah.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab pertanyaan kedua, KPM mengakui bahawa terdapat cabaran dalam melaksanakan sistem satu sesi di beberapa sekolah luar bandar dan pedalaman akibat kekangan infrastruktur dan sumber tenaga pengajar. Namun, merujuk kepada situasi yang dibangkitkan, KPM tidak akan sekali-kali mengambil pendekatan *one-size-fits-all*, sebaliknya mempertimbangkan keperluan lokaliti sebelum melaksanakan sebarang perkara termasuklah mengenai sekolah yang tidak mampu melaksanakan satu sesi di kawasan luar bandar dan pedalaman akibat kekurangan infrastruktur dan tenaga pengajar.

Namun, sebagai langkah penyelesaian jangka panjang bagi merealisasikan aspirasi ini, KPM sedang giat merancang penyediaan infrastruktur bagi membolehkan lebih banyak sekolah beralih kepada sistem satu sesi. Sepanjang tahun 2021 hingga 2025, sebanyak 261 buah sekolah sedang dalam proses pembinaan bangunan tambahan, manakala 103 buah sekolah baharu sedang dibina bagi menampung keperluan murid yang semakin meningkat. Langkah ini membuktikan kesungguhan kerajaan dalam memastikan sistem pendidikan negara terus berkembang secara mampan dan inklusif.

Selain itu, pengisian tenaga pengajar turut menjadi keutamaan KPM. Sehingga 25 Januari 2025, jumlah guru yang berkhidmat adalah seramai 416,194 orang, bersamaan dengan 96.16 peratus kadar pengisian. Kekosongan yang masih wujud akan diisi dalam sesi penempatan guru baharu yang dijangka selesai sebelum 16 Februari 2025. KPM akan terus memastikan keperluan guru di setiap sekolah dipenuhi mengikut opsyen yang bersesuaian agar kualiti pengajaran tidak terjejas.

**NO SOALAN: 79**

Tuan Yang di-Pertua,

Secara keseluruhannya, KPM amat komited dalam memastikan sistem pendidikan negara terus berkembang dengan menyeimbangkan keperluan sekolah bandar, luar bandar, dan pedalaman. KPM percaya bahawa dengan usaha berterusan dan sokongan semua pihak, usaha mereformasi pendidikan negara, termasuklah sekolah satu sesi akan akan dapat dilaksanakan dengan jayanya demi manfaat generasi masa depan. Namun, keutamaan KPM adalah kekal memastikan persekitaran pembelajaran yang terbaik untuk murid dapat disediakan, mengurus beban tugas guru dengan cekap, serta membangunkan infrastruktur pendidikan yang mampan dan kondusif selari dengan keperluan pendidikan semasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK AHMAD AMZAD BIN MOHAMED @  
HASHIM [KUALA TERENGGANU]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB DATUK AHMAD AMZAD BIN MOHAMED @ HASHIM [KUALA TERENGGANU]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan mengenai pembangunan Malaysian Innovation Index (MII) dan bagaimana ia dapat membantu mengenal pasti kekuatan dan kelemahan ekosistem inovasi di setiap negeri serta impaknya terhadap pembangunan inovasi tempatan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Negara beraspirasi untuk meningkatkan kedudukan dalam Global Innovation Index (GII) ke tangga 30 menjelang akhir tahun ini. Dalam usaha merealisasikan hasrat ini, Kementerian telah melaksanakan inisiatif strategik dengan membangunkan Malaysia Innovation Index (MII). MII bertujuan untuk menyediakan profil menyeluruh ekosistem inovasi bagi setiap negeri dan Wilayah Persekutuan, berdasarkan enam teras utama pengukuran yang selaras dengan keperluan dan cabaran setiap negeri. Pembangunan MII ini dijangka siap pada bulan November 2025.
2. Melalui MII, kekuatan dan kelemahan ekosistem inovasi di setiap negeri dapat dikenal pasti dengan lebih tepat. Hasil analisis ini akan memacu pelaksanaan intervensi bersasar yang bersesuaian berdasarkan keperluan spesifik negeri masing-masing. Selain itu, amalan terbaik (*best practices*) daripada negeri-negeri lain yang berjaya boleh dikongsi dan direplikasikan.
3. Pembangunan MII merupakan hasil daripada kerjasama strategik antara Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Pusat Maklumat Sains dan Teknologi Malaysia (MASTIC), Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MIGHT) melibatkan semua kerajaan negeri serta disokong oleh kepakaran daripada Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) dalam bidang statistik dan ekonomi.
4. Hasil daripada laporan ini, MOSTI akan meneruskan kerjasama dengan pihak Kerajaan Negeri di dalam melaksanakan intervensi bersasar berdasarkan kepada kekuatan dan kelemahan ekosistem inovasi di setiap negeri. Sehingga tarikh ini berdasarkan kepada beberapa sesi libat urus dengan kerajaan negeri antara bentuk intervensi yang disaran untuk dilaksanakan termasuklah:

- a. Penggunaan data yang realistik dan relevan** daripada MII bagi membantu Kerajaan Negeri merangka pelan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMKe-13). Pendekatan ini akan mengoptimumkan penggunaan sumber dan memaksimumkan impak kepada ekonomi negeri dan negara;
  - b. Penubuhan hab-hab inovasi di koridor utama negara** melalui kerjasama antara kementerian. Hab ini akan menarik pelaburan syarikat tempatan dan multinasional untuk menubuhkan pusat penyelidikan dan pembangunan di Malaysia. Langkah ini penting untuk meningkatkan peratusan institusi yang menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan, yang pada tahun 2022 hanya mencapai 0.68% daripada keseluruhan 1.09 juta institusi;
  - c. Mempertingkatkan proses pendanaan melalui kerjasama dengan pusat penyelidikan awam dan swasta negeri.** Inisiatif ini bertujuan menggalakkan pembangunan produk dan perkhidmatan berteknologi tinggi yang berdaya saing di pasaran antarabangsa; dan
  - d. Amalan terbaik antara negeri-negeri** akan terus dikongsikan untuk memastikan kejayaan inisiatif terdahulu dapat direplikasi dan memperkuatkan ekosistem inovasi negeri.
5. MII bukan sekadar laporan, tetapi panduan dinamik yang akan sentiasa diperhalusi dan dikemaskini setiap dua tahun. Tujuannya adalah untuk menilai keberkesanan inisiatif yang telah dilaksanakan, memperkuatkan profil ekosistem negeri, dan mencadangkan penambahbaikan secara berterusan.
6. Oleh itu, MII adalah satu usaha berterusan yang bersifat progresif dan sentiasa relevan untuk menjamin kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara inovasi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' HAJI AHMAD BIN SAAD @  
YAHAYA [POKOK SENA]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB DATO' HAJI AHMAD BIN SAAD @ YAHAYA [POKOK SENA]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan garis panduan yang terperinci berkenaan sambutan perayaan agama lain oleh umat Islam bagi mengelakkan kekeliruan dalam kalangan rakyat.

**JAWAPAN**

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Garis panduan yang terperinci berkenaan sambutan perayaan agama lain oleh umat Islam bagi mengelakkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat yang dikeluarkan oleh kerajaan adalah sebagaimana berikut:
  - a. "Garis Panduan Orang Islam Turut Merayakan Hari Kebesaran Agama Orang Bukan Islam" yang telah diperakukan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Kali ke-68 pada 12 April 2005. (maklumat tambahan disertakan berkaitan garis panduan berkaitan).
  - b. Garis Panduan Kandungan Berunsur Islam Dalam Media Baharu, terbitan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) 2024.

2. Bagi tujuan ini juga satu lagi garis panduan akan dikeluarkan iaitu, "Garis Panduan Penglibatan Orang Islam Dalam Majlis Sambutan Perayaan Dan Upacara Kematian Orang Selain Islam Serta Kunjungan Dan Penganjuran Majlis Di Rumah Ibadat Selain Islam". Garis panduan ini ada menggariskan tentang penglibatan orang Islam dalam sambutan perayaan orang selain Islam. Antara lain, penglibatan orang Islam dalam majlis sambutan mestilah tidak disertakan dengan perbuatan yang boleh menyentuh sensitiviti masyarakat Islam. Contohnya;
  - a. Ucapan atau nyanyian berbentuk propaganda, penyebaran risalah dan agamanya;
  - b. Persembahan atau ucapan yang menghina atau mempersendakan pegangan agama masyarakat Islam;
  - c. Pelaksanaan majlis dalam tempoh umat Islam melaksanakan ibadah seperti waktu azan, solat jemaah, khutbah dan solat Jumaat;
  - d. Lokasi majlis tidak berhampiran dengan masjid, surau, tanah perkuburan Islam dan tanah wakaf dan;
  - e. Premis yang digunakan tidak mempamerkan syiar agama selain Islam.
3. Di samping itu, pihak penganjur perlu mendapatkan kebenaran daripada pihak berautoriti dan perlu mendapatkan pandangan pihak berkuasa agama Islam jika jemputan melibatkan pemimpin atau orang Islam sebelum sesuatu majlis perayaan dilaksanakan.

**NO SOALAN: 81**

4. Garis panduan ini akan dimuktamadkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) Kali ke-126 yang dijadualkan pada 25 – 27 Februari 2025.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK DR. AHMAD MARZUK BIN  
SHAARY  
[ PENGKALAN CHEPA ]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB DATUK DR. AHMAD MARZUK BIN SHAARY [ PENGKALAN CHEPA ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rancangan masa depan Kementerian untuk meningkatkan tahap kesediaan dan pengurusan risiko bencana di kawasan desa, khususnya bagi menghadapi banjir dan tanah runtuh yang sering berlaku.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI,  
TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP MENTERI  
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan Persekutuan melalui Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) sentiasa melaksanakan usaha berterusan dalam meningkatkan tahap kesediaan dan pengurusan risiko bencana di Malaysia secara menyeluruh termasuk di kawasan desa. NADMA dengan kerjasama strategik bersama-sama Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), Institut Kemajuan Desa (INFRA) dan agensi-agensi lain telah melaksanakan kursus pengurusan bencana yang turut meliputi modul Pengurusan Risiko Bencana Berasaskan Komuniti (*Community Based Disaster Risk Management – CBDRM*) yang melibatkan golongan sasaran komuniti luar bandar.
2. Bagi tahun 2024, seramai **11,452** peserta dari luar bandar yang terdiri daripada kepimpinan dan ahli komuniti telah diberikan pendedahan berkaitan pengurusan bencana, bagi memastikan kesiapsiagaan komuniti yang cakna dan siaga bencana diberikan pengetahuan, kemahiran dan sumber yang diperlukan untuk menghadapi dan menguruskan bencana dengan berkesan.
3. Jumlah ini merupakan sebahagian daripada **43,881** orang komuniti bandar dan luar bandar serta Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan sukarelawan di pelbagai lapisan masyarakat yang telah turut serta dalam program-program CBDRM di seluruh negara.
4. Selain itu, berdasarkan Arahan NADMA No. 1, semua Agensi Kerajaan yang berkenaan hendaklah membangunkan, menyelenggara dan menilai dari semasa ke semasa satu Sistem Amaran Awal Bencana yang merangkumi:

- a. Penilaian secara berterusan risiko bencana;
  - b. Sistem maklumat amaran bencana;
  - c. Rangkaian komunikasi untuk memastikan penyampaian maklumat yang cepat, tepat dan berkesan; dan
  - d. Kesedaran awam dan kesiapsiagaan awam untuk bertindak terhadap maklumat daripada sistem amaran awal.
5. Di Malaysia, agensi-agensi teknikal berkaitan pengurusan bencana yang bertanggungjawab untuk membangun dan menyelenggara sistem amaran bencana antara lain adalah:

<b>JENIS BENCANA</b>	<b>AGENSI</b>	<b>JENIS SISTEM AMARAN BENCANA</b>
Banjir	Jabatan Pengairan dan Saliran	Siren banjir dan Program Ramalan dan Amaran Banjir (PRAB)
Tsunami	Jabatan Meteorologi Malaysia	Siren Amaran Tsunami
Hujan berterusan sewaktu Monsun		Amaran cuaca mengikut peringkat
Tanah runtuh	Kementerian Kerja Raya	Sistem Amaran Awal Tanah Runtuh
Tanah runtuh	Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia	Sistem Amaran Awal Tanah Runtuh
Aliran Puing		Sistem Amaran Awal Aliran Puing
Pergerakan Sesar		Penanda Aras Pergerakan Sesar

6. Terkini, NADMA melalui kerjasama dengan pihak Kerajaan Negeri dan Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) akan melaksanakan pemasangan Sistem Amaran Awal (EWS) aliran puing dan Penanda Aras Pergerakan Sesar (PAPS) di kawasan berisiko bencana geologi di sekitar Gunung Kinabalu. Pemasangan ini adalah bertujuan untuk menilai dan mengurangkan risiko bencana geologi di kawasan sekitar Gunung Kinabalu melalui pembangunan sistem amaran yang boleh memberi info awal tentang risiko aliran puing dan tanah runtuh, serta memantau pergerakan sesar aktif secara berterusan.

7. Projek ini juga untuk meningkatkan kesedaran masyarakat dan kesiapsiagaan terhadap bencana, mengumpulkan data geologi yang penting dan menyediakan pelan tindakan yang berkesan bagi mitigasi dan tindakbalas terhadap bencana geologi demi keselamatan dan kesejahteraan penduduk setempat.
8. Untuk makluman Yang Berhormat juga, penggubalan Dasar Pengurangan Risiko Bencana Negara 2030 merupakan rujukan utama dan panduan dalam pengurusan risiko bencana di semua peringkat nasional, tempatan serta merentasi sektor secara menyeluruh. Dasar ini merencanakan hala tuju strategik negara dalam mengurangkan risiko bencana ke arah membentuk negara Malaysia yang selamat dan berdaya tahan bencana.
9. Penghasilan dokumen ini membolehkan setiap agensi dan semua pihak berkepentingan mempunyai objektif yang sama di dalam pelaksanaan aktiviti/inisiatif berkaitan dengan DRR secara inklusif dengan memperkasa semua pihak berkepentingan termasuk komuniti dalam berkongsi komitmen untuk meningkatkan daya tahan negara terhadap bencana selari dengan matlamat *leave no one behind*.
10. Menggariskan empat (4) prinsip merangkumi perkongsian tanggungjawab (shared responsibility), keterangkuman (inclusive), penyertaan (participation) dan penyetempatan (localisation), pengurusan risiko bencana adalah secara *cross sectoral* termasuk ekonomi, sosial dan alam sekitar tanpa meminggirkan mana-mana pihak dalam proses pembuatan keputusan agar penyelesaian isu berkaitan bencana adalah terselaras dan menepati kehendak semua pihak.
11. Penyertaan semua pihak di setiap peringkat termasuk kelompok masyarakat bandar dan luar bandar dalam pengurusan risiko bencana merupakan kunci kepada keberkesanan inisiatif DRR serta menjamin kepentingan semua pihak.

**NO SOALAN: 82**

12. Mempunyai enam (6) sasaran utama yang perlu dicapai menjelang 2030, Dasar DRR Negara turut menetapkan agar bilangan negeri, daerah dan PBT yang mempunyai strategi DRR menjelang 2030 dapat dipertingkatkan. Strategi secara menyeluruh melalui pencegahan, mitigasi, kesiapsiagaan, tindak balas dan pembinaan semula sebagai usaha Kerajaan dalam membentuk negara Malaysia yang selamat dan berdaya tahan bencana.
13. Tambahan daripada itu, sasaran utama keenam turut menggariskan akan keperluan untuk meningkatkan ketersediaan dan akses kepada sistem amaran awal pelbagai bahaya (multi-hazard), maklumat risiko dan penilaian risiko bencana bertujuan untuk meningkatkan tahap kesediaan dan pengurusan risiko bencana yang berkesan di kalangan masyarakat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' AZMAN BIN NASRUDIN [PADANG SERAI]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB DATO' AZMAN BIN NASRUDIN [PADANG SERAI]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik terperinci ketidakhadiran calon SPM mengikut negeri dan daerah bagi tempoh 5 tahun terakhir, faktor-faktor yang dikenal pasti, kos pembaziran yang ditanggung dan langkah-langkah intervensi awal yang telah dan akan dilaksanakan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memaklumkan analisis kehadiran calon bagi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dilaporkan berdasarkan calon baharu yang mendaftar sekurang-kurangnya enam mata pelajaran.

Bagi peperiksaan SPM tahun 2020 hingga 2021, analisis menunjukkan seramai 6,540 orang calon tidak hadir bagi tahun 2020 dan seramai 10,681 orang calon bagi tahun 2021. Manakala bagi peperiksaan SPM Tahun 2022, seramai 14,858 orang calon tidak hadir menduduki peperiksaan dan 10,160 orang calon bagi SPM Tahun 2023.

Bagi peperiksaan SPM Tahun 2024 pula, berdasarkan analisis sehingga 22 Januari 2025, seramai 8,164 orang calon dilaporkan tidak hadir menduduki peperiksaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara sebab ketidakhadiran calon bagi peperiksaan SPM adalah termasuk bekerja, masalah keluarga, masalah kesihatan, meninggal dunia dan berpindah ke luar negara.

Bagi menangani isu ketidakhadiran calon menduduki peperiksaan SPM, KPM telah melaksanakan intervensi antaranya seperti berikut:

- i. memantau kehadiran murid ke sekolah secara harian melalui Sistem Kehadiran Murid (eKehadiran) dalam Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM) agar memudahkan pihak sekolah melaksanakan intervensi;
- ii. mengaktifkan Task Force Intervensi Murid Berisiko Cicir SPM pada semua peringkat dan memantau status murid berisiko cicir melalui papan pemuka (dashboard) bertujuan untuk memastikan kehadiran calon dalam peperiksaan SPM dan mengoptimumkan tindakan intervensi yang bersesuaian;

- iii. mengadakan Dialog Prestasi Nasional bagi membincangkan isu berkaitan kehadiran calon SPM dan melaporkan intervensi secara berfokus yang telah dilaksanakan pada peringkat jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan sekolah. Usaha ini memberi impak peningkatan kehadiran calon SPM yang lebih baik;
- iv. melaksanakan aktiviti berfokus seperti Program Ziarah Cakna, sesi konsultasi ibu bapa, permuafakatan Persatuan Ibu Bapa Guru serta Pelibatan Ibu Bapa, Komuniti dan Swasta. Kebersamaan dalam melaksanakan tindakan ini menunjukkan usaha yang optimum daripada semua pihak;
- v. memberi peringatan kepada JPN, PPD dan sekolah untuk memantau kehadiran murid ke sekolah dan peperiksaan SPM; dan
- vi. bekerjasama erat dengan Agensi Pengurusan Bencana Negara, Angkatan Tentera Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Jabatan Meteorologi Malaysia, Jabatan Kebajikan Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia dan jabatan pendidikan negeri bagi memastikan kelancaran pengendalian peperiksaan awam semasa musim tengkujuh atau bencana banjir.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM turut melaksanakan pengesanan awal murid berisiko cicir dalam kalangan murid Tingkatan 4 bagi memastikan mereka akan hadir menduduki peperiksaan SPM 2025. Pengesanan awal ini juga membolehkan pihak sekolah membuat perancangan bagi melaksanakan intervensi yang bersesuaian.

Bagi calon yang tidak hadir menduduki peperiksaan SPM Tahun 2024, KPM turut menyediakan ruang dan peluang kepada mereka untuk mendaftar menduduki peperiksaan SPM sebagai calon persendirian pada tahun-tahun berikutnya bagi tujuan melanjutkan pelajaran ke peringkat seterusnya atau mencari peluang pekerjaan.

KPM yakin dengan usaha berterusan dan komitmen semua pihak akan dapat meningkatkan kehadiran calon dalam peperiksaan SPM untuk tahun-tahun seterusnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH [BESUT]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB DATUK CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH [BESUT]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan komitmen Kerajaan dalam memastikan pelantikan Peguam Negara dilakukan secara telus tanpa campur tangan dan pengaruh politik mana-mana pihak.

**JAWAPAN**

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, proses pelantikan yang dijalankan bagi pelantikan Peguam Negara adalah selaras dengan Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan.
2. Pelantikan seseorang calon sebagai Peguam Negara adalah berdasarkan kelayakan, merit dan kepakaran beliau dalam bidang perundangan.
3. Kerajaan juga akan bertanggungjawab dalam memastikan semua pelantikan yang diuruskan adalah berlandaskan perundangan yang sedang berkuat kuasa tanpa campur tangan atau dipengaruhi oleh mana-mana pihak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN CHIEW CHOON MAN [MIRI]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB TUAN CHIEW CHOON MAN [MIRI]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Lembaga Kelayakan Profesional Undang-Undang akan mula diaudit oleh Ketua Audit Negara, jangka masa untuk audit tersebut disiapkan dan apakah tindakan yang akan diambil sekiranya didapati terdapat sebarang ketidakpatuhan pengurusan kewangan.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Kelayakan Profesional Undang-Undang (LPQB) akan diaudit oleh Ketua Audit Negara setelah pindaan kepada Akta Profesional Undang-Undang 1976 [Akta 166] mula berkuat kuasa. Kuasa pengauditan Ketua Audit Negara terhadap LPQB adalah tertakluk di bawah perenggan 5(1)(c) Akta Audit 1957 [Akta 62].
2. Tempoh masa pengauditan tertakluk kepada piawaian perakaunan semasa dan standard pengauditan yang diterima pakai, selaras dengan ketetapan di bawah Akta 62 dan mengikut piagam pelanggan yang ditetapkan oleh Jabatan Audit Negara.
3. Dalam keadaan terdapat sebarang ketidakpatuhan pengurusan kewangan, antara tindakan yang boleh dilakukan oleh Ketua Audit Negara di bawah Akta 62 adalah menurut subseksyen 9(4) Akta 62, jika berlaku ketakteraturan yang serius dalam perakaunan atau penjagaan wang awam atau simpanan awam, Ketua Audit Negara hendaklah dengan serta-merta membawa perkara itu kepada pengetahuan Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan Pengerusi LPQB, dan Ketua Audit Negara boleh membuat syor untuk menangani ketakteraturan serius tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN CHONG CHIENG JEN [STAMPIN]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB TUAN CHONG CHIENG JEN [STAMPIN]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci terma-terma penyelesaian di antara PETRONAS dengan Kerajaan Negeri Sarawak berkenaan tuntutan hak Sarawak atas minyak dan gas yang dikeluarkan dari Sarawak.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Berdasarkan mesyuarat YAB Perdana Menteri dan YAB Premier Sarawak pada 7 Januari 2025, perkara-perkara yang berikut telah dipersetujui:
  - a. Kerajaan Negeri Sarawak mengiktiraf dan menerima Akta Kemajuan Petroleum 1974 [Akta 144] sebagai Akta Persekutuan yang menentukan tatakelola dasar dan pengoperasian industri petroleum di Malaysia;
  - b. PETRONAS menerima peranan PETROS sebagai aggregator gas (bukan LNG) di Sarawak dan bersedia bekerjasama dengan PETROS di Sarawak;
  - c. PETRONAS dan anak-anak syarikatnya tidak perlu dilesenkan dan tidak tertakluk kepada sebarang prosedur tambahan untuk melaksanakan pengoperasian petroleum di Sarawak selain apa yang telah diperuntukkan di dalam Akta 144;
  - d. Semua komitmen perjanjian sedia ada yang telah dimasuki antara PETRONAS dengan pihak-pihak ketiga termasuk PETROS berkaitan dengan aktiviti petroleum di Sarawak adalah sah, perlu diterima pakai dan diteruskan tanpa sebarang perubahan; dan
  - e. Semangat kerjasama sepenuhnya di antara PETRONAS dan PETROS dalam semua urusan.

2. Kerajaan Persekutuan, PETRONAS dan Kerajaan Negeri Sarawak/ PETROS kini sedang memperhalusi beberapa perkara termasuklah dari segi implikasi perundangan yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN WAN AHMAD FAYHSAL BIN WAN  
AHMAD KAMAL [MACHANG]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB TUAN WAN AHMAD FAYHSAL BIN WAN AHMAD  
KAMAL [MACHANG]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan  
sejauh mana kesiapsiagaan Malaysia menjelang kepengerusian ASEAN  
2025 dari sudut kerjasama serantau dalam mendepani landskap  
geopolitik global serta apakah anjakan baharu serta bidang keutamaan  
mengikut sektor mengambil kira pengalaman Malaysia sebagai  
Pengerusi ASEAN pada 1977, 1997, 2005 dan 2015.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Machang** atas pertanyaan yang dikemukakan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Sebagai Pengerusi ASEAN pada tahun 2025, Malaysia bersiap siaga sepenuhnya untuk menggalas tanggungjawab yang diamanahkan. Dalam menghadapi landskap geopolitik yang semakin kompleks, Malaysia telah menggariskan tiga keutamaan Kepengerusiannya, iaitu:
  - pertama, Malaysia akan memberi tumpuan kepada meningkatkan usaha memastikan rantau Asia Tenggara kekal aman, stabil, selamat dan makmur ketika berhadapan cabaran geopolitik antarabangsa semasa. Ini akan dilaksanakan menerusi membina keyakinan strategik, dialog dan diplomasi, dengan berlandaskan prinsip Kepusatan ASEAN, atau dengan izin, *ASEAN Centrality*;
  - kedua, Malaysia akan memberi tumpuan kepada usaha untuk meningkatkan perdagangan dan pelaburan intra-ASEAN yang dilihat masih berada di peringkat yang rendah serta memperluas kerjasama dan perkongsian ekonomi dengan rakan-rakan di luar rantau ini; dan
  - ketiga, Malaysia akan mengutamakan usaha-usaha untuk merapatkan jurang pembangunan, meningkatkan kualiti kehidupan dan menangani impak perubahan iklim supaya manfaat ekonomi dan pembangunan dapat dirasai oleh semua lapisan masyarakat di rantau ini.

2. Berdasarkan pengalaman Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN pada tahun 1977, 1997, 2005 dan 2015, Malaysia akan terus membawa anjakan baharu dalam pendekatan menerusi tema "Keterangkuman dan Kemampanan" sebagai panduan utama Malaysia dalam mengemudi ASEAN. Tema ini, antara lain, menekankan pentingnya dialog dan kerjasama terangkum dan mampan bagi memastikan rantau Asia Tenggara kekal aman dan stabil. Ini akan membolehkan segala aspek kelangsungan hidup diteruskan.
3. Tema ini juga memberi tumpuan kepada pendekatan ekonomi yang pragmatik yang bersandarkan nilai-nilai kemanusian yang mengambil kira kepentingan setiap lapisan masyarakat di rantau ini. Secara praktiknya, ia bermaksud menjadikan ASEAN sebagai sebuah destinasi pelaburan dan pembangunan yang menarik di samping mengurangkan kesan buruk yang diakibatkan oleh kepesatan ekonomi, seperti pencemaran dan kemusnahan alam sekitar.
4. Sejajar dengan tema tersebut dan bagi merancakkan lagi potensi ekonomi di rantau ini, Malaysia komited untuk menerajui inisiatif bagi meneroka serta memperluas kerjasama dan perkongsian ekonomi di luar rantau ASEAN. Salah satu usaha utama adalah penganjuran Sidang Kemuncak ASEAN-GCC Ke-2 serta Sidang Kemuncak ASEAN-GCC + China, yang menjadi wadah untuk merintis peluang perdagangan, pelaburan dan perkongsian teknologi dengan lebih meluas.
5. Selain itu, dalam memastikan ASEAN menikmati limpahan manfaat yang sama rata, Malaysia turut menyokong kemasukan segera Timor-Leste sebagai Negara Anggota ASEAN. Kemasukan Timor-Leste bukan sahaja melengkapkan lagi ASEAN sebagai sebuah rantau, malah berpotensi mengukuhkan lagi kerjasama politik, ekonomi dan sosio-budaya di kalangan Negara Anggotanya. Dengan penyertaan Timor-Leste, ASEAN akan dapat diperkasakan sebagai sebuah organisasi serantau yang terangkum, mampan, berdaya tahan dan berupaya menghadapi pelbagai cabaran semasa dan masa hadapan.

6. Semasa Kepengerusian ASEAN-Malaysia juga, ASEAN akan melancarkan Visi Komuniti ASEAN 2045 dan Pelan-pelan Strategiknya yang akan melakar halatuju strategik rantau ini bagi dua puluh (20) tahun akan datang. Sebagai Peneraju Utama, atau dengan izin, *Permanent Shepherd*, visi ini, Malaysia akan memastikan ia akan menjadi kerangka utama dalam menyumbang kepada keamanan, kestabilan dan kerjasama di rantau ini. Selain itu, ia juga akan sekali lagi bakal melakar sejarah kepada Malaysia sebagai negara tuan rumah untuk menyaksikan Visi tersebut diperaku dan dilancarkan oleh Pemimpin ASEAN.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YAB DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI [GOMBAK]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YAB DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI [GOMBAK]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan persediaan Kerajaan bekerjasama dengan negeri Selangor sebagai penganjur bersama untuk majlis utama ASEAN bersempena Tahun Melawat Selangor 2025 dan Kepengerusian ASEAN-Malaysia. Dengan mengambil kira cabaran keadaan geopolitik yang tidak menentu, apakah yang ingin dicapai selaku Pengerusi ASEAN 2025.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Gombak** atas pertanyaan yang dikemukakan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Sempena Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025, sebanyak 181 mesyuarat dan program akan diadakan di Lembah Klang. Ini merupakan peluang besar untuk mempromosi negeri Selangor sebagai satu destinasi utama di rantau ini.
2. Sehubungan ini, Kerajaan Persekutuan, melalui Sekretariat Logistik Induk ASEAN (SILA) di Kementerian Luar Negeri, bersedia bekerjasama rapat dengan Kerajaan Negeri Selangor untuk mempromosi destinasi-destinasi menarik di Selangor kepada delegasi asing yang menghadiri mesyuarat di sekitar Lembah Klang.
3. Kerjasama strategik bersama Kerajaan Negeri termasuk agensi-agensi berkaitan seperti, dengan izin, *Invest Selangor* dan pihak berkuasa tempatan tidak seharusnya terhad kepada penambahbaikan infrastruktur pelancongan dan kemudahan logistik di Selangor. Kerjasama ini harus menggalakkan penyertaan masyarakat Selangor dalam program-program ASEAN serta mempromosikan Selangor kepada komuniti antarabangsa melalui program kebudayaan, makanan dan kraf tangan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

4. Sebagai Pengerusi ASEAN, Malaysia akan memainkan peranan utama dalam menetapkan hala tuju ASEAN bagi mengharungi cabaran-cabaran semasa dan di masa hadapan. Malaysia juga akan memacu agenda Komuniti ASEAN demi kestabilan, keselamatan, kemakmuran dan kesejahteraan rantau ini serta rakyatnya.
5. Malaysia akan bekerja rapat dengan negara-negara anggota ASEAN lain dalam mengukuhkan perpaduan dan Kepusatan ASEAN dalam memastikan ASEAN kekal sebagai peneraju hala tuju dan masa depan rantau ini. Berlandaskan Kepusatan ASEAN, tema "Keterangkuman dan Kemampunan", dan prinsip-prinsip MADANI, Malaysia akan mengutamakan perkara-perkara berikut:
  - a. Malaysia akan mempromosi pemeliharaan keamanan dan kestabilan serantau dengan membina kepercayaan strategik di antara negara melalui dialog yang berterusan, diplomasi dan semangat kemuafakatan.

Malaysia akan menggesa pengurusan perbezaan antara negara secara sihat dan membina. Dalam hal ini, Malaysia akan menggalakkan tumpuan terhadap kesamaan antara negara bagi mempromosi kerjasama berbanding tumpuan terhadap perbezaan dan pertelingkahan.
  - b. Malaysia akan menggalakkan perdagangan dan pelaburan intra-ASEAN serta perkongsian ekonomi dengan rakan-rakan luar. Ini bertujuan meningkatkan integrasi ekonomi serantau dan daya tahan rantau ini dalam mengatasi kesan ketidaktentuan ekonomi global.

Malaysia akan memainkan peranan lebih luas dan meningkatkan kerjasama strategik dalam beberapa bidang antaranya ekonomi, pelaburan, tenaga boleh baharu, perubahan iklim, pelancongan, kemampanan dan kecerdasan buatan. Ini termasuk usaha memperkasa sinergi perdagangan dan peluang perkongsian ekonomi di luar rantau ASEAN, khususnya dengan ekonomi-ekonomi gergasi seperti Majlis Kerjasama Negara-Negara Arab Teluk (GCC) dan China, yang akan memperkuuh kedudukan ASEAN sebagai salah satu pusat perdagangan global yang penting;

- c. Malaysia akan memperkasa Komuniti ASEAN dengan tumpuan terhadap kesejahteraan rakyat dari segi aspek merapatkan jurang sosio-ekonomi, meningkatkan keadilan sosial, meningkatkan taraf hidup, membasi kemiskinan, dan mengekalkan kelestarian alam sekitar. Pembangunan modal insan juga akan diberi penekanan dalam memastikan masyarakat ASEAN mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam mengharungi cabaran masa hadapan yang lebih kompetitif.
- 6. Pelancaran Wawasan Komuniti ASEAN 2045 dan Pelan-pelan Strategiknya di Kuala Lumpur tahun ini akan menjadi panduan utama dalam proses pembangunan Komuniti ASEAN yang dinamik dan berdaya tahan untuk tempoh dua puluh (20) tahun akan datang. Visi ini juga penting bagi ASEAN dalam menangani cabaran-cabaran semasa serta meletakkan ASEAN sebagai blok serantau yang boleh memainkan peranan aktif di peringkat global.

**Tuan Yang di-Pertua,**

- 7. ASEAN perlu keluar dari terus menjadi pemerhati kepada peredaran global. Sebagai Pengerusi ASEAN, Malaysia akan meneraju ASEAN sebagai satu kuasa dinamik dan berpengaruh yang memacu dan menyumbang kepada perubahan positif terhadap landskap geopolitik dunia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]**

**TARIKH : 4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah Kementerian untuk menyelesaikan isu gaji pekerja SUHAKAM, termasuk meningkatkan peruntukan bagi memastikan kebijakan pekerja terjamin.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kerajaan sentiasa prihatin terhadap kebajikan pekerja Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) dan memahami kepentingan memastikan mereka menerima gaji yang setimpal dengan peranan serta tanggungjawab mereka.
2. Dalam hal ini, bagi Bajet tahun 2025, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM14.75 juta, yang turut mengambil kira keperluan pelarasian gaji tahunan bagi pekerja SUHAKAM.
3. Kerajaan melalui Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM) akan terus mengadakan sesi libat urus bersama SUHAKAM bagi memahami cabaran dan keperluan sebarang peruntukan tambahan. Sebarang cadangan peruntukan tambahan akan diteliti dan dibawa ke pertimbangan Jemaah Menteri dengan mengambil pandangan daripada Kementerian Kewangan.
4. Kerajaan MADANI akan terus komited untuk memastikan keseimbangan antara keperluan kebajikan pekerja dankekangan fiskal semasa serta memastikan setiap keputusan dibuat secara bertanggungjawab dan mampu.

Sekian, terima kasih.